



LAPORAN TAHUNAN

2022

www.perakforestry.gov.my

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

02

PERUTUSAN PENGARAH
PERHUTANAN NEGERI
PERAK

08

PERSPEKTIF
JABATAN

10

PERLEMBAGAAN, DASAR
DAN UNDANG-UNDANG

14

PENGURUSAN DAN
PENTADBIRAN

19

CARTA
ORGANISASI
DAN UNIT

34

PEJABAT HUTAN
DAERAH

41

PROFIL
PERHUTANAN
NEGERI

48

PETUNJUK
UTAMA

58

IMBASAN 2022

82

ARTIKEL 2022

126

PERISTIWA 2022

165

KERATAN
AKHBAR 2022

179

LAMPIRAN



02

PERUTUSAN PENGARAH



TAMAN EKO RIMBA ULU LICIN,
BERUAS

Perutusan Pengarah

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

Sebagai pembuka kalam, marilah sama-sama kita menzahirkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi atas penerbitan buku Laporan Tahunan 2022, Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga sidang redaksi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah menyumbang khidmat bakti cemerlang pada tahun 2022 sehingga terhasilnya Laporan Tahunan ini. Penyediaan Laporan Tahunan ini adalah satu kewajipan Pengarah Perhutanan Negeri sepermulaan tercatat di Seksyen 4(f) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985.

Tahun 2022 boleh ditakrifkan sebagai tahun peralihan untuk kita kembali kepada situasi normal selepas tercetusnya wabak Covid-19 pada tahun 2020. Keadaan ini disokong dengan pengumuman Kerajaan pada awal tahun 2022 iaitu negara beralih dari fasa Pendamik kepada Endemik.

Selaras dengan peralihan tersebut, kita melihat bahawa tahun 2022 bukan sahaja tahun yang cukup mencabar bahkan juga merupakan penanda aras kembalinya kita kepada "business as usual" dengan corak kerja kita semestinya berubah sekali lagi. Sepanjang dua (2) tahun bergelut dengan Pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kita bekerja secara bergilir dari rumah dan juga pejabat. Manakala gerak kerja dipantau atau dipandu secara atas talian khususnya melalui mesyuarat dan sebarang bentuk perbincangan.


Namun begitu, sebagai pemegang amanah dalam memastikan keharmonian dan keberlangsungan tadbir urus pengurusan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Negeri Perak, kita sentiasa bersiap siaga dalam mendepani apa jua bentuk cabaran. Ini jelas menunjukkan bahawa biar dalam apa jua keadaan pun, Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) tetap komited dalam memberikan perkhidmatan yang mantap dan terbaik dalam usaha untuk memastikan pengurusan sumber hutan di Negeri Perak ini sentiasa terpelihara.

Pelaksanaan perancangan, pembangunan dan operasi sepanjang 2022 telah dilaksanakan dengan jayanya bagi mencapai hasrat jabatan dalam menjadi agensi yang terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan.

Saya yakin dengan data dan fakta yang didokumentasikan di dalam Laporan Tahunan ini dapat dijadikan sebagai penanda aras kepada pencapaian Jabatan setiap tahun. Pencapaian-pencapaian yang membanggakan perlulah dikekalkan, manakala punca-punca kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan aktiviti perlulah diperbaiki dari semasa ke semasa.

Laporan Tahunan ini juga sangat berguna bukan sahaja kepada pemegang taruh, tetapi ia juga boleh menjadi bahan rujukan dan panduan kepada pihak-pihak tertentu untuk mendapatkan maklumat mengenai JPNP. Satu usaha yang wajar dipuji, kerana segala pencapaian Jabatan melalui program dan aktiviti dapat direkodkan secara sistematis untuk rujukan Jabatan pada masa hadapan.

DATO' MOHAMED ZIN BIN YUSOP
Pengarah Perhutanan Negeri
Perak Darul Ridzuan.



PENCAPAIAN

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) memainkan peranan penting dalam usaha untuk merealisasikan wawasan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) untuk diiktiraf sebagai sebuah agensi terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan. Tahun 2022 telah menyaksikan beberapa kejayaan penting yang telah dicapai oleh JPNPK seperti berikut :



Bukan itu sahaja, malah JPNPK juga telah mencapai beberapa kejayaan dari segi pengurusan pentadbiran. Antara kejayaan tersebut adalah :

i. Penerimaan Sijil Penghargaan Jabatan Perhutanan Negeri Perak di atas pencapaian 100% Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Tahun 2021 ; dan

ii. Penerimaan Sijil Penghargaan Jabatan Perhutanan Negeri Perak di atas pelaksanaan Pengauditan Nilai 2022 dengan memperolehi markah 82.70%.

Sepanjang tahun 2022, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah membelanjakan sebanyak RM 41.41 juta (95.15 %) Peruntukan Mengurus. Sejumlah peruntukan sebanyak RM 9.43 juta telah berjaya dibelanjakan di mana RM 7.66 juta (76.08 %) adalah melalui Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) dan RM 1.77 juta (98.18 %) melalui Peruntukan Pembangunan Kerajaan Negeri Perak (P05).

Sementara itu, jabatan juga telah berjaya mengutip hasil sebanyak RM 68.16 juta (134.58 %) dari sasaran asal serta kutipan ses Kumpulan Wang Pembangunan Hutan sebanyak RM 9.75 juta.

Pada akhir tahun 2022, seluas 986,020.77 hektar kawasan berhutan di Negeri Perak Darul Ridzuan adalah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK). Keluasan ini merupakan 97.3% daripada 1,015,683.71 hektar kawasan tanah berhutan dan 47.9% daripada 2,087,573.28 hektar jumlah keseluruhan keluasan tanah Negeri Perak Darul Ridzuan.



Tahun 2022 juga telah mencatatkan beberapa peristiwa penting dalam kalendar Perhutanan di Negeri Perak Darul Ridzuan. Antaranya ialah:

07

SMART Patrol yang telah dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP). Operasi Rondaan Bersepadu SMART Negeri Perak 1/2022 telah diadakan dari 14 hingga 19 Mac 2022, diikuti oleh Operasi Rondaan Bersepadu SMART Negeri Perak 2/2022 dari 8 hingga 12 Ogos 2022, dan Operasi Rondaan Bersepadu SMART Negeri Perak 3/2022 dari 21 hingga 25 November 2022;

01

Lawatan Kerja Delegasi Duta Eropah Anjuran Kerajaan Negeri Perak yang telah diadakan di Casuarina Convention Center, Meru Ipoh, pada 2 Mac 2022;

02

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021 dan Apresiasi Pesara Tahun 2022 Jabatan Perhutanan Negeri Perak, di Royal Perak Golf Club pada 2 Mac 2022;

06

Program Penghijauan Malaysia : Penanaman Pokok ke 2 Juta oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 12 Disember 2022;

05

Program *Malaysia Mountain Trail Festival* (MMTF) Edisi ke-5 pada 26 November 2022 – 27 November 2022 di dalam Hutan Simpan Bukit Larut, Daerah Larut dan Matang dengan kerjasama MMTF Consultant ;

03

Program Penghijauan Malaysia : Penanaman Pokok Oleh YAB Menteri Besar Perak Bersama Pelajar-Pelajar Negeri Perak pada 26 Ogos 2022 ;

04

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Al-Maghfur-Lah dan Duli Yang Maha Mulia Raja Pemaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim bercemar duli berangkat menyempurnakan Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2022 pada 25 Oktober 2022.



HARAPAN

Besarlah harapan saya agar jabatan ini dapat meningkatkan usaha ke arah pemeliharaan sumber asli agar dapat ditadbir urus dan dibangunkan secara sistematik berdasarkan kepada pengurusan hutan secara berkekalan untuk menjamin sumbangannya yang berterusan. Oleh itu, strategi dan rancangan pembangunan perhutanan telah diatur supaya pengurusan dan pemuliharaan khazanah hutan dapat dimanfaatkan dalam kehidupan sehari-hari. Walau bagaimanapun, ini hanya dapat dicapai dengan sokongan dan kesedaran semua pihak.

Syabas dan setinggi-tinggi penghargaan didedikasikan kepada seluruh warga Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang selalu meletakkan keberhasilan secara kolektif sebagai prioriti utama. Teruskanlah usaha merealisasikan segala objektif Jabatan untuk menjadikan agensi terunggul yang pastinya memberikan manfaat dan membentuk imej positif memberikan nilai dan makna kepada jabatan ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), semua agensi dan pertubuhan yang berkaitan atas kerjasama serta sokongan yang berterusan. Hargai dan sayangilah hutan kita.

Sekian, terima kasih.



DATO' MOHAMED ZIN BIN YUSOP
Pengarah Perhutanan Negeri
Perak Darul Ridzuan.



PERSPEKTIF JABATAN

WAWASAN

Menjadi Agensi Terunggul dalam Pengurusan Hutan Tropika Secara Berkekalan.

MISI

Untuk Mengurus dan Membangunkan Sumber Hutan Secara Berkekalan Serta Mengoptimumkan Sumbangannya kepada Pembangunan Sosio Ekonomi Negara.

OBJEKTIF

Untuk menguruskan sumber hutan secara berkekalan bagi pengeluaran hasil yang berkekalan dan perkhidmatan hutan serta penggunaannya secara optimum dan bersesuaian dengan keperluan alam sekitar

Untuk meningkatkan bekalan pengeluaran hasil dan perkhidmatan hutan melalui aktiviti-aktiviti perhutanan bersesuaian yang akan meningkatkan kualiti, produktiviti serta penggunaan sumber hutan

Untuk terus membangunkan teknologi mantap yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar bagi pemeliharaan, pengurusan dan penggunaan sumber hutan

Untuk memelihara dan melindungi kepelbagaian hayat hutan, air, tanah dan penggunaannya secara berkekalan

Untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan kilang-kilang pemprosesan berasaskan keluaran hutan serta menambah aktiviti-aktiviti hiliran dengan nilai tambah yang tinggi

Untuk memperkuuhkan pembangunan sumber manusia bagi menyokong sektor perhutanan dan meningkatkan kesedaran awam berhubung peranan hutan terhadap alam sekitar dan pemeliharaan melalui pembelajaran serta penyebaran maklumat

Untuk meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pendapatan negeri, pertukaran wang asing dan peluang-peluang pekerjaan

PIAGAM PELANGGAN

01

Semua permohonan untuk mengeluarkan hasil-hasil hutan atau menjalankan kilang berasas kayu akan diproses mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

02

Lesen-lesen untuk mengeluarkan hasil hutan akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan diberi, setelah semua syarat-syarat kelulusan dipatuhi.

03

Lesen untuk menjalankan kilang berasas kayu akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh siap kilang dibina setelah memenuhi semua syarat kelulusan.

06

Memberi perkhidmatan yang sebaik mungkin serta layanan yang mesra setiap masa.

05

Semua aduan kesalahan hutan akan diambil tindakan dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) hari dan dijawab di dalam tempoh masa tujuh (7) hari bekerja.

04

Keputusan mengenai permohonan melanjutkan tempoh lesen mengeluarkan hasil hutan atau lesen menjalankan kilang berasas kayu akan diberi dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh permohonan diterima.



10

PERLEMBAGAAN DASAR & UNDANG-UNDANG





PUSAT EKO PELAJARAN HUTAN PAYA LAUT MATANG



PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN, DASAR DAN UNDANG-UNDANG

Peruntukan Perlembagaan Persekutuan

Bidang Perhutanan merupakan bidang kuasa Kerajaan Negeri kerana disebut dalam Senarai Negeri yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Menurut Fasal (2) Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.

Di bawah peruntukan ini, Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat dan menerima pakai sesuatu undang-undang dan peraturan bagi mentadbir dan menguruskan hal-hal perhutanan di dalam negeri berkenaan. Kerajaan Persekutuan hanya memberi nasihat dan bantuan teknikal kepada negeri, penyelenggaraan stesen-stesen percubaan dan demonstrasi, latihan dan penyelidikan.

Majlis Tanah Negara

Majlis Tanah Negara (MTN) diwujudkan di bawah Perkara 91 Perlembagaan Persekutuan. Menjadi kewajipan MTN untuk membentuk, dari semasa ke semasa, dengan berunding dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Majlis Kewangan Negara suatu dasar negara untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah di seluruh Persekutuan bagi perlombongan, pertanian, perhutanan atau apa-apa maksud lain. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri boleh berunding dengan MTN yang bertindak sebagai penasihat berhubung dengan apa-apa perkara berkaitan dengan penggunaan tanah atau perundangan yang dicadangkan mengenai pentadbiran tanah.

Dasar Perhutanan Malaysia

Malaysia merupakan sebuah negara tropika yang meliputi kawasan seluas kira-kira 33 juta hektar, yang terdiri dari tiga wilayah; Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Malaysia mengiktiraf sumber hutan semula jadi sebagai sumber yang penting dan berharga dalam menyumbang kepada sosioekonomi negara dan kesejahteraan alam sekitar. Sehingga kini, kita masih mengekalkan komitmen yang dibuat semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992, untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara sebagai hutan dan litupan pokok. Ini termasuk hutan simpanan kekal/ hutan simpan/ hutan kekal/ hutan tanah kerajaan dan kawasan-kawasan perlindungan.

Dasar Perhutanan Malaysia (DPM) telah digubal dengan mengambil kira aspek utama ketiga-tiga polisi perhutanan Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kenyataan, Rasional dan Objektif Dasar dalam DPM adalah bersifat umum dan menjadi rujukan serta panduan bagi ketiga-tiga wilayah dalam menggubal dasar dan strategi di wilayah masing-masing. Penggubalan DPM hasil rundingan dan konsultasi ketiga-tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak sejak tahun

2016. Penilaian dan semakan semula dasar perhutanan serta perundangan akan dibuat dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa undang-undang dan dasar-dasar adalah selaras dengan perkembangan terkini dalam pengurusan hutan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Ketiga-tiga dasar perhutanan wilayah iaitu Dasar Hutan Sabah 2018, *Sarawak Forest Policy* 2019 dan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia (DPSM) yang memberi tumpuan kepada pengukuhan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan akan menjadi sebahagian daripada DPM 2020.

DPM diterima dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara Ke-78 (MTN). Sebelum itu, DPM dan DPSM telah disembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 10 November 2020. Baginda telah perkenankan supaya cadangan DPM dan DPSM 2020 ini diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Perak Darul Ridzuan untuk pertimbangan dan kelulusan supaya kedua-dua dasar ini dibincang dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara. MMKN Bil. 2010 bertarikh 23 Disember 2020 telah bersetuju dan mengesahkan DPM dan DPSM pada 6 Januari 2021.

Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia

Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia (DPSM) bertujuan membantu pihak kerajaan, badan bukan kerajaan, akademik, institusi penyelidikan, sektor swasta dan masyarakat dalam merealisasikan strategik yang dirangka bagi mencapai setiap objektif DPSM kepada pelan tindakan. Strategi dan pelan tindakan telah dirangka bagi menangani masalah dan perkara berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan pembangunan sumber hutan pada masa kini. Penekanan adalah untuk menstruktur program kerja yang akan memperkasa tadbir urus sedia ada, menangani jurang dan kekangan yang wujud. Pengurusan sumber hutan akan dijadikan keutamaan dengan memberi penekanan kepada keseragaman perundangan, garis panduan dan prosedur operasi standard yang mengawal piawai dan amalan serta memperkuuh dan menambah baik pengetahuan dan teknologi sedia ada.

Penggubalan DPSM merangkumi aspek-aspek pengurusan hutan secara berkekalan, pemuliharaan dan perlindungan kepelbagaiannya biologi dan perkhidmatan ekosistem hutan, mitigasi dan adaptasi kesan perubahan iklim, memperkasa penyelidikan dan pembangunan serta perkongsian maklumat.

MTN bersetuju dengan DPSM bagi menggantikan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) yang terpakai di Semenanjung.

Undang-Undang

i. Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]

Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] adalah suatu undang-undang yang diperbuat di bawah perenggan (b) Fasal (I) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan bagi maksud menentukan persamaan undang-undang bagi Negeri di Malaysia berkenaan pentadbiran, pengurusan dan pemuliharaan hutan dan pembangunan perhutanan di Malaysia. Akta Perhutanan Negara 1984 ini juga adalah bertujuan bagi menggalakkan keseragaman undang-undang antara Negeri. Akta Perhutanan Negara 1984 ini telah mendapat perkenan Diraja pada 24 Disember 1984 dan diwartakan pada 31 Disember 1984. Akta Perhutanan Negara 1984 ini telah diterima pakai bagi pemakaianya di Negeri Perak Darul Ridzuan dengan dinamakan sebagai Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 [Enakmen Bil. 3 tahun 1985] dan diwartakan pada 26 Disember 1985.

ii. Kaedah-Kaedah Hutan 1988

Kaedah-Kaedah Hutan 1988 [Pk. P.U. 39/1989] adalah suatu kaedah-kaedah yang dibuat untuk menetapkan prosedur pelaksanaan Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 bagi menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 111 Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985. Kaedah-Kaedah ini telah diwartakan dalam pemberitahuan Warta Kerajaan Negeri Perak pada 21 Disember 1989 dan mula berkuat kuasa mulai 22 Disember 1989.

iii. Enakmen Industri Berasas Kayu 1987

Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 [Enakmen Bil. 3 tahun 1987] adalah suatu Enakmen yang digubal berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Industri Berasas Kayu (Kekuasaan Badan Perundangan Negeri) 1984 [Akta 314] yang memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri meluluskan undang-undang berkenaan penubuhan dan pengendalian industri berasas kayu. Enakmen ini telah diwartakan dalam pemberitahuan Warta Kerajaan Negeri Perak pada 30 Julai 1987 dan mula berkuat kuasa mulai 1 Mac 1990.

iv. Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu 1990

Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu 1990 [Pk. P.U. 7/1990] adalah suatu kaedah-kaedah yang dibuat bagi menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 28 Enakmen Industri Berasas Kayu 1987. Kaedah-Kaedah ini dibuat untuk menetapkan prosedur pelaksanaan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987. Kaedah-kaedah ini telah diwartakan dalam pemberitahuan Warta Kerajaan Negeri Perak pada 15 Mac 1990 dan mula berkuatkuasa mulai 1 Mac 1990.

v. Dasar / Undang-undang / Dokumen Yang Berkaitan Berdasarkan Keperluan Kriteria Dan Petunjuk Malaysia Untuk Pengurusan Hutan Mampan (MC&I SFM)

Pengurusan hutan perlu mematuhi semua undang-undang yang berkaitan di Malaysia dan menghormati perjanjian-perjanjian serta persetujuan-persetujuan antarabangsa yang telah ditandatangani oleh Malaysia, dan mematuhi kesemua keperluan-keperluan pentadbiran yang berkaitan.

Undang-Undang Persekutuan

- ◆ Perlembagaan Persekutuan
- ◆ Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]
- ◆ Akta Orang Asli 1954 [Akta 134]
 - termasuk keputusan- keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan

- ◆ Akta Akses Kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedad 2017 [Akta 795]
- ◆ Akta Biokeselamatan 2007 [Akta 678]
- ◆ Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452]
- ◆ Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4]
 - Peraturan-Peraturan (Am) – Keselamatan Sosial Pekerja 1971
- ◆ Akta Kerja 1955 [Akta 265]
- ◆ Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]
 - Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015 [P.U. (A) 195/2015]
 - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989 [P.U. (A) 140/1989]
 - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 [P.U. (A) 294/2005]
- ◆ Akta Kilang dan Jentera 1967 [Akta 139]
- ◆ Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597]
- ◆ Akta Imigresen 1959/1663 [Akta 155]
- ◆ Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177]
- ◆ Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686]
- ◆ Akta Pemuliharaan Tanah 1960 [Akta 385]
- ◆ Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]
- ◆ Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]
- ◆ Akta Umur Persaraan Minimum 2012 [Akta 753]
- ◆ Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 828]
- ◆ Akta Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732]
 - Perintah Gaji Minimum 2020 [P.U. (A) 5/2020]
- ◆ Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514]
- ◆ Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [Akta 149]
- ◆ Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 [Akta 167]
- ◆ Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262]
- ◆ Akta Air 1920 [Akta 418]
- ◆ Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]
- ◆ Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
- ◆ Akta Pampasan Pekerja 1952 [Akta 273]

Undang-Undang Negeri

- ◆ Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 [Enakmen Bil. 3 tahun 1985]
 - Kaedah-Kaedah Hutan 1988 [Pk. P.U. 39/1989]
 - Kaedah-Kaedah Hutan Tadahan Air (Perak) 2010 [Pk. P.U. 47/2010]
- ◆ Enakmen Industri Berasakan Kayu 1987 [Perak Bil. 3 tahun 1987]
 - Kaedah-Kaedah Industri Berasakan Kayu 1990 [Pk. P.U. 7/1990]
- ◆ Enakmen Perbadanan Taman Negeri Perak 2001 [Enakmen 10 tahun 2001]

Dasar/Garis Panduan

- ◆ Kod Kelakuan bagi Keharmonian Perusahaan, 1975
- ◆ Manual Perhutanan 2003
- ◆ Pelan Tindakan Tanah Gambut Kebangsaan
- ◆ Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan
- ◆ Dasar Perhutanan Malaysia
- ◆ Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia
- ◆ Rancangan Fizikal Negara-3, 2015
 - Central Forest Spine Master Plan
- ◆ Dasar Kepelbagai Biologi Kebangsaan, 2016-2025
- ◆ Dasar Perubahan Iklim Negara, 2009
- ◆ Dasar Alam Sekitar Negara, 2002
- ◆ Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan, 2008-2020
- ◆ Dasar Sumber Air Negara, 2012



14

PENGURUSAN PENTADBIRAN





TAMAN EKO RIMBA ULU KINTA

DIREKTORAT



DATO' MOHAMED ZIN BIN YUSOP
Pengarah Perhutanan Negeri

"Cuba untuk tidak menjadi orang yang berjaya,
tetapi cuba menjadi orang yang bernilai."

- Albert Einstein



SITI DESSYMA BINTI ISNANI
Timbalan Pengarah (Pembangunan)

Akal itu adalah menteri yang menasihati, hati itu
ialah raja yang menentukan, harta itu satu tamu
yang akan berangkat, kesenangan itu satu masa
yang akan ditinggalkan.

- Siti Dessyma



AZNI RAHMAN BIN A.WAHID
Timbalan Pengarah (Operasi)

"Sebesar-besar atau seberat-berat urusan, jangan
dihadapi dengan muka berkerut, kerut muka itu
dengan sendirinya menambahkan lagi kerut pekerjaan."

- Hamka

KETUA PENOLONG PENGARAH



**NORZALYTA BINTI
MOHD GHAZALI**
Ketua Penolong Pengarah
Penguatkuasaan Hutan



AZHAR BIN ANUAR
Ketua Penolong Pengarah
Perancangan dan
Pengurusan Hutan



**MUHAMAD UZIR
BIN MOHD TAHIR**
Ketua Penolong Pengarah
Khidmat Pengurusan
dan Sumber Manusia



'AZMI BIN MOHD ZAIN
Ketua Penolong Pengarah
Silvikultur dan
Kepelbagai Biologi

PEGAWAI UNDANG-UNDANG



**PHULRANI KAUR
A/P GURCHARON SINGH**
Pegawai Undang-Undang

PEGAWAI KANAN PEMBANGUNAN



NGOO MOOI YEAN
Penolong Pengarah
Ladang Hutan dan Inovasi



**NORLIDA
BINTI KAMIL**
Penolong Pengarah
Perancangan dan
Pengurusan Hutan



**AMAR HASRIZAL BIN
SAMSUDIN**
Penolong Pengarah
Hasil Bukan Kayu dan Latihan



**HANITA BINTI
ALANG ISMAIL**
Penolong Pengarah
Khidmat Pengurusan dan
Sumber Manusia

PEGAWAI KANAN OPERASI



**HALIMATUL
SAADIAH BINTI
MUHAMMAD DAUD**
Penolong Pengarah Siasatan



**KHAIRUL NIZAM
BIN MOHAMED**
Penolong Pengarah
Perindustrian dan
Pengusahaan Hutan



**MUHAMMAD
ASYRAF BIN ZAINUL**
Penolong Pengarah
Hutan Lipur dan
Eko Pelancongan



**AFIQAH BINTI
ABD RAHIM**
Penolong Pengarah
Penguatkuasaan Hutan



**MIOR HIZRAN YUSOFF
BIN HJ. MIOR ISMAIL**
Penolong Jurutera Kanan

PEGAWAI HUTAN DAERAH



**MOHD HAFIZ
BIN SAMSUDIN**
Pegawai Hutan Daerah
Kuala Kangsar



**AZQAN DALILA
BINTI AHMAD TAJUDIN**
Pegawai Hutan Daerah
Kinta/Manjung



**AZRUL EKHUAN
BIN ELIAH**
Pegawai Hutan Daerah
Hulu Perak




KHAIRIL BIN SARIP
Pegawai Hutan Daerah
Larut dan Matang



**KHAIRUL NA'IM
BIN YA'AKUB**
Pegawai Hutan Daerah
Perak Selatan

19

CARTA ORGANISASI DAN SEKSYEN



**PUSAT EKO PELAJARAN HUTAN PAYA,
LARUT MATANG**

CARTA ORGANISASI JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK



AZNI RAHMAN BIN A.WAHID
TIMBALAN PENGARAH
(OPERASI)

SEKSYEN PENGUATKUASAAN HUTAN



NORZALYTA BINTI
MOHD GHAZALI
KETUA PENOLONG PENGARAH



AFIQAH BINTI ABD RAHIM
PENOLONG PENGARAH

SEKSYEN PERINDUSTRIAN DAN PENGUSAHASILAN



KHAIRUL NIZAM
BIN MOHAMED
PENOLONG PENGARAH

SEKSYEN HUTAN LIPUR DAN EKO PELANCONGAN



MUHAMMAD ASYRAF
BIN ZAINUL
PENOLONG PENGARAH

SEKSYEN KEJURUTERAAN HUTAN



MIOR HIZRAN YUSOFF
BIN MIOR ISMAIL
PENOLONG JURUTERA KANAN

PEJABAT HUTAN DAERAH



AZRUL EKHUAN BIN ELIAH
PEGAWAI HUTAN DAERAH
HULU PERAK



AZQAN DALILA BINTI
AHMAD TAJUDIN
PEGAWAI HUTAN DAERAH
KINTA/MANJUNG



MOHD HAFIZ BIN SAMSUDIN
PEGAWAI HUTAN DAERAH
KUALA KANGSAR



KHAIRIL BIN SARIP
PEGAWAI HUTAN DAERAH
LARUT DAN MATANG



KHAIRUL NA'IM BIN YA'AKUB
PEGAWAI HUTAN DAERAH
PERAK SELATAN

SEKSYEN PENGUATKUASAAN (SIASATAN)



HALIMATUL SAADIAH BINTI
MUHAMMAD DAUD
PENOLONG PENGARAH



YBHG. DATO' MOHAMED ZIN BIN YUSOP
PENGARAH PERHUTANAN NEGERI



SITI DESSYMA BINTI ISNANI
TIMBALAN PENGARAH
(PEMBANGUNAN)

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
DAN SUMBER MANUSIA**



**MUHAMAD UZIR BIN
MOHD TAHIR**
KETUA PENOLONG PENGARAH



**HANITA BINTI
ALANG ISMAIL**
PENOLONG PENGARAH

**SEKSYEN SILVIKULTUR DAN
KEPELBAGAIAN BIOLOGI**



'AZMI BIN MOHD ZAIN
KETUA PENOLONG PENGARAH

**SEKSYEN PERANCANGAN DAN
PENGURUSAN HUTAN**



AZHAR BIN ANUAR
KETUA PENOLONG PENGARAH



NORLIDA BINTI KAMIL
PENOLONG PENGARAH

**SEKSYEN LADANG
HUTAN DAN INOVASI**



NGU MOOI YEAN
PENOLONG PENGARAH

SEKSYEN PERUNDANGAN



**PHULRANI KAUR
A/P GURCHARON SINGH**
PEGAWAI UNDANG-UNDANG

**SEKSYEN HASIL BUKAN
KAYU DAN LATIHAN**



**AMAR HASRIZAL BIN
SAMSUDIN**
PENOLONG PENGARAH



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

MUHAMAD UZIR BIN MOHD TAHIR
Ketua Penolong Pengarah

Menguruskan peruntukan Mengurus (B25), Pembangunan (P05), Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Negeri Perak (KWPH), Perbelanjaan Negeri (P08), Perbelanjaan Pembangunan Persekutuan (P23), Perbelanjaan Mengurus Persekutuan (B23) dan Perbelanjaan Persekutuan (B11) untuk Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Pengurusan kewangan dan akaun seperti penyediaan anggaran belanjawan tahunan, gaji, elauan-elaun, projek pembangunan, pembelian barang-barang dan perkhidmatan serta pembayaran tuntutan kewangan. Bertanggungjawab bagi mengutip hasil termasuk premium, royalti, ses pembangunan hutan dan caj-caj lain serta laporan shuttle. Menyelaras urusan keselamatan dokumen, fizikal, peribadi dan rekod bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Menguruskan urusan surat menyurat, urusan perjalanan fail termasuk pembukaan dan penutupan fail. Mengendali segala aspek pengurusan pentadbiran bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Pengurusan Sumber Manusia berhubung perjawatan, rekod cuti, tatatertib dan perkhidmatan anggota di Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Mempertingkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pegawai dan anggota melalui program latihan umum melibatkan perkhidmatan dan kewangan seperti yang telah dirancang dan mengendali penyelenggaraan peralatan ICT, mengurus perisian-perisian aplikasi dan kemudahan, pengurusan laman web jabatan, bantuan teknikal pengemaskinian data dan hal-hal lain yang berkaitan. Menyokong pelaksanaan pelbagai program perhutanan yang dianjurkan oleh jabatan dalam usaha memantapkan operasi dan penguatkuasaan hutan, perancangan, pengurusan, pembangunan dan pemeliharaan hutan.

PENTADBIRAN



LOKASI : TAMAN EKO RIMBA KLEDANG SAIONG

DARI KIRI BELAKANG :

Nur Fazila binti Elias, Putri Noor Shuhaidah binti Megat Mohd Ghazali, Zan Nur Aini binti Zainal, Nur Faiza binti Ghazali, Ibrahim bin Said, Muhammad Sofian bin Omar, Yusri bin Yahya

DARI KIRI HADAPAN :

Mahanom binti Mior Arbi, Salmah binti Mohd Gidi, Haslini Zarina binti Hassan, Muhamad Uzir Bin Mohd Tahir, Hanita binti Alang Ismail, Norshakirah binti Ahmad Shukri, Natasha binti Ahmad Nazri, Azrina binti Mohammed Nasir

KEWANGAN



BARIS KIRI BELAKANG : Fatin Amira binti Kamaruddin, Mohd Uzaini bin Salim, Vatsala A/P Maria Chelvam

DARI KIRI HADAPAN : Noor Hidayah binti Abd Wahab, Hanani binti Abdul Rahman, Nurul Wahida binti Mohd Noordin, Muhamad Uzir bin Mohd Tahir, Hanita binti Alang Ismail, Rahmah binti Zakaria, Wan Noor Asyikin binti Anuar

HASIL



DARI KIRI BELAKANG : Zulfikry bin Osman, Nurul Hidayah binti Nordin, Salmah binti Samsudin, Noor Haziqah binti Hamdan, Nur Atirah binti Mohamad Samri, Nor Baharudin bin Zahir

DARI KIRI HADAPAN : Norlizawati binti Mohd Ali, Hanani binti Abdul Rahman, Muhamad Uzir bin Mohd Tahir, Hanita binti Alang Ismail, Norul Azian binti Md Amran

TEKNOLOGI MAKLUMAT



BARIS KIRI : Mohd Hezly bin Mustafa, Syaful Izwan bin Mohammad Mujab, Muhamad Firdaus bin Sulaiman, Loo Hon Thung



SEKSYEN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN HUTAN

AZHAR BIN ANUAR
Ketua Penolong Pengarah

Seksyen ini bertanggungjawab mengurus kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) secara sistematik dengan merekod perwartaan hutan sama ada perwartaan masuk dan pemansuhan HSK, merancang dan melaksanakan program dan aktiviti Pengurusan Sumber Hutan seperti mencuci dan menanda sempadan luar HSK dan Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F) bagi mencapai matlamat Pengurusan Hutan Secara Berkekalan.

Aktiviti lain adalah merancang dan melaksanakan program dan aktiviti pembangunan Hutan Asli bagi memelihara hutan semulajadi untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan seperti Hutan Simpanan Hutan Dara.

Seksyen ini turut bertanggungjawab dalam merancang dan menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan (RPH), Rancangan Kerja Hutan Paya Laut Matang (RKH) dan menyelaras penyediaan Rancangan Tahunan Hutan Perak di setiap daerah pentadbiran hutan bagi Negeri Perak. Di samping itu, seksyen ini juga bertanggungjawab untuk menyelaras penubuhan dan perkembangan petak-petak kajian serta menyelaras pelaksanaan kriteria dan petunjuk untuk Pensijilan Pengurusan Hutan di Malaysia (MC&I SFM) bagi FMU Perak.

Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab untuk mengurus dan melaksanakan Projek Central Forest Spine (CFS) di Negeri Perak seperti yang diterjemahkan di dalam Rancangan Fizikal Negara (RFN).



LOKASI : TAMAN EKO RIMBA PAPAN

BARIS KIRI :

Muhammad Shahril bin Mohd Baseri, Noor Aliza Binti Mohd Nordin, Muhammad Nasrul Affandi bin Muhd Taufiq, Norlida binti Kamil, Shahrulnizam bin Rosdi, Nurul Ain binti Saharuddin, Agkillah A/P N Maniam, Mohd Azlan bin Tarbian, Azizi bin Othman, Mohamad Hazraf bin Abdul Halim, Abdul Hafiz bin Abdul Latif, Ahmad Nazeem bin Ahmad Nazari, Azhar bin Anuar, Noor Asmizul bin Razak, Muhammad Sayfuan bin Mohd Suhaimin, Syed Huzaili bin Syed Husin, Siti Norjiha binti Ahmad, Muhammad Khafadzi bin Zulkapli, Yuzairin binti Yusop, Mirzanizam bin Mazlan, Abd Razak bin Mat Isa.



SEKSYEN SILVIKULTUR DAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI

'AZMI BIN MOHD ZAIN
Ketua Penolong Pengarah

Seksyen ini memainkan peranan dalam menyelaras pelaksanaan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan hutan melalui pelaksanaan aktiviti rawatan silvikultur di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK). Pelaksanaan aktiviti tersebut diperlakukan bagi memastikan dirian hutan terpulih dan dipelihara. Selain aktiviti utama tersebut, Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi di JPNPkk turut berperanan dalam merancang, melaksana dan memantau aktiviti di bawah Program Pembangunan Hutan Asli, Program Perhutanan Masyarakat (CSR), Projek Pembangunan Tapak Semaian serta Program Penanaman Pokok Bakau dan spesies-spesies yang sesuai di persisiran pantai negara.



LOKASI : TAMAN EKO RIMBA ULU KENAS

BARIS KIRI :

Mohd Yusrul Shahrin bin Yusop Baseri, Murshidi bin Musa, Azalanzazllay bin Mohd Sarif, Mohamad Rizal bin Md Yusof, Mohammad Khairul Nizam bin Shaari, Muhamad Zuraid bin Abu Hassan, Noor Asihkeen binti Ahmad Tajuddin, 'Azmi bin Mohd Zain, Mohamad Nor Adhzre bin Mustam, Norwati binti Sidek, Murni binti Samsuddin, Muhammad Syakir bin Ahmad



SEKSYEN PENGUATKUASAAN HUTAN

NORZALYTA BINTI MOHD GHAZALI
Ketua Penolong Pengarah

Secara amnya, seksyen ini bertanggungjawab untuk memantau dan membanteras kes kesalahan hutan di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), kawasan kelulusan lesen, permit penggunaan, premis Industri Berasas Kayu (IBK) dan juga semasa pemindahan hasil hutan (semakan dalam transit) dengan menguatkuasakan Enakmen Akta Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985, Kaedah-Kaedah Hutan (KKH) 1988, Enakmen Industri Berasas Kayu (EIBK) 1987 dan Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu (KKIBK) 1990.

Secara khususnya, seksyen ini bertanggungjawab dalam menjalankan fungsi :

- Menyelaras operasi penguatkuasaan di dalam HSK;
- Menyelaras operasi penguatkuasaan hasil hutan dalam transit melalui rondaan dan sekatan jalan raya;
- Menjalankan aktiviti pemeriksaan di Balai Pemeriksaan Hutan (BPH);
- Menyelaras aktiviti pemeriksaan IBK;
- Menyelaras semakan dan tindakan susulan terhadap aduan kes-kes kesalahan hutan;
- Menyelaras maklumat aktiviti penguatkuasaan dan kesalahan hutan daerah-daerah untuk penyediaan Laporan Bulanan Pemantauan / Penguatkuasaan Hutan;
- Menyelaras proses perlesenan pengusahaan hutan di Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Berimilik;
- Menyelaras kolaborasi strategik dengan agensi luar dalam bidang penguatkuasaan.



LOKASI : TAMAN EKO RIMBA KLEDANG SAIONG

BARIS KIRI :

Mat Radi bin Hamid, Afiqah binti Abd Rahim, Abdul Razak bin Abd Karim, Siti Aisyah binti Yaacob, Norzalyta binti Mohd Ghazali, Jamal Khir bin Hashim, Norfamiza binti Mohamad Sharif, Rizalman bin Mohamad, Mohd Fauzi bin Mohd Hassan, Ahmad Idzwan bin Mustapa @ Mustafa, Muhammad Fazrul Nizar Bin Abdullah Sani



SEKSYEN PENGUATKUASAAN SIASATAN

HALIMATUL SAADIAH BINTI MUHAMMAD DAUD
Penolong Pengarah

Seksyen ini bertanggungjawab melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti siasatan dan pendakwaan di mahkamah bagi kes kesalahan hutan.

Di samping memberi khidmat nasihat dan bantuan teknikal berkaitan siasatan kepada Pegawai Penyiasat Jabatan Perhutanan Negeri Perak selaras dengan peruntukan Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian 1985) dan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 serta undang-undang yang sedang berkuatkuasa.



LOKASI : TAMAN EKO RIMBA LATA ISKANDAR

BARIS KIRI :

Badrul Hadi bin Shaaruddin, Donald Gabriel Guakin, Halimatul Saadiah binti Muhammad Daud, Nor Afida binti Mohamed



SEKSYEN PERUNDANGAN

PHULRANI KAUR A/P GURCHARON SINGH
Pengawai Undang - Undang

Seksyen Perundangan bertanggungjawab dalam aspek perundangan dan pendakwaan yang dirujuk oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi menguatkuasakan undang-undang perhutanan. Tanggungjawab Seksyen ini adalah seperti berikut:

(A) Aspek Perundangan

- Memberi nasihat undang-undang berkenaan dengan perkara-perkara yang dirujuk oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
- Menyemak dokumen undang-undang seperti perjanjian dan memorandum persefahaman yang mana Jabatan Perhutanan Negeri Perak (mewakili Kerajaan Negeri Perak) merupakan salah satu pihak bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri dilindungi.
- Menggubal dan menyemak perundangan utama dan perundangan subsidiari perhutanan

(B) Aspek Pendakwaan

- Mengkaji kertas siasatan kesalahan hutan dan memberi nasihat serta arahan berkaitan dengannya.
- Mengendalikan perbicaraan dan prosiding jenayah kesalahan hutan di mahkamah.



LOKASI : TAMAN EKO RIMBA KLEDANG SAIONG

BARIS KIRI :

Roshida binti Udzir, Phulrani Kaur A/P Gurcharon Singh, Norlianawati binti Mohd Razali



SEKSYEN PERINDUSTRIAN DAN PENGUSAHASILAN HUTAN

KHAIRUL NIZAM BIN MOHAMED
Penolong Pengarah

Perindustrian

Seksyen ini bertanggungjawab dalam memproses pelesenan Industri Berasas Kayu (IBK) serta pemantauan operasi perindustrian dan kemajuan penggunaan kayu serta Pembangunan Industri Berasas Kayu di Negeri Perak

Pengusahasilan

Seksyen ini juga bertanggungjawab memantau pengeluaran lesen pengusahasilan di Hutan Simpanan Kekal (HSK) supaya mematuhi Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang telah ditetapkan di samping menyelaraskan serta memproses pelesenan aktiviti pengusahasilan di Hutan Simpanan Kekal (HSK), Tanah Kerajaan, Tanah Milik dan Kup Arang Kayu (KAK) dan KUP Kayu Jaras (KKJ) serta Permit Penggunaan.



LOKASI : TAMAN EKO RIMBA BUKIT LARUT

BARIS KIRI :

Idres bin Mohd Yan, Nur Shahida binti Ismail, Nursyafira Ain binti Ahmad, Anas Ashraf bin Ahmad Termizi, Muhammad Imdad bin Ahmad Shahrom, Azrul Hisham bin Rasidi, Mior Khairul Azhan bin Mior Abdul Aziz, Baizueliza binti Bostamam, Nurul Hamisah binti Jamaludin, Zainun bin Zainuddin

DI TENGAH :

Khairul Nizam bin Mohamed



SEKSYEN HUTAN LIPUR DAN EKO PELANCONGAN

MUHAMMAD ASYRAF BIN ZAINUL
Penolong Pengarah

Seksyen ini merupakan Seksyen yang bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan membangunkan Taman Eko-Rimba di Negeri Perak, melaksanakan penyelenggaraan, penaiktarafan dan pembinaan baharu infrastruktur serta kemudahan yang bersesuaian agar dapat memenuhi kehendak serta menjamin keselamatan pengunjung, merancang dan melaksanakan program-program pengembangan dan pendidikan seperti pameran dan bengkel berkaitan bidang perhutanan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan dan keperluan memelihara sumber hutan dan alam sekitar, menganjurkan aktiviti-aktiviti berkonsepkan eko pelancongan seiring permintaan dalam memberi manfaat kepada masyarakat, memberi khidmat penerangan dan jurupandu mengenai perhutanan, aktiviti rekreasi dan pendidikan hutan yang dijalankan di kawasan Taman Eko-Rimba, dan lain-lain tugas berkaitan dengan promosi dan pembangunan eko pelancongan serta aktiviti rekreasi dan pendakian di bawah Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Seksyen ini juga berperanan dalam mengemaskini pengkalan data mengenai maklumat kemajuan fizikal dan kewangan pembangunan Taman Eko-Rimba, pengunjung dan lain-lain, mengumpul maklumat bagi penyediaan risalah, poster dan lain-lain bagi tujuan publisiti dan promosi Taman Eko-Rimba serta membantu merancang, mengenalpasti keperluan latihan untuk kakitangan dalam bidang pengurusan Taman Eko-Rimba dan mengenalpasti dan menjalankan latihan / kursus / bengkel Malim Gunung Perhutanan kepada semua pemohon yang berminat untuk berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak sebagai Malim Gunung Perhutanan.



LOKASI : TAMAN EKO RIMBA LATA ISKANDAR

BARIS KIRI :

Nurul Munirah Husna binti Hamdan, Mohamad Syafiq Syazwan bin Kamaruddin, Azlan bin Ahmad, Muhammad Asyraf bin Zainul, Azharul Hisham bin Ahmad Tajuddin, Nandini A/P V.Neru.



SEKSYEN KEJURUTERAAN HUTAN

MIOR HIZRAN YUSOFF BIN HJ. MIOR ISMAIL
Penolong Jurutera Kanan

Seksyen ini bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja pembinaan infrastruktur dan kemudahan yang melibatkan pembinaan, menaiktaraf dan penyelenggaraan Pejabat, Kuarters, Stor Rampasan, Jeti Jabatan dan Balai Pemeriksaan Hutan.

Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab untuk membuat semakan dan memberi ulasan ke atas Pelan Cadangan Pembinaan Jajaran Jalan Hutan berpandukan kepada Spesifikasi Garis Panduan Jalan Hutan 2010 (Pindaan 2013).

Seksyen ini adalah komited untuk memastikan semua pembinaan dan penyelenggaraan dibuat mengikut spesifikasi dan piawaian daripada Jabatan Kerja Raya serta mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Seksyen ini juga berperanan memastikan kenderaan jabatan berada dalam keadaan baik dengan melakukan penyelenggaraan berkala. Di samping itu, seksyen ini bertanggungjawab dalam melaksanakan pembelian kenderaan baharu mengikut kelulusan tahunan semasa daripada Pejabat Kewangan Negeri dan melupuskan kenderaan yang rosak serta tidak ekonomik berdasarkan pengesyoran daripada pihak Jabatan Kerja Raya (Mekanikal). Seksyen Kejuruteraan Hutan melaksanakan proses melucutah pemilikan kenderaan setelah mendapat perintah mahkamah bagi kesalahan hutan. Selain itu, seksyen ini memastikan penggunaan kad minyak serta Touch n Go boleh digunakan dengan lancar.



LOKASI : TAMAN EKO RIMBA LATA ISKANDAR

BARIS KIRI :

Mohd Helmi bin Darji, Jastiny Aima binti Jamaluddin, Rasyiqah Syahirah binti Saharuddin, Nurmala binti Mohamad Azmi, Rozana Binti Baharuddin, Mohd Risham bin Abdul Rahim, Mior Hizran Yussof bin Haji Mior Ismail, Iwan Mohamad Faisal bin Hamidi, Mohd Faizul bin Baharin @ Baharuddin



SEKSYEN LADANG HUTAN DAN INOVASI

NGU MOOI YEAN
Penolong Pengarah

Seksyen ini bertanggungjawab untuk melaksana dan menyelaras pengurusan dan pembangunan ladang hutan, pencegahan dan pengawalan kebakaran hutan, penyakit dan agen perosak, perolehan biji benih dan bahan tanaman serta projek Perak Oxygen Land Bank (POLB).

Selain itu, seksyen ini turut dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan dan pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.



LOKASI : TAMAN EKO RIMBA KLEDANG SAIONG

BARIS KIRI :

Muhammad Amirul Fikry bin Musa, Mohammad Shakirim bin Abdul Aziz, Ngu Mooi Yean, Harimanali bin Mohd Rasdi, Armelia binti Abd Rahman, Megat Nor Ismail bin Megat Saari, Mohd Irwan Fazli bin Abd Rahman.



SEKSYEN HASIL BUKAN KAYU & LATIHAN

AMAR HASRIZAL BIN SAMSUDIN
Penolong Pengarah

Seksyen ini bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan kerja-kerja penubuhan kawasan tanaman, rawatan serta penyelenggaraan tanaman herba, buluh dan rotan dalam Hutan Simpanan Kekal dan kawasan yang bersesuaian. Selain itu, HBK juga berperanan untuk memproses lesen-lesen pengusahaan berasaskan produk hutan bukan kayu seperti buluh, rotan, petai, tanah merah, batu batan (kuari) dan lain-lain. Manakala Bahagian Latihan bertanggungjawab merancang Program Latihan Tahunan, mengkoordinasi dan melaksanakan kursus kepada kakitangan jabatan serta menyelaras penempatan pelajar latihan industri dari Institut Pengajian Tinggi.



LOKASI : TAMAN EKO RIMBA KUALA WOH

BARIS KIRI : Tinarossima binti Badiauzaman, Shahrul Hisham bin Abdul Karim, Amar Hasrizal bin Samsudin, Rushiah binti Sujak, Rosazlina binti Rosdi, Zuraini binti Sarudin

34 PEJABAT HUTAN DAERAH





TAMAN EKO RIMBA PULAU TALI KAIL



PEJABAT HUTAN DAERAH

Bertanggungjawab dalam melicinkan lagi pelaksanaan fungsi Jabatan Perhutanan Negeri, pentadbiran perhutanan di peringkat negeri dipecahkan kepada daerah dan renj hutan yang bertanggungjawab mengenai pentadbiran di peringkat daerah dan renj hutan, pengawalan pengusahasilan dan operasi industri berasas kayu, kutipan hasil, penguatkuasaan undang-undang perhutanan serta pelaksanaan aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan di lapangan.



PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK

AZRUL EKHUAN BIN ELIAH
Pegawai Hutan Daerah



LOKASI : TAMAN EKO RIMBA PULAU TALI KAIL

DARI KIRI BARIS
BELAKANG :

Jefry bin Khalid, Hilmi bin Hamad, Hadil Aza bin Turidi, Samsul Rizal bin Idris, Mohd Rozaiful bin Ramli, Muhammad Alif Daniel bin Mat Saad, Ahmad Saiful bin Mohd Sabri, Amartulrahman bin Kamaruddin, Yahaya bin Nasrom, Ismail bin Hassim, Muhammad Suhaimi bin Abd Majid, Mohamad Juraimi bin Jaafar

DARI KIRI BARIS
DEPAN :

Mohd Zulhazimi bin Mohd Tajudin, Norzalita binti Mustaffa, Huda Husna binti Mohd Amin, Mohd Faiz bin Kamaruzzaman, Azrul Ekhuan bin Eliah, Saliza binti Baharom, Noranizah binti Mohamed, Nurul Diana binti Kamaruddin, Sabaruddin bin Mohd Bakri



PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA / MANJUNG

AZQAN DALILA BINTI AHMAD TAJUDIN
Pegawai Hutan Daerah



LOKASI : TAMAN EKO RIMBA PASIR PANJANG

HADAPAN :

Azqan Dalila binti Ahmad Tajudin

**DARI KIRI BARIS
PERTAMA :**

Shaier Shah bin Mohd Mukhtar, Khairulrizal bin Abu Kassim, Mohd Jamil bin Yusop, Ahmad Zamri bin Mat Isa.

**DARI KIRI BARIS
KEDUA :**

Mohd Faizal bin Mat Nordin, Saifulasrul bin Suid, Mohd Azmi bin Dahalan, Nurafzalita Azrin binti Zizan, Suraya Lee binti Abdullah, Nor Azimah binti Zakaria, Norlizatul Akmar binti Zulkiflee.

**DARI KIRI BARIS
KETIGA :**

Nazrur Rizal bin Nazlan, Mohamad 'Asri bin Kulup Khanip, Abu Hassan bin Husin, Siti Nadia binti Mohd Sabri, Normie Aziela binti Mat Nasir, Norasiah binti Mihan, Muhammad Amzar Faiz bin Yusof

**DARI KIRI BARIS
KEEMPAT :**

Meor Izwan bin Zainal Abidin, Hasri bin Mohd Sulaiman, Feisal bin Ziani, Mohamad Inis bin Mohamed Yusof, Mohd Ariffuddin bin Ramli, Mohd Kamal bin Adnan, Zamry bin Md Yet

**DARI KIRI BARIS
KELIMA :**

Mohamad Aiman Hilmi bin Ishak, Muhammad Ridzuan bin Abu Hanipah, Roszairi bin Ibrahim, Mohd Ridzuan bin Zayan, Ahmad Ramizan bin Hasballah, Sirajuddin bin Haris, Mohamad Albulqini bin Mohd Yunus



PEJABAT HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR

MOHD HAFIZ BIN SAMSUDIN
Pegawai Hutan Daerah



LOKASI : TAMAN EKO RIMBA ULU KENAS

**BARIS KIRI BARISAN
HADAPAN :**

Rohizan binti Abdul Talib, Norliana binti Kamaruddin

**BARIS KIRI BARISAN
KEDUA :**

Mohd Ibrahim bin Musa, Nor Khairunnisa binti Abd Malek, Mohd Hafiz bin Samsudin, Azizah binti Ahmad Zubir, Muhamad Aedy Azhar bin Alias

**BARIS KIRI BARISAN
KETIGA :**

Mohd Fazlee Shah bin Abu Kasim, Mohd Saleh bin Kamaruddin, Hasrizal bin Husin, Muhammad Amin bin Saadon, Khairullah bin Abd Latiff, Mohd Merzuki bin Mat Salleh, Kamal hakimi bin Muhammad

**BARIS KIRI BARISAN
TERAKHIR :**

Mohd Fakhri bin Mohd Amin, Muhammad Taufiq bin Osman, Hanizar bin Ismail, Mohamad Ameruddin bin Abdullah, Rohaizad bin Mohd



PEJABAT HUTAN DAERAH LARUT DAN MATANG

KHAIRUL BIN SARIP
Pegawai Hutan Daerah



LOKASI : PUSAT EKO PELAJARAN HUTAN PAYA LAUT MATANG

**DARI KIRI BARIS
HADAPAN :**


Hamzah bin Mohd Isa, Ahmad Nazeri bin Shahabuddin, Muhammad Farhan Najmi bin Mohd Ibrahim, Siti Fatimah binti Mat Puat, Norshamsiah binti Abdul Rashid, Zarina binti Ahmad, Khairil bin Sarip, Shuhada binti Sariban, Rizwani binti Hawari, Norlila binti Ramli, Mohamad Rosli bin Yusof, Mohamad Syazmel bin Abd Rashid, Mohd Zamzuri bin Osman.

**DARI KIRI BARIS
TENGAH :**

Mohd Fairus bin Salleh, Azmi Badiqul Zaman bin Jaya, Dhoruri bin Ghazali, Abdul Razak bin Bohari @ Bahari, Izzuan Zuhardy bin Muhamad Zamri, Siti Nur Adura binti Ali, Nurul Shahida binti Izan, Raihan binti Ahmad, Yusri bin Mohd Yusof, Mohd Zuhdi bin Mohamad Ibrahim, Muhamad Zaki bin Redzuan @ Che Rabuan, Masshor bin Ibrahim, Zulkefli bin Shamsudin, Mohammad Rifaee bin Saaid, Muhammad Hamzah bin Abdul Aziz, Dzolkfli bin Ahmad,

**DARI KIRI BARIS
BELAKANG :**

Mohamad Amin bin Jamaluddin, Azuan bin Ahmad, Asyraf Nor Azam bin Safar, Mohamad Fadzli bin Mat Nuri, Muhammad Hafizi bin Mat Fuad, Mohamad Asyraf bin Nazir, Mohd Rozoki bin Hasan, Abu Bakar bin Mat Saad, Hadir bin Abdul Wahab, Mohamad Fauzi bin Abdullah, Mohamad Hafiz bin Abdul Aziz, Mohd Rafaie bin Mohd Redzuan, Mohd Hazwan bin Abdullah Afandi



PEJABAT HUTAN DAERAH PERAK SELATAN

KHAIRUL NA'IM BIN YA'AKUB
Pegawai Hutan Daerah



LOKASI : TAMAN EKO RIMBA KUALA WOH

BARIS KIRI BELAKANG :

Redzuan bin Mat Isa, Muhammad Adi bin Ghazali, Hairul Anuar bin Hassan, Anuar bin Bahak, Ahmad Muzammir bin Mohamed Yusoff, Nur Hidayat bin Noor Azmi, Mohd Ariff bin Ahmad Darbi, Sulaiman bin Saleh, Mat Ali bin Mat Japri, Mohd Isa bin Chik, Sharifuddin bin Ngah Ismail, Mohd Azli bin Markawi, Anuar Naqjudin bin Mohd Yunus


DARI KIRI HADAPAN :

Muhamad Zarul Zhawaney bin Rosli, Mohd Shahrom bin Wahie, Nur Aiman Fakhri bin Abdul Manap, Nur A'in binti Chek Mustafa, Muhammad Hafiz Hasman bin Jamaluddin, Mohd Fakhri bin Mat Radzi, Khairul Na'im bin Ya'akub, Mis Maizura binti Amat Kaulan, Noorhayati binti Mohamed, Noraiza binti Ahmad Narzeri, Nurul Najwa Amira binti Mohd Tajudin, Noorhadzilah binti Shafie, Khairul Natasha binti Ismail



41 PROFIL PERHUTANAN NEGERI





PROFIL PERHUTANAN NEGERI

PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK
PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA/MANJUNG
PEJABAT HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR
PEJABAT HUTAN DAERAH LARUT DAN MATANG
PEJABAT HUTAN DAERAH PERAK SELATAN

1. Keluasan Tanah (ha)	:	2,087,573.28 ha	5. Catuan Tebangan Tahunan (Untuk HSK - ha)	:	
2. Tanah Berhutan (ha)	:	1,015,683.71 ha	5.1 Diluluskan	:	6,600 ha
3. Tanah Tidak Berhutan (ha)	:	1,071,889.57 ha	5.2 Diselaraskan	:	-
4. Sumber Hutan			5.3 Digunakan	:	6,035 ha
4.1 Hutan Simpanan Kekal (ha)	:	986,020.77 ha			
4.2 Cadangan Hutan Simpanan Kekal (CHSK)	:	5,397.78 ha			
4.3 Ladang Hutan (ha)	:	6,144.00 ha			
4.4 Tanah Kerajaan (ha)	:	19,146.40 ha			
4.5 Taman Hidupan Liar (ha)					
4.5.1 Dalam HSK	:	0.00 ha			
4.5.2 Luar HSK	:	4,508.38 ha			

PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK

MAKLUMAT LAPORAN TAHUNAN DAERAH HUTAN HULU PERAK

1. Keluasan Tanah (ha)	:	656,044.00 ha	5. Industri Hutan
2. Tanah Berhutan (ha)	:	450,976.99 ha	a. Bilangan
3. Tanah Tidak Berhutan (ha)	:	205,067.01 ha	Kilang Papan : 12 (Beroperasi : 11)
4. Sumber Hutan			Kilang Papan Lapis/Venir : 3 (Beroperasi : 3)
a. Hutan Simpanan Kekal (ha)	:	446,690.47 ha	Kilang Kayu Kumai : 1 (Beroperasi : 1)
b. Jenis Hutan (ha)			Kilang Perabot : 3 (Beroperasi : 1)
• Hutan Darat	:	446,690.47 ha	Kilang Blok : 1 (Beroperasi : 1)
• Hutan Paya Laut	:	-	Kilang Kayu Getah : 9 (Beroperasi : 8)
c. Keluasan (ha) yang dikeluarkan untuk Pengusaha Hasilan			Kilang Loji Tanur Pengawet : 5 (Beroperasi : 5)
• Hutan Simpan	:	3,642.00 ha	Arang/Cebis Kayu
• Tanah Kerajaan	:	195.00 ha	
• Tanah Milik	:	501.0029 ha	
d. Keluasan Kawasan Penandaan Pokok (ha)			b. Penggunaan Kayu (m³)
• Hutan Simpan	:	2,956 ha	Kilang Papan : 18,959.14
e. Pengeluaran (m³)			Kilang Papan Lapis/Venir : 3,238.64
• Kayu Balak	:	209,449.61 m³	Kilang Kayu Kumai : -
• Hasil Hutan lain :			c. Pengeluaran (m³)
i) Buluh	:	-	Kilang Gergaji : 9,479.57
ii) Bahan Batu	:	-	Kilang Papan Lapis/Venir : 1,619.32
iii) Tanah Merah	:	-	Kilang Kayu Kumai : -
			d. Bilangan Pekerja
			Bumiputera : 103 Orang
			Bukan Bumiputera : 40 Orang
			Bukan Warganegara Malaysia : 75 Orang
			Jumlah : 218 Orang

HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK)

Bil	Hutan Simpan Kekal	No. Warta	Tarikh Warta	KELUASAN (Ha)
01.	Padang Chong	2997	09.10.1914	1,044.10
02.	Lepang Nenering	2578	28.08.1914	3,808.00
03.	Papulut	2423	04.05.1923	10,854.16
04.	Bintang Hijau	960	20.02.1925	52,267.26
05.	Belukar Semang	917	04.07.1991	7,978.02
06.	Belum	806	06.06.1991	117,500.00
07.	Banding	581	29.03.2012	16,667.00
08.	Kenderong	1085	01.08.1991	6,346.26
09.	Gerik	1379	10.10.1991	37,220.00
10.	Temengor	1378	10.10.1991	148,870.00
11.	Gunung Lang	805	06.06.1991	1,419.00
12.	Sungai Kuak	1340	07.12.1989	729.60
13.	Ayer Chepam	182	27.02.1992	23,024.22
14.	Amanjaya	786	09.05.2013	18,862.36
JUMLAH BESAR				446,690.47



PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA / MANJUNG

MAKLUMAT LAPORAN TAHUNAN DAERAH HUTAN KINTA / MANJUNG

1. Keluasan Tanah (ha)	:	449,930.00 ha	5. Industri Hutan	
2. Tanah Berhutan (ha)	:	104,093.58 ha	a. Bilangan	104,093.58
3. Tanah Tidak Berhutan (ha)	:	347,248.07 ha	Kilang Papan	: 46 (Beroperasi : 43)
4. Sumber Hutan			Kilang Papan Lapis	: 5 (Beroperasi : 4)
a. Hutan Simpanan Kekal (ha)	:	99,499.742 ha	Kilang Papan Venir	: 2 (Beroperasi : 2)
b. Jenis Hutan (ha)			Kilang Kayu Kumai	: 3 (Beroperasi : 3)
• Hutan Darat	:	96,501.02 ha	Kilang Perabot	: 67 (Beroperasi : 56)
• Hutan Paya Laut	:	1570.33		
c. Keluasan (ha) yang dikeluarkan untuk Pengusaha Hasilan				
• Hutan Simpan	:	380.0 ha	b. Penggunaan Kayu (m³)	128,645.76
• Tanah Kerajaan	:	- ha	Kilang Papan	: 11,361.35
• Tanah Milik	:	88.59 ha	Kilang Papan Lapis/Venir	: 367.59
d. Keluasan Kawasan Penandaan Pokok (ha)			Kilang Kayu Kumai	
• Hutan Simpan	:	320 ha	c. Pengeluaran (m³)	101,919.29
e. Pengeluaran (m³)			Kilang Gergaji	: 11,361.35
• Kayu Balak	:	3430.07 m³	Kilang Papan Lapis/Venir	: 367.59
• Hasil Hutan Iain :			Kilang Kayu Kumai	
i) Buluh	:	-	d. Bilangan Pekerja	274 Orang
ii) Bahan Batu	:	1,810,319.78 tan	Bumiputera	: 458 Orang
iii) Tanah Merah	:	-	Bukan Bumiputera	: 585 Orang
			Bukan Warganegara Malaysia	
			Jumlah	: 1317 Orang

HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK)

Bil	Hutan Simpan Kekal	No. Warta	Tarikh Warta	KELUASAN (Ha)
01.	Bukit Kinta	6158	29.08.1930	67,257.13
02.	Kledang Saiong	1217	08.07.1952	11,001.34
03.	Parit	197	04.01.1910	952.04
04.	Bubu	547	11.02.1921	6,553.62
05.	Segari Melintang	350	03.05.1956	4,237.76
06.	Batu Undan	31	03.01.1930	314.95
07.	Teluk Muroh	381	12.02.2015	449.29
08.	Gunung Tunggal	1972	28.08.1928	251.35
09.	Lumut	5343	10.10.1940	305.97
10.	Teluk Kopiah	1337	11.08.1922	116.52
11.	Pangkor Utara	119	27.01.1911	184.32
12.	Tanjung Hantu	241	10.02.1928	75.77
13.	Pangkor Selatan	119	27.01.1911	157.11
14.	Sg. Pinang	119	27.01.1911	639.86
15.	Bujang Melaka	531	07.05.1987	3,625.01
16.	Kota Siam	1155	27.11.1956	387.11
17.	Kampar	6159	29.08.1930	425.38
18.	Pulau Tiga	40	04.01.1912	159.70
19.	Kampung Gajah	4326	17.06.1932	74.27
20.	Tanjung Burung	1057	04.02.1903	1,628.18
21.	Lekir	379	12.02.2015	616.00
22.	Sungai Batu	5254	30.07.202	51.922
23.	Changkat Keruing	5251	17.03.2022	34.84
JUMLAH BESAR				99,499.742

PEJABAT HUTAN KUALA KANGSAR

MAKLUMAT LAPORAN TAHUNAN DAERAH HUTAN KUALA KANGSAR

1. Keluasan Tanah (ha)	:	358,617.00 ha	Kilang Kayu Getah	:	4
2. Tanah Berhutan (ha)	:	213,651.83 ha	Kilang Pallet	:	1
3. Tanah Tidak Berhutan (ha)	:	144,965.17 ha	Loji Tepung Kayu	:	4
4. Sumber Hutan			Kilang Rotan	:	2
a. Hutan Simpanan Kekal (ha)	:	200,771.29 ha	b. Penggunaan Kayu (m ³)		
b. Jenis Hutan (ha)			Kilang Papan	:	63,015.08
• Hutan Darat	:	200,771.29 ha	Kilang Papan Lapis/Venir	:	68.11
• Hutan Paya Laut	:	-	Kilang Kayu Kumai	:	-
c. Keluasan (ha) yang dikeluarkan untuk Pengusaha Hasilan			c. Pengeluaran (m ³)		
• Hutan Simpan	:	1,615 ha	Kilang Gergaji	:	45,645.58
• Tanah Kerajaan	:	18 ha	Kilang Papan Lapis/Venir	:	397.36
• Tanah Milik	:	104 ha	Kilang Kayu Kumai	:	-
d. Keluasan Kawasan Penandaan Pokok (ha)			d. Bilangan Pekerja		
• Hutan Simpan	:	1,730 ha	Bumiputera	:	455 Orang
5. Industri Hutan			Bukan Bumiputera	:	303 Orang
a. Bilangan			Bukan Warganegara Malaysia	:	50 Orang
Kilang Papan	:	16	Jumlah	:	808 Orang
Loji Tanur Pengering	:	5			
Loji Pengawet	:	3			
Kilang Kayu Kumai	:	3			
Kilang Papan Lapis	:	1			
Kilang Perabut	:	21			
6. Ladang Hutan					
a. Keluasan (ha) :					
i. HS Piah				:	5,770
ii. HS Korbu				:	4,660
iii. HS Kledang Saiong				:	7,628
Jumlah				:	17,718

HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK)

Bil	Hutan Simpan Kekal	No. Warta	Tarikh Warta	KELUASAN (Ha)
01.	Piah	164 & 380	29.01.1915	72,716.55
02.	Korbu	772	31.01.1931	81,113.90
03.	Bintang Hijau	960	20.02.1925	10,569.01
04.	Kledang Saiong	1217	08.07.1952	16,685.70
05.	Bubu	547	11.02.1921	16,811.31
06.	Bukit Larut	100	21.01.1910	2,666.00
07.	Bukit Payong	5624	14.09.1928	208.85
JUMLAH BESAR				200,771.29



PEJABAT HUTAN DAERAH LARUT DAN MATANG

MAKLUMAT LAPORAN TAHUNAN DAERAH HUTAN LARUT DAN MATANG

1. Keluasan Tanah (ha)	:	370,323.0 ha
2. Tanah Berhutan (ha)	:	129,895.0 ha
3. Tanah Tidak Berhutan (ha)	:	240,337.0 ha
4. Sumber Hutan		
a. Hutan Simpanan Kekal (ha)	:	119,681.567 ha
b. Jenis Hutan (ha)		
• Hutan Darat	:	79,407.38 ha
• Hutan Paya Laut	:	40,274.187 ha
c. Keluasan (ha) yang dikeluarkan untuk Pengusaha Hasilan		
• Hutan Simpan	:	530.0 ha
• Tanah Kerajaan	:	- ha
• Tanah Milik	:	6.510 ha
d. Pengeluaran (m³)		
• Kayu Balak	:	23,060.03 m³
• Hasil Hutan Iain :		
i) Buluh	:	-
ii) Bahan Batu	:	-
iii) Tanah Merah	:	-

5. Industri Hutan		
a. Bilangan Kilang Papan	:	11 (Beroperasi : 8)
Kilang Papan Lapis /Venir	:	-
Kilang Kayu Kumai	:	-
Kilang Perabot	:	36 (Beroperasi : 29)
b. Penggunaan Kayu (m³)		
Kilang Papan	:	19,116.93
Kilang Papan Lapis/Venir	:	-
Kilang Kayu Kumai	:	-
c. Pengeluaran (m³)		
Kilang Gergaji	:	11,366.54
Kilang Papan Lapis/Venir	:	-
Kilang Kayu Kumai	:	-
d. Bilangan Pekerja		
Bumiputera	:	50 Orang
Bukan Bumiputera	:	48 Orang
Bukan Warganegara Malaysia	:	77 Orang
Jumlah	:	175 Orang

HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK)

HUTAN DARAT				
Bil	Hutan Simpan Kekal	No. Warta	Tarikh Warta	KELUASAN (Ha)
01.	Bukit Larut	100	21.01.1910	7,343.10
02.	Gunung Semanggol	639	12.10.1900	1,098.67
03.	Asam Kumbang	1957	31.12.1909	0.41
04.	Ijok	2579	28.08.1914	207.30
05.	Pondok Tanjung	982	19.03.1913	8,495.27
06.	Bubu	547	11.02.1921	12,910.35
07.	Bintang Hijau	960	20.02.1925	47,081.62
08.	Palong Tinggi	1124	26.06.1989	820.00
09.	Bukit Naga	785	25.02.1921	1,153.80
10.	Bukit Larut Tambahan	1753	10.05.2022	296.86

JUMLAH KELUASAN HUTAN DARAT

79,407.38

PAYA LAUT				
Bil	Hutan Simpan Kekal	No. Warta	Tarikh Warta	KELUASAN (Ha)
01.	Pulau Gula	1057	1903	1,240.00
02.	Cabai Malai	82	1904	1,254.00
03.	Pulau Kalumpang	1057	1903	4,090.00
04.	Sungai Baharu	1563	1906	931.00
05.	Sungai Sepetang	1563	1906	845.00
06.	Pulau Kecil	2862	1911	44.00
07.	Pulau Selinsing	1057	1903	2,944.00
08.	Jebong	1563	1906	867.00
09.	Jebong (Tambahan)	747	2004	72.00
10.	Pulau Sangga Besar	1903	1057	3,403.00
12.	Pulau Sangga Kecil	1903	1057	1,180.00
13.	Teluk Kertang	1562	1906	1,250.00
14.	Sungai Limau	1563	1906	2,958.00
15.	Pulau Trong Utara	99	1902	2,910.00
16.	Trong	1563	1906	721.00
17.	Pulau Trong Selatan	99	1902	4,966.00
18.	Sungai Temerlok	1563	1906	2,849.00
19.	Pulau Sungai Nibong	1563	1906	795.00
20.	Pulau Pasir Hitam	99	1902	4,704.00
21.	Sungai Tinggi	1563	1906	2,235.00
22.	Bagan Tiang	1730	2021	16.187

JUMLAH KELUASAN PAYA LAUT

119,681.567

JUMLAH KESELURUHAN

119,526.20

PEJABAT HUTAN PERAK SELATAN


MAKLUMAT LAPORAN TAHUNAN DAERAH HUTAN PERAK SELATAN

1. Keluasan Tanah (ha)	:	449,930.00 ha	Kilang Papan Lapis	:	2 (Beroperasi : 2)
2. Tanah Berhutan (ha)	:	119,024.66 ha	Kilang Venir	:	1 (Beroperasi : 1)
3. Tanah Tidak Berhutan (ha)	:	330,905.31 ha	Kilang Kayu Kumai	:	1 (Beroperasi : 1)
4. Sumber Hutan			Kilang Perabot	:	37 (Beroperasi : 33)
a. Hutan Simpanan Kekal (ha)	:	114,049.22 ha	Kilang Buluh	:	5 (Beroperasi : 4)
b. Jenis Hutan (ha)			Kilang Rotan	:	1 (Beroperasi : 1)
• Hutan Darat	:	114,077.14 ha	Kilang Loji Pengawet	:	2 (Beroperasi : 2)
• Hutan Paya Laut	:	146.27 ha	Kilang Tanur Pengering	:	2 (Beroperasi : 2)
c. Keluasan (ha) yang dikeluarkan untuk Pengusaha Hasilan			Kilang Loji Kayu Briket	:	1 (Beroperasi : 1)
• Hutan Simpan	:	80 ha	b. Penggunaan Kayu (m³)		
• Tanah Kerajaan	:	- ha	Kilang Papan	:	49,066.91
• Tanah Milik	:	235.81 ha	Kilang Papan Lapis/Venir	:	40,099.02
d. Pengeluaran (m³)			Kilang Kayu Kumai	:	776.82
• Kayu Balak	:	-	c. Pengeluaran (m³)		
• Hasil Hutan Lain	:		Kilang Gergaji	:	32,564.07
i) Buluh	:	-	Kilang Papan Lapis/Venir	:	14,769.73
ii) Bahan Batu	:	88,949.16 tan	Kilang Kayu Kumai	:	776.82
iii) Rotan	:	-	d. Bilangan Pekerja		
iv) Tanah Merah	:	-	Bumiputera	:	92 Orang
5. Industri Hutan			Bukan Bumiputera	:	170 Orang
a. Bilangan Kilang Papan	:	16 (Beroperasi : 15)	Bukan Warganegara Malaysia	:	330 Orang
			Jumlah	:	592 Orang

HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK)

Bil	Hutan Simpan Kekal	No. Warta	Tarikh Warta	KELUASAN (Ha)
01.	Bukit Tapah	1514	01.04.1933	61,130.75
02.	Bujang Melaka	531	07.05.1987	3,103.51
03.	Chikus	583	27.02.1914	1,726.69
04.	Bukit Slim	2134	24.03.1933	37,440.87
05.	Behrang	951	06.11.1903	8,044.22
06.	Gunung Besout	3377	21.11.1913	2,603.18
07.	Bakau Sungai Nipah	1754	26.05.2022	146.27
08.	Bukit Slim Tambahan	3659	22.09.2022	27.92
JUMLAH BESAR				114,223.41

48 PETUNJUK UTAMA





TAMAN EKO RIMBA KUALA WOH



PETUNJUK UTAMA 2022

1.0 PERUNTUKAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN




1.2 KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN HUTAN (KWPH)


1.2.1 PENGURUSAN SUMBER HUTAN





1.2.2 PEMBANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR





1.2.3 INFRASTRUKTUR DAN PERALATAN



1.2.3 PEMBANGUNAN MODAL INSAN





1.3 PEMBANGUNAN NEGERI (P05)

1.3.1 PENGURUSAN SUMBER HUTAN



1.3.2 INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN



1.4 PEMBANGUNAN NEGERI (P08)


1.4.1 PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA KEMEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK NEGERI PERAK





1.5 PERUNTUKAN PERSEKUTUAN

1.5.1 PENGURUSAN SUMBER HUTAN



1.5.2 PEMBANGUNAN HUTAN ASLI



1.6 PERUNTUKAN PERSEKUTUAN (B23)

1.6.1 PERUNTUKAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN



1.7 PERUNTUKAN PERSEKUTUAN (B11)

1.7.1 PERUNTUKAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN





58 IMBASAN 2022



BOKANTAN AND DURCH
DIRECTIONAL SIGNAGE



TAMAN EKO RIMBA ULU KENAS



BAHAGIAN KHIMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

Unit Pentadbiran


Bagi tahun 2022, sebanyak tiga (3) kali Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) telah diadakan dengan jayanya seperti yang telah disasarkan pada setiap tahun iaitu pada 16 Mac 2022 (Bil.1), 17 Ogos 2022 (Bil.2) dan 23 November 2022 (Bil.3). Juga telah bersidangnya Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia pada 26 Januari 2022 dan Mesyuarat Pertukaran Kakitangan (Jawatan Bukan Gunasama) pada 23 November 2022. Audit dalaman iaitu Pengemaskinian Buku Perkhidmatan pada Disember 2022 telah diadakan di peringkat Ibu Pejabat bagi memastikan ianya sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa. Selain itu, Unit Sumber Manusia turut mengawal selia perjawatan di Ibu Pejabat, Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan di daerah-daerah yang merangkumi 778 perjawatan dan pengisian sebanyak 709 perjawatan berdasarkan Surat Kelulusan Perjawatan Bil. N110 Tahun 2019, Bil. N114 Tahun 2019 dan Bil. N27/2020.

Unit Kewangan

Pada tahun 2022, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menerima peruntukan sebanyak RM 1,805,000.00 daripada Kerajaan Negeri untuk dibelanjakan bagi menguruskan dan menjalankan Projek-Projek Pembangunan Hutan bagi Peruntukan Pembangunan (P05). Sebanyak RM 1,772,159.50 atau 98.18% telah dibelanjakan pada tahun berkenaan. Bagi peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWH), sebanyak RM 10,070,000.00 telah diperuntukkan pada tahun 2022 dan perbelanjaan bagi KWH pada tahun 2022 adalah sebanyak RM 7,660,957.39 atau 76.08%. Peruntukan Persekutuan (P23) yang diterima daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pula adalah sebanyak RM 1,394,657.20 dan jabatan telah membelanjakan bagi projek-projek pembangunan hutan sebanyak RM 1,056,627.75 atau 75.56% daripada peruntukan yang diterima dan peruntukan B23 pula telah diterima sejumlah RM33,557.11 dan telah dibelanjakan keseluruhan iaitu 100%. Bagi perbelanjaan mengurus (B25) pula, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah diperuntukkan sebanyak RM 41,400,400.00 pada tahun 2022 dan telah membelanjakan sebanyak RM 39,402,678.08 atau 95.15% daripada peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan urusan pentadbiran yang melibatkan 5 (lima) daerah serta ibu pejabat.

Unit Hasil

Pada tahun 2022, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menyediakan sistem dalam talian bagi pengguna dan orang awam bagi kutipan hasil jabatan di mana beberapa projek telah dibangunkan dan berjalan dengan lancar seperti sistem ePermit yang menggunakan bayaran secara Jompay dan akan ditambah baik secara berperingkat. Selain itu, jabatan juga akan beralih ke arah pembayaran secara tanpa tunai (Cashless) di kaunter-kaunter hasil di seluruh Negeri Perak dengan memperkenalkan Terminal Kad Pembayaran (Point-Of-Sale) POS iaitu pembayaran menggunakan kad debit dan kredit yang dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2023. Bagi perancangan akan datang, dijangka pihak jabatan akan melaksanakan ePAY Bendahari Negeri Perak yang akan memanfaatkan seluruh jabatan di bawah Kerajaan Negeri Perak bagi mengutip hasil secara lebih sistematik dan menyeluruh.




SEKSYEN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN HUTAN

Sumber Hutan Negeri Perak telah diurus dengan teliti dan sistematik bagi menjamin kelangsungan perolehan berkekalan dengan memelihara aspek ekologi, alam sekitar dan sumber biodiversiti. Bermula tahun 1996, pengemaskinian telah dilaksanakan dengan mempraktikkan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (Sustainable Forest Management, SFM) disebabkan kadar permintaan pasaran. Melalui SFM, Hutan Simpanan Kekal (HSK) telah diurus melalui dua (2) giliran tebangan iaitu 55 tahun dan 30 tahun.

Namun begitu, kebanyakan kawasan HSK telah diurus melalui Sistem Pengurusan Memilih (Selective Management System, SMS) dengan pusingan tebangan selama 30 tahun. SMS melibatkan penetapan pemilihan regim pengurusan yang optimum iaitu melibatkan tebangan pokok dari kumpulan Dipterokarpa hanya dibenarkan dari saiz 50 cm dbh ke atas dan bagi jenis komersial lain hanya dibenarkan dari saiz 45 cm dbh ke atas.

Amalan Pengurusan Memilih membolehkan pengeluaran kayu-kayan secara berkekalan dengan kos pembangunan yang minimum di samping mengoptimumkan pengusahaan hutan. Had Batas Tebangan (HBT) akan ditentukan berdasarkan keputusan analisa Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F). Turutan operasi Sistem Pengurusan Memilih adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 1**.

Jadual 1: Turutan Operasi Sistem Pengurusan Memilih (SMS)





PROGRAM PENGURUSAN SUMBER HUTAN

i) Mencuci dan Menanda Sempadan Luar Hutan Simpanan Kekal (HSK)

Projek ini dilaksanakan dengan tujuan memastikan kedudukan sebenar dan kejelasan sempadan HSK menerusi penandaan dan pembersihan sempadan yang dijalankan sekurang-kurangnya setiap lima (5) tahun sekali. Kedudukan sempadan yang jelas dan tepat dapat diurus dan dibangunkan secara berkekalan di samping mengelak berlakunya aktiviti pencerobohan hutan dan penerokaan secara haram. Program ini melibatkan komponen pembersihan sempadan lama HSK, pembelian dan pemasangan papan tanda HSK serta pembinaan mercu tanda nama hutan simpanan kekal.

Pada tahun 2022, peruntukan asal sejumlah **RM800,000.00** telah diluluskan di bawah peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) telah dibelanjakan untuk menjalankan kerja-kerja mencuci dan menanda Sempadan Luar HSK sejauh **292km** yang melibatkan **9 kawasan** HSK.

ii) Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F)

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) bertanggungjawab untuk merealisasikan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan untuk faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar. Bagi mencapai objektif tersebut, maklumat berkaitan kandungan isi hutan secara menyeluruh dan tepat seperti kedudukan stok, keadaan dan taburan pokok besar, kayu jaras, anak pokok serta anak benih amat diperlukan supaya aktiviti pengurusan yang berkekalan dan pengusahahasil dapat dirancang dan dilaksanakan dengan baik. Selain itu, melalui maklumat tersebut juga dapat membantu untuk penetapan HBT yang optimum yang tepat.

Pada tahun 2022, peruntukan asal sejumlah **RM500,000.00** telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan Negeri (P05) kemudian peruntukan tersebut telah diselaraskan semula kepada **RM415,000.00**. Daripada keseluruhan peruntukan yang diterima, seluas **2,744 hektar** telah berjaya dijalankan aktiviti Pre-F merangkumi **7 kompatmen** HSK dan **8 blok pengusahahasil** di Negeri Perak dengan perbelanjaan sebanyak **RM399,544.50**. Bagi peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH), sejumlah **RM1,000,000.00** telah diluluskan dan seluas **5,061** hektar telah berjaya dijalankan aktiviti Pre-F yang merangkumi **14 kompatmen** HSK yang melibatkan perbelanjaan sebanyak **RM661,241.00**.

iii) Hutan Simpanan Hutan Dara (Virgin Jungle Forest Reserved - VJR)

HSK di Negeri Perak telah diklasifikasikan mengikut fungsi hutan seperti mana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 10 (1) Akta Perhutanan Negara, 1984. Salah satu dari kelas fungsi berkenaan adalah Hutan Simpanan Hutan Dara (*Virgin Jungle Forest Reserved – VJR*). Maka, pelaksanaan projek ini adalah untuk menggambarkan jenis – jenis hutan yang terdapat di negeri Perak. Penubuhan VJR berfungsi untuk mengekalkan khazanah hutan secara semulajadi tanpa ancaman terhadapnya. Dengan adanya penubuhan VJR ini, ia merupakan salah satu usaha untuk memelihara habitat flora, fauna dan mikroorganisma yang sedia ada selain dapat menjamin kelangsungan sumber genetiknya. VJR juga berperanan sebagai kawasan penyelidikan perhutanan merangkumi segala isi hutan.

Pada tahun 2022, sebanyak **RM 200,000.00** telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan Negeri (P05), kemudian peruntukan tersebut telah diselaraskan semula kepada **RM93,000.00** bagi menjalankan kerja-kerja bancian dan mencuci sempadan kawasan VJR. Sebanyak **7 kawasan** VJR telah dilaksanakan penyelenggaraan sempadan luar VJR dengan perbelanjaan sebanyak **RM92,547.75**.

iv) Koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS)

CFS merupakan kawasan yang telah dikenalpasti terdapatnya fragmentasi hutan yang merangkumi kompleks hutan di Semenanjung Malaysia. Menerusi Rancangan Fizikal Negara (RFN) 19, CFS diwujudkan bagi membentuk tulang belakang rangkaian Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) dan penyatuan kawasan fragmen hutan ini sangat penting dalam mewujudkan keseimbangan dan faedah di antara arus pembangunan dan aktiviti pemuliharaan. Kajian penyediaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi telah mengenalpasti sebanyak 37 rangkaian di seluruh Semenanjung Malaysia dan lapan (8) daripadanya terletak di Negeri Perak. Daripada keseluruhan lapan (8) rangkaian ini, lima (5) adalah merupakan Rangkaian Utama dan tiga (3) adalah Rangkaian Sekunder.

Pada tahun 2022, sebanyak **RM108,000.00** telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan Persekutuan (P23) dan sebanyak **RM91,740.00** telah dibelanjakan.

SEKSYEN SILVIKULTUR DAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI

Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi memainkan peranan dalam menyelaras pelaksanaan aktiviti pemeliharaan dan pemulihan kawasan hutan melalui pelaksanaan aktiviti rawatan silvikultur di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal. Pelaksanaan aktiviti tersebut dipraktikkan bagi memastikan dirian hutan terpulih dan dipelihara. Selain aktiviti utama tersebut, Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi di JPNPk turut berperanan dalam merancang, melaksana dan memantau aktiviti di bawah Program Pembangunan Hutan Asli, Program Kesedaran Awam (CEPA), Projek Pembangunan Tapak Semaian serta Program Penanaman Pokok Bakau dan spesies-spesies yang sesuai di Pesisiran Pantai Negara.

PROGRAM PEMBANGUNAN HUTAN ASLI

Di bawah Program Pembangunan Hutan Asli, terdapat lima (5) projek utama yang dijalankan iaitu :

i. Inventori hutan selepas tebangan (Post-F)

Aktiviti ini merupakan aktiviti utama dalam amalan silvikultur. Inventori yang dijalankan dalam kawasan HSK dalam tempoh 2 – 5 tahun selepas aktiviti pengusahaan selesai adalah bertujuan untuk mengumpul maklumat yang tepat dan bererti mengenai kedudukan stok, kandungan, keadaan dan taburan semua pokok besar, kayu jaras, anak pokok dan anak benih supaya diketahui gambaran isi hutan yang sebenar serta mengumpul maklumat mengenai kewujudan akar/pepanjat dan bertam. Hasil analisa data keputusan inventori Post-F tersebut akan dapat menentukan keadaan semasa bagi hutan tersebut sekaligus menentukan jenis rawatan yang perlu diambil bagi memulihkan hutan tersebut kepada asal.

ii. Tanaman Mengaya

Aktiviti tanaman mengaya ialah suatu jenis rawatan silvikultur yang dilaksanakan ke atas kawasan miskin di dalam HSK bagi membantu meningkatkan kandungan hutan tersebut supaya mencapai tahap yang dikehendaki terutamanya dari segi komposisi jenis-jenis spesies berpasaran dan bermutu tinggi. Pelaksanaan rawatan ini adalah ditentukan melalui analisa data daripada keputusan inventori Post-F.

iii. Pemulihan Kawasan Terosot

Kawasan terosot adalah merujuk kepada suatu kawasan yang kosong atau kurang dirian pokok dalam HSK yang mana terjadi akibat daripada kejadian bencana alam seperti hakisan tanah atau kebakaran hutan. Ia juga boleh terjadi disebabkan oleh penerokaan haram secara berterusan. Oleh itu, seksyen ini mengambil inisiatif dengan menjalankan projek pemulihan kawasan ini melalui aktiviti penanaman pokok-pokok daripada spesies berpasaran dan bermutu tinggi.

iv. Tanaman Dan Rawatan Bakau

Aktiviti ini adalah meliputi penanaman semula anak pokok bakau di kawasan Hutan Paya Laut yang telah diusahas. Secara umumnya aktiviti ini dijalankan di Daerah Hutan Larut & Matang dan bertujuan untuk memulihkan serta mengayakan semula kawasan tersebut.

Berikut merupakan pencapaian tahun 2022 bagi projek di bawah Program Pembangunan Hutan Asli :

PROJEK	PERUNTUKAN TAHUNAN (RM)	PENCAPAIAN FIZIKAL (HEKTAR)
Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F)	568,000.00	3,750
Tanaman mengaya	1,200,000.00	180
Pemotongan Akar/ Papanjat (CL)	-	-
Pemulihan Kawasan Terosot	800,000.00	45
Tanaman dan Rawatan Bakau	597,000.00	119.4



PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA : KEMEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK

Program Penanaman 100 Juta Pokok melalui Program Penghijauan Malaysia adalah merupakan program yang diwujudkan sempena program perintis penanaman 26 Juta Pokok yang telah dianjurkan oleh pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada tahun 2010 – 2014. Susulan daripada kejayaan program tersebut, Kerajaan Negeri Perak melalui Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah melancarkan "Kempen Tanaman 100 Juta Pokok" dengan sasaran tanaman dalam tempoh lima (5) tahun di seluruh Negeri Perak sebanyak 10 juta pokok seiring dengan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negeri Perak (RMK-12) di bawah Program ke-10 : Alam Sekitar dan Perhutanan untuk menanam 10 juta pokok dalam tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2021 hingga 2025.

Program ini dilaksanakan menerusi pelbagai medium dan salah satunya adalah melalui pendekatan *Corporate Social Responsibility* (CSR) iaitu penganjuran Program Sosial Perhutanan yang melibatkan aktiviti penghijauan bersama masyarakat dan penduduk setempat, pelajar sekolah dan universiti serta agensi kerajaan dan swasta. Ini bukan sahaja membantu hasrat untuk mewujudkan suasana persekitaran semula jadi yang hijau, segar malah meningkatkan kesedaran bahawa menghijau dan memelihara alam sekitar adalah tanggungjawab semua pihak serta memupuk rasa cinta kepada hutan dan alam sekitar di kalangan rakyat Negeri Perak.

Sehingga Disember 2022, sejumlah 2,342,007 pokok telah berjaya ditanam di seluruh negeri Perak menjadikan jumlah keseluruhan tanaman bagi tempoh 2021 hingga 2022 berjumlah 4,553,946 pokok. Ini memberi gambaran jelas akan komitmen pihak jabatan bagi memulihara dan memelihara kehijauan bumi Perak.

Butiran jumlah pokok yang ditanam sepanjang tahun 2021 hingga 2022 adalah seperti berikut :-

Jadual 3 : Jumlah Tanaman pokok dari tahun 2021 -2022

TAHUN	2021	2022	JUMLAH KESELURUHAN
BILANGAN POKOK	2,211,939	2,342,007	4,553,946
LUAS (HEKTAR)	5,568.07	6,151.81	11,719.88



PEMBANGUNAN TAPAK SEMAIAN

Tapak semaiian merupakan antara nadi utama bagi perjalanan sesebuah organisasi yang berperanan memelihara alam sekitar dan biodiversiti hutan. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menujuh dan menyelenggara 7 buah tapak semaiian bagi menampung keperluan anak pokok untuk tanaman di kawasan selepas usahasil. Antara aktiviti yang dilaksanakan di tapak semaiian adalah aktiviti pengutipan biji benih dan anak liar, menabung anak pokok dan menyemai biji benih serta kerja-kerja penyelenggaraan harian anak pokok. Berikut merupakan senarai tapak semaiian aktif yang diselenggara oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak :

Jadual 4 : Senarai Tapak Semaian di Jabatan Perhutanan Negeri Perak

BIL.	TAPAK SEMAIAN	TAHUN PENUBUHAN	KELUASAN (HEKTAR)	KAPASITI
01.	Tapak Semaian Air Ganda, Gerik	1981	2.3	100,000
02.	Tapak Semaian Ulu Piol, Manong	1952	7.0	60,000
03.	Tapak Semaian Bukit Larut, Taiping	1993	1.0	35,000
04.	Tapak Semaian Kuala Sepetang, Taiping	2010	0.02	8,000
05.	Tapak Semaian Pusing, Batu Gajah	1993	0.2	50,000
06.	Tapak Semaian Kampung Chang, Bidor	1980	0.77	30,000
07.	Tapak Semaian Chikus, Bidor	1992	2.5	Telah diswastakan

PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGARA

Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara merupakan program sambungan daripada Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10 : 2011-2015) yang mana bertujuan untuk memantapkan usaha pemeliharaan pesisiran pantai bagi menjaga kesejahteraan rakyat tepi pantai serta mengekal dan meningkatkan ketabilan kawasan pesisir pantai daripada pukulan ombak kuat dan angin kencang serta ancaman kejadian tsunami.

Secara khususnya, pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk mencapai empat (4) objektif utama iaitu :-

01

Memulihara pesisiran pantai sebagai lindungan semulajadi bagi mengurangkan kemusnahan akibat kejadian alam dan hakisan tanah;

02

Mewujudkan zon penampang bagi menahan kekuatan ombak dan angin kencang serta mencegah pencemaran alam sekitar;

03

Memuliharkan habitat pesisiran pantai yang menjadi koridor kepada kepelbagaiaan biologi serta memperkayakan sumber hasil pantai; dan

04

Meningkatkan kualiti alam sekitar dan nilai estetika sebagai daya tarikan pelancong;

PENGUATKUASAAN, SIASATAN DAN PERUNDANGAN

PENCAPAIAN TAHUN 2022 : Tahun 2022 menyaksikan pelbagai usaha daripada Seksyen Penguatkuasaan Hutan, Penguatkuasaan (Siasatan) dan Perundangan dalam memperkasakan bidang penguatkuasaan hutan di Negeri Perak. Seksyen ini terus melangkah dalam memperkuatkukan lagi bidang penguatkuasaan hutan di peringkat nasional. Pelbagai inisiatif dan pendekatan telah dilakukan bagi memastikan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak sentiasa dikawal selia dan diuruskan secara mampan dalam memberikan output yang terbaik kepada Negeri Perak

OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU

Penguatkuasaan secara umumnya didefinisikan sebagai perihal (perbuatan, tindakan, dan sebagainya) bagi menyekat amalan-amalan negatif sama ada melalui undang-undang atau program-program moral (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat). Manakala penguatkuasaan hutan bermaksud aktiviti untuk menguatkuasakan undang-undang melalui Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313], Kaedah-Kaedah Hutan (KKH), Enakmen Industri Berasas Kayu (EIBK) Dan Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu.

Salah satu strategi dalam menjalankan penguatkuasaan hutan secara berkesan adalah dengan pelaksanaan operasi bersepadu yang melibatkan kolaborasi pelbagai agensi penguatkuasaan yang berkaitan dengan penglibatan dari Badan Kerajaan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Badan Bukan Kerajaan.

Penguatkuasaan secara bersepadu ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dalam aspek penguatkuasaan hutan bagi membanteras sebarang aktiviti kesalahan hutan di dalam kawasan HSK serta kesalahan lain yang melibatkan hasil hutan.

Untuk rekod, senarai operasi bersepadu yang telah dilaksanakan pada tahun 2022 adalah seperti manajau Jadual 1:

Jadual 1: Senarai Operasi Bersepadu bagi Tahun 2022


BIL	NAMA	TARIKH	DAERAH	AGENSI TERLIBAT
1.	Ops Cegah	25 - 26 Januari 2022	<ul style="list-style-type: none"> ■ Hulu Perak ■ Perak Selatan 	JPNPK dan PDRM
2.	Operasi Rondaan dan Penguatkuasaan Berasaskan Sistem Smart Patrol di Bawah Projek UNDP / GEF-GOM <i>Improving Connectivity in The Central Forest Spine Landscape (IC-CFS) Bil 1/2022</i>	14 -18 Mac 2022	<ul style="list-style-type: none"> ■ Hulu Perak 	JPNPK dan PERHILITAN
3.	Ops Lambuk	26 - 28 April 2022	<ul style="list-style-type: none"> ■ Hulu Perak ■ Perak Selatan 	JPNPK dan PDRM
4.	Operasi Bersepadu SMART Negeri Perak Bil 2/2022	06-12 Ogos 2022	<ul style="list-style-type: none"> ■ Hulu Perak 	JPNPK,PERHILITAN, PGA, JMG, Perbadanan Taman Negeri Perak, RIMAU dan WWF
5.	Operasi Bersepadu SMART Negeri Perak Bil. 3/2022	21-25 November 2022	<ul style="list-style-type: none"> ■ Hulu Perak ■ Kuala Kangsar ■ Larut & Matang 	JPNPK,PERHILITAN, PGA, JMG, Perbadanan Taman Negeri Perak, RIMAU dan WWF
6.	Operasi Bersepadu Khazanah Siri 1,4,5,6 dan 9	Januari - September 2022	<ul style="list-style-type: none"> ■ Zon Utara 	JPNPK,PERHILITAN, PGA

KUTIPAN KOMPAUN DAN GANTIRUGI KESALAHAN HUTAN

Bagi tahun 2022, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah berjaya mengutip sebanyak RM 508,830.00 kompaun dan RM 50,000.00 gantirugi kesalahan hutan. Kesalahan yang dikenalpasti adalah di bawah seksyen 15(1), 32(1), 40(1), 47(1), 68(1), 81(1) dan 84(1), Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985.

KES KESALAHAN HUTAN (SIASATAN)

Bagi tahun 2022, sebanyak 32 kes kesalahan hutan berjaya dikesan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang meliputi pelbagai kesalahan hutan melalui peruntukan di bawah Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 dan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987. Pembukaan kertas siasatan (IP) telah dijalankan oleh Seksyen Penguatkuasaan (Siasatan) hasil daripada pengesanan kes ini. Daripada jumlah kes kesalahan hutan pada tahun 2022, sebanyak dua (2) kes telah diambil tindakan pendakwaan di mahkamah melalui Seksyen Perundangan. Antara kes kesalahan hutan yang didakwa di mahkamah adalah kes tangkapan di bawah kesalahan Memasuki hutan simpan dan memiliki hasil hutan tanpa kebenaran (Gaharu) di bawah Subseksyen 47(1) & 84(1), Memasuki hutan simpanan kekal tanpa kebenaran di bawah Subseksyen 47(1)(c) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985. Kes ini telah disebut di Mahkamah Sesyen Ipoh. Semua kes pertuduhan ini, tertuduh telah mengaku bersalah dan dikenakan hukuman denda.



SEKSYEN PERINDUSTRIAN DAN PENGUSAHASILAN HUTAN

PENGUSAHASILAN HUTAN

PENGUSAHASILAN HUTAN DARAT

Catuan Tebangan Tahunan (CTT) Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) telah diluluskan oleh mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-77 sebagaimana Jadual 1. Keluasan hutan darat mengikut jenis tanah yang telah dilesenkan pada tahun 2022 adalah sebagaimana ditunjukkan di Jadual 2:-

Jadual 1: Pelarasan Semula Catuan Tebangan Tahunan (CTT) Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak

TAHUN	CTT DILULUSKAN (Ha)
2021	6,600
2022	6,600
2023	6,600
2024	6,600
2025	6,600
JUMLAH	33,000

Jadual 2: Pengusahasilan Hutan Darat Mengikut Jenis Tanah Hutan Bagi Tahun 2022

HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK)				Jumlah	Tanah Kerajaan (ha)	Tanah Bermilik (ha)	Jumlah Kawasan Dilesenkan Untuk Pengusahasilan (ha)
Catuan Tebangan Tahunan (CTT)		Pembangunan (ha)					
Diluluskan (ha)	Diusaha Silikan (ha)	Ladang Hutan	Lain-lain	(e)=(b+c+d)	(f)	(g)	(h)=(e+f+g)
6,600	6,035	452.5	0	6,487.5	213	1,273.8448	7,974.3448

Jadual 3: Maklumat Lesen Pengusahasilan Hutan Paya Laut Matang bagi Kup Arang Kayu (KAK) Mengikut Suku Tahun 2022

Suku Tahun	Bilangan Lesen	Keluasan (ha)
PERTAMA	33	189.3
KEDUA	14	99
KETIGA	37	250.8
KEEMPAT	38	246
Jumlah	112	785.1

Jadual 4: Maklumat Lesen Pengusahasilan Hutan Paya Laut bagi Kup Kayu Jaras (KKJ) Mengikut Suku Tahun 2022

Suku Tahun	Bilangan Lesen	Keluasan (ha)
PERTAMA	17	330
KEDUA	30	521
KETIGA	19	343
KEEMPAT	27	497
Jumlah	93	1,691



INDUSTRI BERASAS KAYU (IBK)

Bilangan Kilang Dalam Industri Berasas Kayu

Sebanyak 518 buah kilang telah dilesenkan di bawah Industri Berasas Kayu (IBK) di Negeri Perak Darul Ridzuan sehingga tahun 2022. Daripada jumlah tersebut sebanyak 474 buah kilang beroperasi manakala sebanyak 44 buah kilang tidak beroperasi. Pecahan bilangan kilang IBK negeri Perak mengikut daerah hutan sehingga tahun 2022 adalah seperti di Jadual 5.

Jadual 5: Bilangan Kilang Industri Berasas Kayu Negeri Perak Mengikut Daerah Hutan Sehingga Tahun 2022


JENIS LESEN	BILANGAN KILANG (BERDAFTAR) MENGIKUT DAERAH HUTAN														JUMLAH KESELURUHAN			
	KINTA / MANJUNG			LARUT & MATANG			PERAK SELATAN			KUALA KANGSAR			HULU PERAK					
	Lesen	Operasi	Tidak Operasi	Lesen	Operasi	Tidak Operasi	Lesen	Operasi	Tidak Operasi	Lesen	Operasi	Tidak Operasi	Lesen	Operasi	Tidak Operasi	Lesen	Operasi	Tidak Operasi
Kilang Papap	46	43	3	9	9	0	16	14	2	17	15	2	12	11	1	100	89	19
Kilang Papap Lapis/Venir	6	5	1	0	0	0	3	2	1	1	1	0	3	2	1	13	9	4
Tenur Pengering	12	11	1	2	2	0	2	2	0	5	5	0	1	1	0	22	23	0
Loji Pengawet	18	17	1	1	1	0	2	2	0	3	3	0	1	1	0	25	27	0
Perabot/Kerja Kayu	106	89	17	25	23	2	43	41	2	24	24	0	3	1	2	201	203	5
Kayu Kumai	3	3	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	1	0	0	5	5	0
Kilang Kayu Getah	4	3	1	1	1	0	0	0	0	5	4	1	9	8	1	19	16	0
Lantai Parket	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	4	0
Kotak Kayu/Pak/Pallet	15	15	0	1	1	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	17	79	0
Cebis Kayu	10	9	1	1	1	0	1	1	0	2	2	0	3	3	1	17	4	4
Tepung Kayu	0	0	0	0	0	0	0	0	0	4	4	0	0	0	0	4	4	0
Tanur Arang	0	0	0	78	78	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0	79	1	0
Kilang Buluh	0	0	0	0	0	0	4	4	0	0	0	0	0	0	0	4	14	0
Komp. Bangunan	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0
Papan Blok/Bilah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1	1	2	0
Papan Serpih/Serpai	2	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	1	0
Kayu Briket	0	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0
Kilang Mancis	0	0	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0
Penyulingan Kayu	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	17	1
Kilang Rotan	0	0	0	1	0	1	1	1	0	2	2	0	0	0	0	4	17	1
JUMLAH	225	200	25	120	116	4	74	69	5	64	61	3	35	28	7	518	493	34

Pengeluaran Kayu Balak Mengikut Jenis Kayu

Pengeluaran kayu balak di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tahun 2022 adalah berjumlah 329,233.7 meterpadu yang terdiri dari kumpulan jenis Kayu Keras Berat (KKB), Kayu Keras Sederhana (KKS), Kayu Keras Ringan (KKR) dan Lain-Lain Jenis (LLJ) seperti ditunjukkan dalam **Jadual 2** dan **Carta 1**.

Jadual 2: Pengeluaran Kayu Balak Tahun 2022

BIL	KUMPULAN JENIS KAYU	PENGELUARAN (m ³)	PERATUS (%)*
1	Kayu Keras Berat (KKB)	17,070.72	7
2	Kayu Keras Sederhana (KKS)	67,824.83	26
3	Kayu Keras Ringan (KKR)	175,281.84	67
JUMLAH		260,177.39	100



Carta 1: Peratus Pengeluaran Mengikut Jenis Kayu Balak Tahun 2022

Penggunaan Kayu Balak dan Kayu Gergaji oleh Industri Berasas Kayu

Penggunaan (kemasukan) kayu balak oleh Kilang Papan adalah 195,340.20 meterpadu, dengan pengeluaran 134,483.39 meterpadu (**69%**). Penggunaan (kemasukan) kayu balak oleh Kilang Papan Lapis/Venir adalah 101,583.71 meterpadu dengan pengeluaran 26,131.05 meterpadu (**26%**), manakala penggunaan (kemasukan) kayu gergaji ke Kilang Kayu Kumai adalah 1353.76 meterpadu dengan pengeluaran 1,144.41 meterpadu (**85%**). Keterangan lanjut mengenai perkara ini adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Penggunaan Kayu Balak dan Kayu Gergaji oleh Industri Berasas Kayu Terpilih dan Pengeluaran Tahun 2022

BIL	JENIS KILANG	PENGUNAAN (m ³)	PENGELUARAN (m ³)	PERATUS (%)*
1.	Kilang Papan	195,340.20	134,483.39	69
2.	Kilang Papan Lapis/Venir	101,583.71	26,131.05	26
3.	Kilang Kayu Kumai	1,353.76	1,144.41	85
JUMLAH		298,277.67	161,758.85	54

*Pengeluaran Berbanding Penggunaan

Gunatenaga dalam Industri Berasas Kayu dan Industri Pengusahaan

Bilangan pekerja diupah dalam Industri Berasas Kayu dan Industri Pengusahaan di negeri Perak Darul Ridzuan bagi Tahun 2022 adalah berjumlah 3,623 orang. Keterangan lanjut mengenai perkara ini seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7: Gunatenaga dalam Industri Berasas Kayu Terpilih di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tahun 2022

PENGUSAHASILAN Harvesting				KILANG PAPAN Sawmills				KILANG PAPAN LAPIS/VENIR Plywood/Veneer Mills				KILANG KAYU KUMAI Moulding Mills				JUMLAH BESAR Grand Total			
MALAYSIA		JUMLAH	Total	MALAYSIA		JUMLAH	Total	MALAYSIA		JUMLAH	Total	MALAYSIA		JUMLAH	Total	MALAYSIA		JUMLAH	Total
B	BB			BW	BB			B	BB			BW	BB			B	BB		
604	274	-	878	556	814	495	1865	45	126	311	428	98	113	187	398	1303	1327	993	3623

PETUNJUK :

B - Bumiputera BB - Bukan Bumiputera BW - Bukan Warga Malaysia



SEKSYEN HUTAN LIPUR DAN EKO PELANCONGAN

HUTAN LIPUR

Hutan lipur didefinisikan sebagai kawasan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang berfungsi sebagai kawasan yang sesuai bagi menjalankan aktiviti-aktiviti rekreasi seperti beristirehat, beriadah, bersukan, memelihara flora dan fauna, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan lain-lain. Peranan hutan lipur dalam menyediakan lokasi yang bersesuaian untuk aktiviti riadah dan istirehat dilihat semakin penting di Negara ini ekoran kesedaran masyarakat terhadap kepentingan serta faedah alam semulajadi. Konsep hutan lipur masih mengekal dan menekankan kepada pendekatan *holistic* "Hutan Bukan Untuk Pengeluaran Kayu-kayan Semata-mata (*Forest beyond Timbers*)". Lantaran keperluan meneroka hasil baru selain kayu kayan, JPNPk telah mengambil pendekatan dan inisiatif dengan memperkasakan pengurusan hutan lipur dan telah diberi penjenamaan semula dan dikenali sebagai Taman Eko-Rimba (TER)..

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab ke atas perancangan, pembangunan dan pengurusan TER di Negeri Perak. Sejak tahun 1979, sejumlah 14 kawasan yang berpotensi dan mempunyai tarikan dari segi eko pelancongan telah dibangunkan dan dijadikan sebagai TER di Negeri Perak. Tarikan ini secara tidak langsung telah menjadi suatu aktiviti pengembangan ekonomi yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan negeri di samping mampu untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat dari pelbagai sektor khususnya sektor makanan dan minuman, perhotelan, kraftangan, budaya setempat dan pelbagai sektor lain yang menjadi sumber tarikan di kawasan sekitar. Senarai TER yang telah dibangunkan oleh JPNPk adalah seperti mana di **Jadual 1**.

Jadual 1 : Senarai Taman Eko Rimba, Jabatan Perhutanan Negeri Perak

BIL	DAERAH	NAMA (TER)	TAHUN PENUBUHAN	KELUASAN PEMBANGUNAN (ha)	LOKASI (HUTAN SIMPAN)
1.	Hulu Perak	Lata Kekabu	1990	6.19	Bintang Hijau
		Pulau Tali Kail	1997	0.67	Banding
2.	Kuala Kangsar	Ulu Kenas	1990	22.67	Bubu
3.	Perak Selatan	Lata Iskandar	1979	0.96	Bukit Tapah
		Kuala Woh	1983	6.17	
4.	Larut & Matang	Kaki Bukit Larut	1979	0.96	Bukit Larut
		Pusat Eko-Pelajaran Paya Laut Matang	2004	13.95	Jebong
5.	Kinta / Manjung	Ulu Kenas	1987	9.22	Bukit Kinta
		Papan	1992	9.57	Kledang Saiong
		Kledang Saiong	2010	26.68	
		Pasir Panjang	1996	5.57	Segari Melintang
		Sungai Salu	1998	1.00	Bujang Melaka
		Ulu Licin	2006	114.15	Bubu

PENUBUHAN HUTAN LIPUR

Pada tahun 2022, Seksyen Hutan Lipur dan Eko Pelancongan telah menerima sebanyak RM400,000.00 di bawah Peruntukan Pembangunan Negeri (P05) bagi Menjalankan Kerja-Kerja Menaiktaraf Jambatan, Pondok Pengawal dan lain-lain Kerja Berkaitan di Taman Eko-Rimba Ulu Kenas, Daerah Kuala Kangsar bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengujung. Projek telah siap sepenuhnya pada 2022.

Melalui Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPWH) pula, Seksyen Hutan Lipur dan Eko Pelancongan telah menerima peruntukan sebanyak RM2,227,210.00 bagi enam (6) Projek iaitu:

- i. Membina Baharu, Menaiktaraf dan Menyelenggara Taman Eko-Rimba;
- ii. Pembekalan Peralatan dan Kelengkapan bagi Kemudahan di Taman Eko-Rimba untuk keselasaan dan keselamatan pengunjung;
- iii. Perkhidmatan Pembersihan Taman Eko-Rimba Negeri Perak;
- iv. Sistem Amaran Kepala Air;
- v. Risalah Perhutanan, Lain-lain Penerbitan & Cetakan / Hebahan & Promosi;
- vi. Pameran, Seminar, Lawatan Kerja, Tinjauan Eko Pelancongan dan Program Perhutanan di dalam Negara / Luar Negara / Peringkat Antarabangsa.

Peruntukan tersebut telah dimanfaatkan bagi pembiayaan kerja-kerja Pembangunan dan Penyelenggaraan TER, Perkhidmatan Pembersihan di 10 TER, Penyelenggaraan Sistem Amaran Kepala Air di TER, Pembekalan Peralatan dan Kelengkapan TER, Cetakan Tiket Masuk TER, Cetakan Brosur, Penerbitan Buku, Cetakan Bunting dan Banner, Cetakan Bahan Pameran dan pelaksanaan Program Perhutanan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

MEMBINA BAHRU. MENAIKTARAF DAN MENYELENGGARA TAMAN EKO-RIMBA

Pada tahun 2022, Seksyen Hutan Lipur dan Eko Pelancongan telah menerima peruntukan sejumlah RM700,000.00 bagi Projek Membina Baharu, Menaiktaraf dan Menyelenggara Taman Eko-Rimba. Matlamat projek ini ialah untuk membangun dan melengkapkan kemudahan dan infrastruktur bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengunjung.

Permintaan bagi Kawasan rekreasi dan eko pelancongan pada masa kini di lihat semakin meningkat berikutan peningkatan kesedaran masyarakat dalam menghargai dan menikmati sumber alam semula jadi. Masyarakat kini giat mencari alternatif dan inisiatif baharu dalam mengisi masa lapang bagi mengurangkan tekanan ekoran kesibukan bekerja. Dengan adanya kemudahan yang selesa ini, secara tidak langsung dapat menarik lebih ramai pelancong tempatan dan luar negara seterusnya mampu menjana pendapatan kepada Kerajaan Negeri.

Selain memfokuskan kepada sektor eko pelancongan, Taman Eko-Rimba juga diyakini mampu menarik lebih ramai golongan penyelidik dan pelajar untuk menjalankan penyelidikan dan kajian berkaitan tarikan serta keunikan sumber alam semula jadi yang terdapat di Taman Eko-Rimba yang bersesuaian perlu disediakan bagi menarik lebih ramai pengunjung dari kalangan ahli akademik serta badan-badan bukan kerajaan untuk berkunjung ke kawasan ini.

PEMBEKALAN PERALATAN DAN KELENGKAPAN BAGI KEMUDAHAN DI TAMAN EKO-RIMBA UNTUK KESELESAAN DAN KESELAMATAN PENGUNJUNG

Pada tahun 2022, sebanyak RM20,000.00 telah diperuntukkan di bawah projek Pembekalan Peralatan dan Kelengkapan bagi Kemudahan di Taman Eko-Rimba untuk Keselesaan dan Keselamatan Pengunjung. Jabatan Perhutanan Negeri Perak merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam menguruskan Taman Eko-Rimba yang terdapat di Negeri Perak. Di bawah Pentadbiran Jabatan ini, sejumlah 13 Taman Eko-Rimba telah diuruskan sejak tahun 1979 yg dibahagikan kepada 5 buah Daerah Hutan yang terdiri daripada Daerah Kinta / Manjung, Hulu Perak, Kuala Kangsar, Larut & Matang dan Perak Selatan.

Kesemua 13 Taman Eko-Rimba ini mempunyai tarikan serta keunikan yang berbeza dan tersendiri. Dalam memastikan para pengunjung sentiasa berada dalam keadaan selamat dan selesa ketika berada di Taman Eko-Rimba, Jabatan ini selaku agensi yang menguruskan Taman Eko-Rimba sentiasa mengambil langkah proaktif dalam menyediakan kelengkapan / peralatan / lain-lain keperluan asas yang diperlukan di Taman Eko-Rimba.

Justeru itu, projek ini diwujudkan bagi membekal / membeli / menyewa peralatan / kelengkapan / lain-lain keperluan yang diperlukan di 13 Taman Eko-Rimba.



PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN TAMAN EKO-RIMBA NEGERI PERAK

Pada tahun 2022, sejumlah RM 834,210.00 telah diperuntukkan di bawah projek Perkhidmatan Pembersihan Taman Eko-Rimba Negeri Perak. Aspek kebersihan, keselesaan dan keselamatan pengunjung merupakan perkara yang sangat dititikberatkan di semua Taman Eko-Rimba Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Dalam menyediakan perkhidmatan berekreasi dan riadah yang bersih, selesa dan selamat, Jabatan ini telah melantik perkhidmatan pembersihan di 9 Taman Eko-Rimba.


SISTEM AMARAN KEPALA AIR

Pada tahun 2022, sejumlah RM15,000.00 telah diperuntukkan di bawah projek Sistem Amaran Kepala Air. Terdapat tujuh (7) kawasan TER di Negeri Perak yang telah siap dipasang sistem amaran kepala air sejak tahun 2013 yang berfungsi secara manual dan automatik. Kesemua sistem amaran kepala air ini perlu diselenggara secara berkala iaitu sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sekali.

Projek sistem amaran kepala air ini merupakan satu inisiatif yang dibangunkan oleh Jabatan ini dalam memberikan amaran dan makluman awal kepada petugas TER serta pengunjung terhadap ancaman kejadian kepala air agar tindakan segera dapat diambil di samping dapat mengurangkan risiko kemalangan dan kematian di TER. Senarai TER yang mempunyai sistem amaran kepala air adalah seperti pada **Jadual 2**.

Jadual 2 : Senarai Taman Eko-Rimba yang mempunyai sistem amaran kepala air

BIL	DAERAH	LOKASI (TER)	TAHUN DIBINA	JENIS
1.	Perak Selatan	Kuala Woh	2013	Manual
		Lata Iskandar	2022	Automatik
2.	Kuala Kangsar	Ulu Kenas	2013	Automatik
3.	Kinta / Manjung	Ulu Kinta	2014	Manual
		Papan	2014	Manual
		Kledang Saiong	2022	Automatik
4.	Hulu Perak	Lata Kekabu	2015	Automatik



SEKSYEN KEJURUTERAAN HUTAN

Program pembangunan infrastruktur yang dilaksanakan di bawah program ini bagi tahun 2022 adalah seperti berikut :

NAIKTARAF BANGUNAN

Pada tahun 2022, sebanyak RM100,000.00 peruntukan diberi untuk kerja-kerja naiktaraf bangunan pejabat, kuarters, jeti dan stor rampasan bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Perbelanjaan yang telah digunakan untuk membiayai kerja-kerja naiktaraf tersebut adalah sebanyak RM100,000.00 (100%):

PENYELENGGARAAN BANGUNAN

Bagi tujuan penyelenggaraan bangunan, sebanyak RM280,000.00 peruntukan telah diberi untuk menyelenggara bangunan pejabat, pejabat hutan daerah dan pejabat renjer hutan serta kuarters yang terlibat. Daripada peruntukan ini, sebanyak RM279,996.00 (99.99%) telah dibelanjakan.

Bangunan pejabat, kuarters, jeti dan stor rampasan jabatan di setiap daerah merupakan aset tak alih jabatan yang perlu diselenggara dan dinaiktaraf bagi memastikan keadaan bangunan tersebut dalam keadaan baik. Selain daripada itu, keadaan bangunan yang selamat dan selesa diduduki boleh meningkatkan produktiviti serta prestasi kerja kakitangan jabatan.

PEMBINAAN BAHARU BANGUNAN

Di dalam rancangan pembangunan bagi tahun 2022, Brif Projek bagi projek pembinaan baru iaitu Membina Baru Sebuah Bangunan Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak dan Membina Baru Kompleks Latihan Perhutanan Sungai Siput telah selesai dilaksanakan. Kedua-dua projek ini dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN JALAN HUTAN

Pembinaan dan penyelenggaraan jalan hutan merupakan salah satu aspek di dalam pengurusan hutan secara mampan yang perlu dititik beratkan bagi mengurangkan risiko kerosakan hutan. Sebanyak RM200,000.00 telah diperuntukan bagi tahun 2022 dan daripada jumlah ini, sebanyak RM198,340.50 (99.17%) telah dibelanjakan manakala bakinya tidak dibelanjakan kerana tiada keperluan lain.

PEMBELIAN DAN PENYELENGGARAAN KENDERAAN

Seksyen ini telah menerima peruntukan sebanyak RM520,000.00 untuk kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan. Peruntukan ini telah dibelanjakan sepenuhnya sebanyak RM520,000.00 (100%).

Tiada pembelian kenderaan dilaksanakan bagi tahun 2022.



SEKSYEN LADANG HUTAN DAN INOVASI


PROJEK PEMBANGUNAN LADANG HUTAN

Projek Pembangunan Ladang Hutan adalah projek ladang hutan yang diusahakan oleh syarikat swasta dengan kelulusan Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan. Projek tersebut terletak di dalam Zon Pembangunan Ladang Hutan (ZPLH) untuk tujuan komersial dengan tempoh masa yang telah ditetapkan. Setiap aktiviti bagi Projek Pembangunan Ladang Hutan dipantau agar mematuhi Akta Perhutanan Negara 1984, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Kaedah-Kaedah Hutan 1988, Peraturan-Peraturan Hutan dan dasar-dasar perhutanan serta pindaan-pindaan semasa. Tujuan utama Projek Pembangunan Ladang Hutan adalah seperti berikut:

- i. Menggantikan kayu-kayu bermutu sederhana serta berpatutan harganya;
- ii. Menggantikan kawasan hutan terosot/miskin dengan ladang hutan bagi meningkatkan daya pengeluaran kawasan tersebut;
- iii. Mengurangkan import kayu-kayu untuk menjimatkan pertukaran mata wang asing;
- iv. Menghijaukan alam sekitar serta memberikan persekitaran yang lebih bersih dan meningkatkan kualitinya;
- v. Mengurangkan tekanan ke atas hutan asli sebagai sumber bahan mentah; dan
- vi. Memastikan ketersediaan berterusan bagi industri kayu tempatan dan eksport di masa hadapan terutamanya dalam mencapai sasaran pendapatan RM50 billion menjelang 2020 yang ditetapkan oleh National Timber Industry Plan (NATIP) 2011.

Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan telah meluluskan sebanyak 10 spesies yang sesuai ditanam dalam ZPLH di Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Negeri Perak Darul Ridzuan seperti **Rajah 1**.

Jadual 1 : Spesies Tanaman Ladang Hutan yang Diluluskan oleh Kerajaan Negeri Perak



Projek ini diusahakan oleh syarikat-syarikat yang telah diberikan kelulusan Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Setiap aktiviti bagi Projek Pembangunan Ladang Hutan dipantau agar mematuhi Akta Perhutanan Negara 1984, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Kaedah-Kaedah Hutan 1988, Peraturan-Peraturan Hutan dan dasar-dasar perhutanan serta pindaan-pindaan semasa.

PETAK PERCUBAAN LADANG HUTAN

Seksyen Ladang Hutan dan Inovasi juga telah menubuhkan petak percubaan tanaman spesies-spesies ladang hutan yang terdiri dari pelbagai spesies tertentu di kawasan hutan terosot/miskin. Matlamat petak ini adalah untuk mengkaji kesesuaian spesies tertentu dalam HSK dan situasi hutan terosot/miskin. Antara spesies tersebut adalah seperti tanaman Pinus, Yamane, Getah, Karas, Jati, Sentong, Meranti Temak Nipis, Meranti Tembaga dan Meranti Sarang Punai. Bagi penyelenggaraan petak tanaman ini, iaanya dilaksanakan secara jabatan dan sesetengah daripadanya secara kontrak. Pokok yang telah matang seperti getah, pihak jabatan akan mengeluarkan lesen kecil bagi pengeluaran hasil bukan kayu iaitu lateks/susu getah.

Bagi mendapatkan data tumbesaran spesies pokok hutan pula, sebanyak 100 pokok akan dijadikan sebagai Petak Contoh Kekal (PCK) di mana bancian akan dilaksanakan secara berkala dan data tersebut akan dikumpul untuk dilaporkan ke Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) melalui sistem e-PCK.

Pada tahun 2022, peruntukan telah diterima sejumblah RM50,000.00 untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf projek POLB di Hutan Simpan Chikus, Daerah Hutan Perak Selatan. Perbelanjaan yang telah digunakan untuk membantu kerja-kerja tersebut adalah RM49,035.00 (98.07%).

PETAK FENOLOGI

JPSM telah menubuhkan beberapa petak fenologi di HSK Perak bagi tujuan memerhati perubahan pada pokok dan menentukan masa yang sesuai untuk membuat kutipan biji benih. Justeru itu, seksyen ini bertanggungjawab membuat pemantauan secara berkala dan maklumat pemerhatian fenologi yang diperolehi akan dilaporkan melalui *Electronic Forest Genetic Resources System (e-FORGRIS)* mengikut kod yang telah ditetapkan.

RAWATAN DAN PENYELENGARAAN LADANG HUTAN

Peruntukan diterima sebanyak RM 110,000.00

Perbelanjaan sebanyak RM 98,520.00

Baki sebanyak RM 11,480.00

Projek-projek yang merangkumi aktiviti penyelenggaraan dan pembersihan petak tanaman ladang hutan iaitu :

1

Pembangunan dan Penambahbaikan, Aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

PERBELANJAAN sebanyak RM 29,605.00
BAKI sebanyak RM 10,395.00

2

Penyelenggaraan Petak Perak Oxygen-Land Bank di HS Chikus, Daerah Hutan Perak Selatan

PERBELANJAAN sebanyak 49,035.00
BAKI sebanyak RM 965.00

3

Petak Tanaman bagi 5 spesies iaitu Chengal, Gerutu-Gerutu, Meranti Temak Nipis, Meranti Rambai Daun, dan Merawan Mata Kucing di HS Chikus, Daerah Hutan Perak Selatan

PERBELANJAAN sebanyak RM 19,880.00
BAKI sebanyak RM 120.00

PEROLEHAN BIJI BENIH DAN BAHAN TANAMAN

Seksyen ini bertanggungjawab untuk merancang, mengatur dan memantau kelengkapan peralatan serta aktiviti pengutipan biji benih dan bahan tanaman pokok hutan di seluruh negeri Perak. Aktiviti perolehan biji benih ini adalah menggunakan kaedah *single and double rope technique* yang telah dibekalkan oleh JPSM dan Jabatan ini.

Aktiviti perolehan biji benih adalah terbuka kepada semua warga kerja Jabatan ini yang berminat dan akan diberi latihan asas berkaitan peralatan serta kaedah ikatan. Selanjutnya, kakitangan yang terpilih akan diberikan latihan lanjutan bagi memberi kemahiran dan keyakinan terutamanya kepada pemanjat yang akan berkerja di atas dahan pokok.

Selain aktiviti memanjat untuk mendapatkan biji benih, pasukan ini turut diberi tanggungjawab untuk mengadakan demonstrasi perolehan biji benih serta pameran peralatan dan kelengkapan memanjat untuk program rasmi.

Sehingga Disember 2022 sejumlah 85 kg biji benih telah berjaya dikutip dan telah diedarkan ke tapak semaian daerah hutan untuk tujuan semaian. Rekod kutipan biji benih adalah seperti di **Jadual 1** dan bahan tanaman (anak pokok) yang telah dikutip adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 1: Rekod Kutipan Biji Benih Bagi Tahun 2022

BIL	HUTAN SIMPAN	DAERAH HUTAN	SPESIS	JUMLAH KUTIPAN ANAK BENIH (kg)
1.	Bintang Hijau	Hulu Perak	Meranti Temak Nipis	60.0
2.	Bintang Hijau	Hulu Perak	Keruing Belimbing	25.0
JUMLAH KESELURUHAN				85.0

Jadual 2: Rekod Kutipan Anak Pokok Bagi Tahun 2022

BIL	HUTAN SIMPAN	DAERAH HUTAN	SPESIS	JUMLAH KUTIPAN ANAK POKOK
1.	Bukit Tapah	Perak Selatan	Kempas	200
2.	Bukit Tapah	Perak Selatan	Meranti Batu	259
3.	Bukit Tapah	Perak Selatan	Merawan Siput Jantan	150
4.	Bukit Tapah	Perak Selatan	Meranti Tepak Nipis	1400
5.	Behrang	Perak Selatan	Merawan Sarang punai	300
6.	Bubu	Kuala Kangsar	Gerutu	800
7.	T.K Sungkai	Perak Selatan	Keruing Bulu	400
8.	Chikus	Perak Selatan	Meranti Tembaga	400
9.	Bukit Tapah	Perak Selatan	Bintangor D.Karat	239
JUMLAH KESELURUHAN				4,148



Tapak semaian skala kecil untuk projek perintis.

PASUKAN SEMUT MERAH

Pasukan Semut Merah telah ditubuhkan sejak tahun 2008 dan bertanggungjawab mengenalpasti dan memantau kawasan Titik Panas (Hotspot) di HSK Negeri Perak melalui Analisa Data Raya (Big Data Analytics-BDA) yang disalurkan oleh JPSM. Selain itu, pasukan ini juga bertanggungjawab membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam melaksanakan operasi pemadam dan pencegahan kebakaran hutan dengan bantuan kakitangan Pejabat Hutan Daerah. Rajah 2 di bawah menunjukkan contoh lokasi kebakaran di Hutan Simpan Bukit Tapah, Daerah Hutan Perak Selatan yang berlaku pada tahun 2022.



Jadual 2: Kebakaran di Hutan Simpan Bukit Tapah, Daerah Hutan Perak Selatan

Sepanjang tahun 2022, lima (5) operasi pemadam dan pencegahan kebakaran hutan telah dilaksanakan. Laporan kebakaran hutan di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tahun 2022 adalah seperti di bawah.

Jadual 3: Laporan Kebakaran Hutan Simpan Piah

BIL	TARIKH	LOKASI	PUNCA KEBAKARAN	KELUASAN (ha)
1.	17.1.2022	Sbhg. Kompt 245 Hutan Simpan Piah, Daerah Hutan Kuala Kangsar	Aktiviti penduduk setempat menjalankan kerja-kerja pembersihan bagi tujuan pertanian	0.2
PELAN LOKASI KEBAKARAN				

Jadual 4: Laporan Kebakaran Tanah Milik Mukim Sitiawan


BIL	TARIKH	LOKASI	PUNCA KEBAKARAN	KELUASAN (ha)
1.	31.12.2022	Tanah Milik Mukim Sitiawan Daerah Hutan Kinta/Munjung	Tidak dapat dipastikan	0.2

PELAN LOKASI KEBAKARAN**Jadual 7:** Laporan Kebakaran Hutan Simpan Bukit Tapah

BIL	TARIKH	LOKASI	PUNCA KEBAKARAN	KELUASAN (ha)
1.	26.9.2022	TSbhg. Kompt. 6 dan 44, Hutan Simpan Bukit Tapah, Daerah Hutan Perak Selatan	Pembersihan kawasan oleh Orang Asli berhampiran.	0.81 & 0.61

PELAN LOKASI KEBAKARAN**Jadual 5:** Laporan Kebakaran Hutan Simpan Bukit Tapah

BIL	TARIKH	LOKASI	PUNCA KEBAKARAN	KELUASAN (ha)
1.	21.2.2022	Sbhg. Kompt 21 dan 22 Hutan Simpan Bukit Tapah, Daerah Hutan Perak Selatan	Aktiviti pertanian oleh penduduk asli Kampung Senta, Bidor	4.43

PELAN LOKASI KEBAKARAN**Jadual 6:** Laporan Kebakaran Hutan Simpan Air Chepam


BIL	TARIKH	LOKASI	PUNCA KEBAKARAN	KELUASAN (ha)
1.	11.4.2022	Sbhg. Kompt. 14, Hutan Simpan Air Chepam Daerah Hutan Hulu Perak	Aktiviti pertanian oleh penduduk asli Kampung Air Rengat, Bersia Lama	0.2

PELAN LOKASI KEBAKARAN



JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Seksyen ini turut bertanggungjawab untuk memantau perlaksanaan dan menyelia segala aktiviti yang mempunyai risiko melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bagi memastikan kakinangan dan orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktivitinya serta sentiasa berada dalam persekitaran kerja yang selamat dan sihat setakat yang mampu. Ini bagi memastikan ianya adalah selaras dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan JPNPK yang telah diwujudkan.



Lantikan Ahli Silih Ganti (*) :

1. Wakil Majikan (Kebajikan)
 2. Wakil Majikan (Bangunan)
 3. Wakil Majikan (Latihan)
 4. Wakil Majikan (Kemalangan)
 5. Wakil Majikan (Kenderaan)
 6. Wakil Majikan (Bangunan)
 7. Wakil Majikan (Kebajikan)
- Puan Hanani binti Abdul Rahman
Puan Normaliza binti Muhammad Azmi
Puan Tinarossima binti Badiauzzaman
Cik Surayati binti Mohd Azhari
Encik Iwan Moham Faisal bin Hamidi
Puan Rozana binti Baharuddin
Puan Nur Suhaila binti Rafin

8. Wakil Pekerja (Kemalangan)
9. Wakil Pekerja (Kenderaan)
10. Wakil Pejabat Hutan Daerah Kinta/ Manjung
11. Wakil Pejabat Hutan Daerah Larut & matang
12. Wakil Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar
13. Wakil Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan
14. Wakil Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak

Encik Muhammad Khafadzi bin Zukapli
Encik Suhaimi bin Zainuddin
Encik Khairulrizal bin Abu Kassim
Encik Hamzah bin Mohd Isa
Encik Khairullah bin Abd Latiff
Puan Mis Maizura binti Amat Kaulan
Encik Muhammad Shahrul Anuar bin Hasani

PROJEK PERHUTANAN SOSIAL

Perhutanan sosial merupakan program yang melibatkan Orang Asli dan masyarakat setempat atas inisiatif sendiri atau dengan kerjasama pihak berkepentingan dalam pengurusan hutan demi kelangsungan hidup dari aspek sosial, ekonomi, budaya dan alam sekitar.

Peranan perhutanan sosial adalah seperti berikut:-

01

Pemeliharaan dan pemuliharaan hutan melalui kerjasama dengan masyarakat setempat;

02

Mencegah dan mengawal pencerobohan kawasan hutan; dan

03

Meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat setempat melalui penglibatan dalam aktiviti perhutanan sosial

Seterusnya, amalan perhutanan sosial telah diperluaskan kepada aktiviti lain seperti pemuliharaan kawasan pesisiran pantai, ekopelancongan, taman rekreasi, penubuhan taska dan menjalankan program pendidikan untuk meningkatkan kesedaran Orang Asli dan masyarakat setempat. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat, meningkatkan produktiviti tanah dan litupan hutan yang terdegradasi dan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan memulihara biodiversiti.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri turut memberi sokongan dan menggalakkan perhutanan sosial di dalam HSK Perak supaya pengurusan hutan secara lestari di samping meningkatkan ekonomi dan taraf hidup Orang Asli dan masyarakat setempat. Kebajikan Orang Asli dan masyarakat setempat ini perlu dimasukkan dan diambil kira dalam pengurusan hutan supaya kesejahteraan hidup Orang Asli dan masyarakat setempat yang bergantung sepenuhnya kepada hasil dan perkhidmatan hutan terjamin.





SUMBER BUKAN KAYU

PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN TAMAN HERBA

Sebanyak RM112,000.00 telah diperuntukkan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) untuk Projek Pembangunan dan Penyelenggaraan Taman Herba. Daripada jumlah tersebut RM110,432.00 telah dibelanjakan bagi tujuan pembangunan Penubuhan Taman Pemeliharaan Ex-Situ Herba Lenggong, Daerah Hulu Perak. Taman Herba Lenggong dilaksanakan sebagai 'muzium etnobotani' yang bertujuan mendedahkan para pelawat dari dalam negeri mahupun luar negeri/negara untuk mengenali dan mengetahui jenis dan kegunaan tumbuhan-tumbuhan herba.

KURSUS & LATIHAN PERHUTANAN



Jabatan ini komited terhadap program pembangunan sumber manusia yang terancang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan terutamanya berkaitan skop perhutanan. Pada tahun 2022, sejumlah 21 kursus berjaya dilaksanakan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM188,001.36 daripada RM200,000.00 yang diperuntukan. Senarai kursus tahun 2022 adalah seperti di Jadual 1 dan taklimat tahun 2022 seperti di Jadual 2.

Jadual 1 : Senarai Kursus Yang Dilaksanakan Tahun 2022

BIL	TAJUK	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT	KUMP. SASARAN	BIL. PESERTA
1.	Kursus Pengecaman Pokok & Dendrologi	25. 1. 2022	28. 1. 2022	G22 - H11	43 Orang
2.	Kursus Pemahaman Pensijilan Pengurusan Hutan Mengikut Standard MC & ISFM	14. 2. 2022	16. 2. 2022	G36 - H11	46 Orang
3.	Latihan Pengendalian Senjata Api & Menembak	24. 3. 2022	-	Terbuka	50 Orang
4.	Kursus Pemanduan & Penyelenggaraan 4x4	29. 3. 2022	31. 3. 2022	H11	42 Orang
5.	Kursus Pengurusan Sisa Buangan Terjadual	23. 5. 2022	24. 5. 2022	G19 - H11	40 Orang
6.	Kursus Pengendalian Haiwan Berbisa Dan Berbahaya	13. 6. 2022	15. 6. 2022	Terbuka	34 Orang
7.	Kursus Kepimpinan	30. 6. 2022	-	G29 - H11	38 Orang
8.	Kursus Pengisian Borang Pemantauan Projek Pembangunan Ladang Hutan (A,B,C & D)	19. 7. 2022	20. 7. 2022	G19 - H11 & J29	40 Orang
9.	Kursus Asas Berenang & Menyelamat Di Dalam Air	2. 8. 2022	3. 8. 2022	Terbuka	31 Orang
10.	Kursus RIL	9. 8. 2022	12. 8. 2022	G19 - Pelesen	70 Orang
11.	Pemantapan Jati Diri - PHDKM	14. 8. 2022	16. 8. 2022	Terbuka	40 Orang
12.	Bengkel Semangat Berpasukan - PHDKK	19. 8. 2022	21. 8. 2022	Terbuka	34 Orang
13.	Kursus Asas Pengendalian Bot & Taklimat Keselamatan bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak	29. 8. 2022	30. 8. 2022	H11 - G19	42 Orang
14.	Kursus Pemahaman Standard MS ISO 9001 : 2015 Siri 1	1. 9. 2022	2. 9. 2022	G19 & Pelesen	37 Orang
15.	Kursus Pengecaman Isi Kayu	13. 9. 2022	15. 9. 2022	H11 & G29	40 Orang
16.	Kursus Penggunaan ArcGIS	20. 9. 2022	22. 9. 2022	H11- G29	20 Orang

BIL	TAJUK	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT	KUMP. SASARAN	BIL. PESERTA
17.	Kursus Balai Pemeriksaan Hutan (BPH)	28. 9. 2022	29. 9. 2022	H11 & G29	40 Orang
18.	Kursus Tatacara & Prosedur Penguatkuasaan Hutan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	12. 10. 2022	-	G29 - G32	50 Orang
19.	Bengkel Penyediaan BRIF Projek Bagi Rancangan Malaysia Ke-12 untuk Jabatan Perhutanan Negeri Perak	26. 10. 2022	-	JA29 ke atas	33 Orang termasuk JKR
20.	Bengkel Pengemaskinian Maklumat Sumber Hutan Jabatan Perhutanan Negeri Perak	7. 11. 2022	9. 11. 2022	Pelukis Pelan & G19/22	30 Orang
21.	Kursus Asas Tree Climbing untuk Jabatan Perhutanan Negeri Perak	15. 11. 2022	17. 11. 2022	G19 - G22	30 Orang

Jadual 2: Senarai Taklimat/ Motivasi Yang Dilaksanakan Tahun 2022

BIL	TAJUK	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT	KUMP. SASARAN	BIL. PESERTA
1.	Taklimat Pemahaman Standard MS ISO 9001 : 2015	18. 5. 2022	-	Terbuka	169 Orang
2.	Taklimat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Kepada Kontraktor	20. 5. 2022	-	Pelesen	110 Orang
3.	Persediaan Kawasan Amal Program Khemah Kerja Memperkasakan Pengecaman Flora Dan Tumbuhan Hutan Jabatan Perhutanan Negeri Perak	8. 6. 2022	10. 6. 2022	-	17 Orang
4.	Motivasi Memartabatkan Akidah Dalam Kekeluargaan dan Kerjaya	28.7.2022	-	Terbuka	117 Orang
5.	Program Khemah Kerja Memperkasakan Pengecaman Flora dan Tumbuhan Hutan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Fasa 3	19. 9. 2022	23. 9. 2022	G19 - G29	26 Orang
6.	Taklimat Dalam Pemantapan Garis Panduan Pemuatan Dan Pengangkutan Kayu Balak Kepada Kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak	31.10.2022	-	Petugas BPH & Pembantu	50 Orang





82 ARTIKEL 2022





TAMAN EKO RIMBA PASIR PANJANG

PENGENALAN PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA:

KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK

Pelaksanaan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang telah diumum secara rasmi dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) Ke-77 pada 8 September 2020. Program ini telah dilancarkan secara rasminya oleh Mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 5 Januari 2021 bertempat di Perkarangan Seri Perdana, Putrajaya dengan simbolik penanaman Pokok Kebangsaan iaitu Pokok Merbau. Majlis Program ini telah dibuat secara serentak di seluruh negara di mana di Negeri Perak telah dilancarkan di Taman Eko-Rimba Kledang Saiong pada tarikh yang sama oleh YAB Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Saarani Bin Mohamad.

Pelaksanaan kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan pokok dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup warga Malaysia selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti negara kita. Kempen ini juga bertujuan untuk memupuk semangat cintakan alam semulajadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat serta menyokong komitmen untuk mengekalkan litupan kawasan berhutan di Malaysia.

Sasaran Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi pihak Kerajaan Negeri Perak untuk menanam sejumlah 10,000,000 pokok bagi tempoh lima (5) tahun (2021-2025). Sehingga 2022 secara kumulatif sejumlah 4,553,946 pokok telah ditanam dari tahun 2021 di seluruh Negeri Perak. Kerajaan Negeri Perak mengalu-alukan penglibatan agensi swasta dan korporat pada masa akan datang terutamanya dalam tempoh lima (5) tahun ini bagi menyokong usaha kerajaan dalam menghijaukan bumi Malaysia amnya dan Negeri Perak khususnya dengan membudayakan amalan menanam pokok untuk kehidupan yang lebih sejahtera untuk generasi kini dan akan datang.

TAHUN	2021	2022
BILANGAN POKOK	2,211,939	2,342,007
LUAS (HEKTAR)	5,568.07	6,151.81
JUMLAH KESELURUHAN	4,553,946	11,719.88



AUDIT PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN MC&I (SFM) DI FMU PERAK TAHUN 2022

Disediakan oleh: Norlida binti Kamil

Seksyen Perancangan Dan Pengurusan Hutan Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Gambar 1: Semakan Audit Dalaman Pensijilan Pengurusan Hutan MC&I (SFM) di Daerah Kinta/Manjung.

Pada tahun 2022, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah melaksanakan dua pengauditan Pensijilan Pengurusan Hutan MC&I (SFM) iaitu Audit Dalaman daripada JPSM dan Audit Bebas oleh pihak SIRIM QAS International Sdn Bhd.

i. Audit Dalaman

Audit Dalaman Pensijilan Pengurusan Hutan MC&I (SFM) di FMU Perak telah dilaksanakan pengauditan pada 4 hingga 8 Julai 2022. Pasukan Audit Dalaman JPSM diketuai oleh Encik Noradli @ Mohd Adil bin Parsada dan ahlinya terdiri daripada Encik Liong Kang Hui, Encik Nor Shahrin bin Nordin Ahmad, Encik Khairuddin bin Perdan, Puan Kholizan binti Jamaludin dan Puan Durrutul'Ain binti Ahmed Zainudin.

Hasil semakan oleh Pasukan Audit Dalaman telah menemui lima (5) ketakakuran Minor Nonconformity Report (NCR) dikenakan di bawah Petunjuk 5.5.1, 6.5.2, 6.5.3, 6.7.1 & 8.1.1 dan tiga (3) Opportunities For Improvement (OFI) dikenakan di bawah Petunjuk 4.3.3, 5.3.2 & 8.1.2. Tindakan pembetulan telah dilaksanakan di lapangan dan laporan telah diangkat ke JPSM pada 7 September 2022 dan diterima oleh pihak auditor dalaman JPSM.

ii. Audit Bebas SIRIM QAS International Sdn Bhd

JPNPK telah dilaksanakan oleh Audit Bebas Pensijilan Pengurusan Hutan MC&I (SFM) di FMU Perak daripada pihak SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 17 hingga 21 Oktober 2022. Pasukan Audit Bebas diketuai oleh Encik Mohd Razman bin Salim dan ahlinya terdiri daripada En Mohd Annas Amin bin Haji Omar dan Puan Puteri Arlydia binti Abdul.

Hasil semakan oleh Pasukan Audit Bebas telah menemui tiga (3) ketakakuran NCR dikenakan di bawah Petunjuk 4.3.3, 6.7.1 dan 6.10.1. Tindakan pembetulan telah dilaksanakan di lapangan dan laporan telah diangkat ke SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 14 November 2022.



Gambar 2: Semakan Audit Dalaman Pensijilan Pengurusan Hutan MC&I (SFM) di Daerah Larut & Matang.



AUDIT JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP)

01

Audit Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) ini bertujuan untuk melihat tahap pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP).

02

Audit Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dijadualkan pada Selasa, 15 November 202, lebih kurang jam 10.00 pagi oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Perak.

03

Sehubungan dengan itu, jabatan tersebut mendapat tahap pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Jabatan Perhutanan Negeri Perak adalah dalam keadaan Memuaskan.

AKTIVITI PENGUATKUASAAN

Pada tahun 2022, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah berjaya melaksanakan sebanyak enam (6) operasi bersepadu yang melibatkan kolaborasi pelbagai agensi penguatkuasaan yang berkaitan di Negeri Perak. Melalui kolaborasi ini, terdapat pelbagai perkongsian baharu dan strategi penguatkuasaan yang dapat dipelajari dan diaplikasikan dalam pelaksanaan tugas harian oleh pasukan penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Negeri Perak samada di Seksyen Penguatkuasaan Hutan, Ipoh atau pasukan penguatkuasaan Pejabat Perhutanan Daerah.

Berikut merupakan butiran-butiran operasi bersepadu tersebut :

01. OPS CEGAH



NAMA OPERASI : Ops Cegah
TARIKH : 25 - 26 Januari 2022
LOKASI : Daerah Hutan Hulu
 Perak [SJR Sg. Lebey (Gerik) & SJR Padang Tamat (Pengkalan Hulu) dan Perak Selatan (Jalan Sabak Bernam - Hutan Melintang)]

AGENSI TERLIBAT : JPNPK dan PDRM

02. OPERASI RONDAAN DAN PENGUATKUASAAN BERASASKAN SISTEM SMART PATROL DI BAWAH PROJEK UNDP / GEF-GOM IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL FOREST SPINE LANDSCAPE (IC-CFS)



Pelbagai Medium Pemantauan Secara Darat dan juga Air



Proses Merekod Hasil Penemuan dari pemantauan Harian

NAMA OPERASI : Operasi Rondaan dan Penguatankuasaan Berdasarkan Sistem SMART Patrol di Bawah Projek UNDP / GEF-GOM *Improving Connectivity in The Central Forest Spine Landscape (IC-CFS)*

TARIKH : 14- 18 Mac 2022
LOKASI : Hutan Simpan Amanjaya dan Hutan Simpan Banding

AGENSI TERLIBAT : JPNPK dan PERHILITAN



03. OPS LAMBUK



NAMA OPERASI : Ops Lambuk
TARIKH : 26 - 28 April 2022
LOKASI : Daerah Hutan Hulu Perak (Jalan Gerik - Kuala Kangsar & Jalan Pengkalan Hulu - Baling) dan Perak Selatan (Jalan Teluk Intan-Sitiwan)
AGENSI TERLIBAT : JPNPk dan PDRM

04. OPERASI BERSEPADU SMART NEGERI PERAK BIL. 2/2022



Penemuan Kesan Tinggalan Manusia di dalam Hutan Simpanan Kekal



Semakan Terhadap Lori dan Muatan yang Dibawa

NAMA OPERASI : Operasi Bersepadu SMART Negeri Perak Bil. 2/2022
TARIKH : 08 - 12 Ogos 2022
LOKASI : Daerah Hutan Hulu Perak
AGENSI TERLIBAT : JPNPk, PERHILITAN, PGA, JMG, Perbadanan Taman Negeri Perak, RIMAU dan WWF

05. OPERASI BERSEPADU SMART NEGERI PERAK BIL. 3/2022



Pelaksanaan Sekatan Jalan Raya



Semakan Terhadap Lori dan Muatan yang Dibawa



Semakan Terhadap Lori dan Muatan Yang Dibawa



Penemuan Tempat Penyimpanan Haiwan Tangkapan

NAMA OPERASI : Operasi Bersepadu SMART Negeri Perak Bil. 3/2022

TARIKH : 21 - 25 November 2022

LOKASI : Daerah Hutan Hulu Perak, Kuala Kangsar dan Larut & Matang

AGENSI TERLIBAT : JPNPK, PERHILITAN, PGA, JMG, Perbadanan Taman Negeri Perak, RIMAU dan WWF

06. OPERASI BERSEPADU KHAZANAH SIRI 1, 4, 5, 6 DAN 9



NAMA OPERASI : Operasi Bersepadu Khazanah (OBK)
TARIKH : Januari - September 2022
LOKASI : Seluruh Negeri Perak
AGENSI TERLIBAT : JPNPK, PERHILITAN, PGA

Selain pelaksanaan operasi bersepada tersebut, terdapat beberapa lagi aktiviti rutin bagi tujuan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak sepetimana berikut :



NAMA OPERASI	: Latihan Pengendalian Senjata Api dan Menembak Jabatan Perhutanan Negeri Perak
TARIKH	: 24 Mac 2022
LOKASI	: Lapang Sasar, IPK Perak
AGENSI TERLIBAT	: JPNP dan PDRM

2. PEMANTAUAN UDARA



NAMA OPERASI	: Pemantauan Udara di Lima (5) Daerah Hutan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Bagi Tahun 2022
TARIKH LOKASI	: 7-15 Disember 2022 : Kawasan Hotspot dalam HSK Negeri Perak
AGENSI TERLIBAT	: JPNPK

AKTIVITI PAMERAN OLEH SEKSYEN HUTAN LIPUR DAN EKO PELANCONGAN BAGI TAHUN 2022

Disediakan oleh:
Penolong Pengarah Hutan Lipur dan Eko Pelancongan,
Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Pameran merupakan salah satu usaha yang dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak melalui Seksyen Hutan Lipur dan Eko Pelancongan bagi mempromosikan Jabatan Perhutanan dan juga fungsi-fungsi jabatan kepada masyarakat umum. Usaha-usaha ini dijalankan agar masyarakat lebih mengenal dengan lebih dekat tentang aktiviti-aktiviti dan kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan hutan. Jika dahulu persepsi dan tanggapan masyarakat kepada Jabatan Perhutanan agak jumud berkaitan skop kerja jabatan dengan hanya menumpukan tentang aktiviti pembalakan sahaja, namun kini tanggapan itu sedikit demi sedikit pameran Jabatan Perhutanan. Ini sedikit sebanyak dapat mendidik masyarakat supaya lebih berilmu tentang ilmu perhutanan.

Pada tahun 2022 Seksyen Hutan Lipur dan Eko Pelancongan telah banyak dijemput untuk mengadakan pameran oleh pihak-pihak agensi kerajaan dan juga badan bukan kerajaan. Antara barang pameran yang dipamerkan adalah berkaitan Taman Eko Rimba yang terdapat di Negeri Perak, Barang Rampasan, Program Central Forest Spine (CFS), Program Penghijauan Malaysia 100 Juta Pokok, Pokok Kebangsaan, Herba-Herba Alam Melayu yang terdapat didalam Hutan Simpanan Kekal, Program Land Oxigen Bank (POLB), Aktiviti Penguatkuasaan Hutan dan sebagainya.



Pegawai seksyen hutan lipur dan eko pelancongan memberikan penerangan kepada orang awam berkaitan Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Antara barang pameran yang dipamerkan kepada masyarakat



Antara aktiviti yang dibuat semasa pameran



Pegawai yang terlibat dengan pameran

PROGRAM LAWATAN

KERJA DELEGASI DUTA EROPAH ANJURAN KERAJAAN NEGERI PERAK

Disediakan oleh: Dr. Agkillah Maniam
State Project Coordinator IC-CFS

Pameran merupakan salah satu usaha yang dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak melalui Seksyen Hutan Lipur dan Eko Pelancongan bagi mempromosikan Jabatan Perhutanan dan juga fungsi-fungsi jabatan kepada masyarakat umum. Usaha-usaha ini dijalankan agar masyarakat lebih mengenali dengan lebih dekat tentang aktiviti-aktiviti dan kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan hutan. Jika dahulu persepsi dan tanggapan masyarakat kepada Jabatan Perhutanan agak jumud berkaitan skop kerja jabatan dengan hanya menumpukan tentang aktiviti pembalakan sahaja, namun kini tanggapan itu sedikit demi sedikit berjaya diubah apabila mengunjungi pameran-pameran Jabatan Perhutanan. Ini sedikit sebanyak dapat mendidik masyarakat supaya lebih berilmu tentang ilmu perhutanan.

Tujuan lawatan kerja ini adalah untuk mewujudkan jalinan perhubungan strategik khususnya dalam industri pelaburan, perdagangan, pengajian tinggi, kajian dan kerjasama saintifik antara Negeri Perak dan negara-negara Kesatuan Eropah.

Beberapa agensi peringkat Negeri Perak termasuk Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) telah mengambil bahagian dalam sesi pembentangan dan pembukaan booth pameran oleh yang diadakan di Casuarina Convention Centre, Meru, Ipoh sebagai platform jalinan hubungan dan pada masa yang sama mempromosikan keistimewaan negeri Perak kepada pihak EU sama ada dari sudut pelancongan, kebudayaan, pengilangan, pembuatan dan sebagainya. Program ini juga telah memberikan peluang kepada JPNP untuk membina satu hubungan kerjasama dengan Kedutaan Finland yang berminat dalam skop penguatkuasaan dan penggunaan teknologi jabatan ini.



Delegasi Duta-Duta Eropah bersama dengan Barisan Pegawai JPNPk serta Pegawai UPEN di depan booth pameran JPNPk



Pembentangan oleh JPNP untuk menjelaskan skop tugas dan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan serta pencapaian jabatan



Delegasi Duta-Duta juga telah melawat booth pameran JPNP untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut berkaitan dengan inisiatif-inisiatif dan pencapaian jabatan



Delegasi Duta-Duta menunjukkan minat terhadap model korridor ekologi Central Forest Spine A-PL1 yang terletak di Hutan Simpan Amanjaya, Hulu Perak



MAJLIS ANUGERAH

PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021 DAN APRESIASI PESARA TAHUN 2022 JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Disediakan oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan,
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 25 MAC 2022

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang diadakan pada setiap tahun sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan kepada warga Jabatan Perhutanan Negeri Perak di atas segala jasa, sumbangan dan pengorbanan mereka dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai penjawat awam, baik dalam menjalankan tugas rasmi maupun penglibatan aktif di dalam kegiatan sukan, sosial dan kemasyarakatan. Majlis ini telah melibatkan 50 orang pegawai dan anggota yang telah dipilih sebagai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2021 dan 16 orang pegawai dan anggota yang akan bersara pada tahun ini.

Dalam usaha meningkatkan peranan dalam Pemuliharaan Alam Sekitar, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah bersetuju dalam menjalinkan kerjasama dengan Yayasan Hasanah bagi dua projek yang melibatkan pengurusan Hutan Simpanan Kekal iaitu melindungi Hutan Simpan Amanjaya melalui rondaan oleh komuniti orang asli di bawah Persatuan Pelindung Harimau Malaysia (RIMAU) yang bertujuan bagi menghindari aktiviti pemburuan haram terutama harimau dari memasuki Hutan Simpan Royal Belum dan Hutan Simpan Temenggor melalui penubuhan Pasukan Peronda Hutan yang melibatkan masyarakat orang asli yang terlatih dan berkelengkapan yang berpangkalan di Hutan Simpan Amanjaya (PL2) juga merupakan jalinan/rangkaian ekologi di dalam Pelan Induk Central Forest Spine (CFS) Negeri Perak. Peruntukan yang telah diluluskan kepada Yayasan Hasanah bagi projek ini adalah sebanyak **RM 800,000.00** bagi **18 bulan**.

Seterusnya adalah projek Pemuliharaan Hutan Simpan Piah (SL3 of CFS Plan) yang bertujuan meningkatkan peranannya dalam pemuliharaan alam sekitar sebagai salah satu jalinan ekologi yang kritis untuk masyarakat dan biodiversiti oleh Free Tree Society melalui program tanam pokok di kawasan terosot. Kerjasama melibatkan Jabatan dan pemegang taruh termasuk penduduk setempat dan komuniti orang asli. Mensasarkan kawasan-kawasan yang terosot dan dalam masa yang sama mampu memulihkan kawasan jalinan/rangkaian CFS di dalam daerah Kuala Kangsar. Peruntukan yang telah diluluskan kepada Yayasan Hasanah bagi projek ini adalah sebanyak **RM220,000.00** hingga **RM250,000.00** bagi **12 bulan**.

Hadir sama ke majlis ini adalah YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan.



Sesi Penyampaian Sijil Pesara oleh YBhg. Dato' PPN



Sesi Penyampaian Sijil APC oleh YB Dato' SUK

MAJLIS PEMBERIANKUASA

AKTA PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR (AKTA 716)

KEPADА PEGAWAI/KAKITANGAN JABATAN

PERHUTANAN DAN TAMAN NEGERI ANJURAN

PROJEK IMPROVING CONNECTIVITY IN THE

CENTRAL FOREST SPINE LANDSCAPE (IC-CFS)

Disediakan oleh: Dr. Agkillah Maniam
State Project Coordinator IC-CFS



Majlis Pemberiankuasa tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN dan dihadiri oleh Timbalan Pengarah Dasar dan Perancangan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) selaku Pengarah Projek Nasional IC-CFS serta pegawai-pegawai kanan mewakili setiap agensi yang terlibat.

Seramai 5 orang pegawai/kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) telah diberikan kuasa untuk membuat penangkapan dan rampasan di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar (Akta 716) pada 13 April di suatu majlis khas yang telah diadakan di Hotel Double Tree Hilton, Putrajaya anjuran Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) di bawah projek *Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape (IC-CFS)*.

Pegawai/kakitangan ini adalah diantara sejumlah 21 orang pegawai/kakitangan daripada JPNPK, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, dan Jabatan Perhutanan Negeri Johor serta Perbadanan Taman Negara Johor dan Perbadanan Taman Negeri Perak yang telah dilantik oleh jabatan masing-masing untuk menerima kuasa ini. Pegawai/kakitangan juga telah menjalani satu kursus latihan selama 3 hari yang merangkumi teori dan praktikal sebelum majlis khas tersebut telah diadakan.

Pelantikan ini juga akan mempercepatkan dan memudahkan penangkapan penjenayah bagi kesalahan yang berkaitan dengan pemburuan hidupan liar yang sebelum ini memerlukan kehadiran anggota PERHILITAN atau polis. Pegawai/kakitangan yang dilantik juga boleh beroperasi melangkaui Hutan Simpanan Kekal atau kawasan Taman Negeri.



Majlis Pemberiankuasa tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN dan dihadiri oleh Timbalan Pengarah Dasar dan Perancangan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) selaku Pengarah Projek Nasional IC-CFS serta pegawai-pegawai kanan mewakili setiap agensi yang terlibat.



Pegawai/kakitangan yang dilantik melafazkan ikrar dalam menerima kuasa bagi melaksanakan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar (Akta 716) yang diturunkan oleh Jabatan PERHILITAN.

PROGRAM PERHUTANAN

SOSIAL DI RPS AIR BANUN, HULU PERAK, PERAK ANJURAN PROJEK IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL FOREST SPINE LANDSCAPE (IC-CFS)

Disediakan oleh: Dr. Agkillah Maniam
State Project Coordinator IC-CFS

Satu Program Perhutanan Sosial telah dimulakan di RPS Air Banun, Hulu Perak, Perak pada 1 Jun 2022 sebagai aktiviti susulan bagi penyediaan Garis Panduan Pembelian Anak Pokok daripada Komuniti Setempat yang telah dilaksanakan pada tahun 2.

Pada tahun 2021, satu tapak semaian skala kecil yang dapat memuatkan sekurang-kurangnya 10,000 anak pokok telah dibina bersebelahan dengan Pejabat Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di RPS Air Banun atas minat yang telah ditunjukkan oleh komuniti RPS Air Banun yang diwakili oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Koperasi RPS Air Banun.



Tapak semaian skala kecil untuk projek perintis.



Tempat mencampurkan medium dan menabung bersebelahan dengan tapak semaian yang telah dibina



Perbincangan bersama pemegang-pemegang taruh yang terlibat dengan Program Perhutanan Sosial di RPS Air Banun



Pemegang-pemegang taruh yang terlibat dalam pelaksanaan Program Perhutanan Sosial di RPS Air Banun – Koperasi Air Banun, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Pejabat Perhutanan Daerah Hulu Perak dan JPNPK



Tugas praktikal bersama peserta latihan program tapak semaian dan penyemaian anak benih

Objektif Program Perhutanan Sosial ini adalah untuk memberikan peluang kepada komuniti RPS Air Banun untuk mengambil bahagian dalam program peningkatan taraf hidup dan pendapatan alternatif yang juga dapat menyumbang kepada kesinambungan koridor ekologi Central Forest Spine di daerah Hulu Perak serta membantu memperbaiki kawasan yang terosot.

Selaras dengan itu, vendor telah dilantik untuk menjalankan tugas-tugas menambahbaik infrastruktur serta membangunkan protokol operasi standard (SOP) bagi menjalankan aktiviti pengumpulan anak benih, penyemaian anak benih dan penjualan anak pokok. Selain itu, dua orang pekerja penuh masa juga telah ditempatkan bagi program ini untuk membantu pihak komuniti RPS Air Banun dalam menjayakan program ini. Tugas vendor juga merangkumi melatih para peserta program dan menyediakan modul-modul berasaskan video untuk kegunaan komuniti tersebut pada masa hadapan. Program ini dijangkakan akan tamat pada bulan November 2022 dan seterusnya tapak semaian tersebut akan diserahkan kepada Koperasi Air Banun untuk diuruskan.

PROGRAM

TRADE FAIR, BUSINESS AND INVESTORS SUMMIT SEMPENA LAWATAN KERJA DUTA NEGARA AMERIKA LATIN DAN CARRIBEAN (GRULAC) ANJURAN INVESTPERAK

Disediakan oleh: Dr. Agkillah Maniam
State Project Coordinator IC-CFS




Perbincangan dua hala bersama Duta Cuba, His Excellency Ibete Fernández Hernández

Program Trade Fair, Business And Investors Summit Sempena Lawatan Kerja Duta Negara Amerika Latin Dan Carribean (GRULAC) telah dianjurkan pada 15 Jun 2022 oleh Pusat Pengurusan Pelaburan Perak atau lebih dikenali sebagai InvestPerak secara kerjasama dengan Syarikat Vale. Program ini telah mengundang seramai 5 orang Duta daripada Argentina, Brazil, Chile, Cuba dan Peru untuk menghadiri satu pembentangan dan pameran oleh beberapa agensi di peringkat Negeri Perak termasuk Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk).

Selaras dengan matlamat InvestPerak untuk menarik dan menggalakkan pelaburan utama bagi Kerajaan Negeri Perak, agensi-agensi kerajaan negeri yang terlibat juga telah membentangkan cadangan projek, program dan aktiviti bagi pertimbangan Duta-Duta GRULAC untuk tujuan kerjasama dua hala dengan Kerajaan Negeri Perak.

Antara cadangan yang telah dikemukakan oleh JPNPk adalah perkongsian kepakaran kajian saintifik, penyelidikan dan pembangunan kolaboratif serta perkongsian ilmu dan kisah kejayaan untuk pembiayaan mampan. Selain itu, JPNPk juga telah mengadakan perbincangan dua hala bersama semua Duta-Duta GRULAC yang terlibat.



Perbincangan dua hala bersama Duta Chile, His Excellency Diego Velasco

KURSUS ASAS

MALIM GUNUNG PERHUTANAN NEGERI PERAK SIRI 1, 2 DAN 3 TAHUN 2022

Disediakan oleh: Penolong Pengarah Hutan Lipur dan Eko Pelancongan,
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

KAMPAR 23 – 27 JUN 2022



YB Menteri bergambar bersama peserta-peserta kursus

Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah berjaya menganjurkan Kursus Asas Malim Gunung Perhutanan Negeri Perak Siri 1, 2 Dan 3 Tahun 2022 yang telah diadakan pada 23 hingga 27 Jun bertempat di The Grand Kampar Hotel, 2188, Jalan Timah, Bandar Baru 31900 Kampar, Perak. Kursus ini telah melibatkan seramai 180 orang peserta yang terdiri daripada Agensi-Agenzi Kerajaan, Persatuan-Persatuan Pendaki Gunung Negeri Perak dan juga Badan Bukan Kerajaan yang aktif menjalankan aktiviti pendakian gunung di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal Negeri Perak. Inisiatif ini dijalankan berikutan terdapat beberapa insiden dan kejadian kemalangan, orang hilang, kepala air dan sesat didalam hutan ketika mendaki. Ini disebabkan tiada satu Standard Operation Procedure (SOP) berkaitan aktiviti pendakian dan juga malim-malim yang ada tidak mempunyai kursus khas dan ilmu yang secukupnya berkaitan aktiviti pendakian gunung dan memasuki hutan.

Peserta-peserta kursus di berikan modul-modul khas yang di buat oleh Golongan Profesional, Pasukan Keselamatan, Agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan yang mempunyai kepakaran dalam bidang perhutanan dan menyelamat. Antara modul yang dilaksanakan sepanjang kursus adalah undang-undang perhutanan, membaca kompas dan peta, penyelamatan didalam hutan dan juga air dan asas survival. Antara agensi yang terlibat adalah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Jabatan Meteorologi Malaysia Dan Jabatan Mineral Dan Geosains Perak.

Dengan adanya malim gunung perhutanan yang terlatih dan di iktiraf akan merancakkan lagi industri eko pelancongan yang sedang pesat membangun di negara kita. Ini kerana kebanyakan rakyat malaysia ingin lari daripada hiruk pikuk kota dan memilih alam semulajadi yang dapat memberikan kesegaran dan memulihkan kembali emosi dan kesihatan tubuh badan. Selain itu dapat membantu ekonomi para malim dan juga penduduk setempat. Majlis penutup telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Haji Takiyuddin Hassan Menteri Tenaga dan Sumber Asli.





Penceramah yang memberikan ceramah berkaitan Asas Perundangan dan Penguatkuasaan



YB Menteri menerima bendera Malim Gunung daripada Bomba dan Penyelamat sebagai gimik perasmian



Peserta-peserta bergambar bersama tetamu kehormat



PROGRAM

CENTRAL FOREST SPINE SHOWCASE BERSAMA PEMEGANG-PEMEGANG TARUH PERINGKAT NEGERI PERAK ANJURAN PROJEK UNDP/GEF-GOM : IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL FOREST SPINE LANDSCAPE (IC-CFS)

Disediakan oleh: Dr. Agkillah Maniam
State Project Coordinator IC-CFS

Satu Program Central Forest Spine Showcase Bersama Pemegang-Pemegang Taruh Peringkat Negeri Perak Anjuran Projek UNDP/GEF-GoM: *Improving Connectivity in The Central Forest Spine Landscape (IC-CFS)* telah diadakan pada 18 Ogos 2022 yang telah dihadiri seramai 116 orang yang terdiri daripada YDH Orang-orang Besar Jajahan, Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan Peringkat Persekutuan dan Negeri serta pegawai-pegawai dan wakil-wakil agensi di Negeri Perak.

Antara agensi-agensi yang telah menghadiri program ini dari peringkat negeri terdiri daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN), Markas 2 Briged, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak (PTG), Jabatan Kerja Jalan Negeri Perak (JKR), PLANMalaysia@Perak, Jabatan Pertanian Negeri Perak, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Negeri Perak (PERHILITAN-Perak), Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak (JAS), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Perak & Kedah (JAKOA), Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Perak (JMG), Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNPk), Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc), Lembaga Air Perak, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak, serta Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak (LPPH). Beberapa agensi kerajaan tempatan juga telah mengambil bahagian dalam program ini iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Kampar, Pejabat Daerah Dan Tanah Larut, Matang Dan Selama, Pejabat Daerah Dan Tanah Batang Padang, Majlis Daerah Lenggong dan Majlis Daerah Tapah.

Terdapat juga penyertaan daripada beberapa agensi kerajaan di peringkat persekutuan yang utama seperti Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Ibu Pejabat Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), PLANMalaysia@HQ, serta Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dan Jabatan Perhutanan Negeri Johor yang juga turut terlibat dengan projek IC-CFS.

Agensi dan badan berkanun lain yang turut menyertai program ini adalah Maju Perak Holdings Berhad, MARDI Negeri Perak, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Perak, Tropical Rainforest Research Centre (TRACE), Perak Hydro Renewable Energy Corporation Sdn Bhd, Koperasi Penempatan Semula Banun Gerik Berhad, Koperasi Penempatan Semula Banun Gerik Berhad, Kg Orang Asli Sg Tiang RPS Banun Gerik, Yayasan Hasanah, Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Tropical Rainforest Conservation & Research Centre, Worldwide Wildlife Fund for Nature, Free Tree Society Kuala Lumpur (FTS), Management & Ecology of Malaysian Elephants, RIMAU - Tiger Protection Society of Malaysia, Global Environment Centre (GEC), SS Agro Venture Enterprise, Penyelidikan Tenaga Nasional Berhad (TNBR), Malaysia Smelting Corp Bhd, Malaysian Palm Oil Green Conservation Foundation (MPOGCF), Yayasan Pulau Banding, Malaysia Nature Guides Association (Managa), dan Persatuan Perniagaan Kayu-Kayang Perak.



Ucapan Aluan daripada Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Dato' Mohamed Zin bin Yusop



Barisan jemputan khas semasa bacaan doa

Program ini bermatlamat untuk menyedarkan semua pemegang taruh yang berkepentingan kepada strategi dan langkah-langkah pelaksanaan yang digariskan dalam PIRECFS serta mengukuhkan lagi hubungan antara pemegang-pemegang taruh berkepentingan untuk kerjasama dan perkongsian yang lebih efektif pada masa hadapan. Selain elemen kesedaran terhadap Central Forest Spine, program ini juga bertujuan untuk mengumpul maklumat dan pandangan daripada pemegang-pemegang taruh yang berkepentingan untuk merangka strategi pelaksanaan Pelan Induk Central Forest Spine (CFS) di Negeri Perak.

Selain itu, satu sesi '*Stakeholder Matchmaking*' juga diadakan untuk memberikan peluang kepada pemegang-pemegang taruh bagi mengambil bahagian dan menyumbang kepada inisiatif-inisiatif yang sedang dilaksanakan membincangkan dengan lebih lanjut tentang sumbangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut. Sesi penglibatan dan perundingan ini menjadi asas dalam memperkuuhkan perhubungan di antara pemegang-pemegang taruh yang berkepentingan supaya menyumbang kepada pelaksanaan strategi ini dalam jangka masa panjang. Melalui sesi ini juga, pihak Jabatan telah menerima maklum balas dan lontaran terhadap isu-isu yang dapat membantu agensi kerajaan untuk mengenal pasti dan mengawal risiko luaran sambil menjadikannya asas untuk kerjasama dan perkongsian masa hadapan. Tambahan pula, sumbangan pihak berkepentingan adalah penting dalam pengagihan sumber (terutama kewangan) yang berkesan, pencapaian kejayaan jangka panjang, dan hala tuju pelaksanaan CFS.

Program ini juga telah mempamerkan dan memperkenalkan garis-garis panduan yang telah dibangunkan di bawah projek IC-CFS untuk kegunaan pelbagai pihak berkepentingan untuk mencapai kejayaan pelaksanaan CFS. Sempena persidangan mini itu, satu pameran juga akan diadakan untuk mempamerkan kepentingan Central Forest Spine bersama dengan strategi dan tindakan yang diperlukan dalam CFS PIRE.



Pembentangan usaha-usaha Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) berkaitan inisiatif Central Forest Spine



Pembentangan usaha-usaha Jabatan Perlindungan Hidup Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) berkaitan inisiatif Central Forest Spine



Pertanyaan soalan daripada para hadirin semasa program



Sesi 'Stakeholder Matchmaking' bersama peserta program



PROGRAM PENHIJAUAN MALAYSIA :

PENANAMAN POKOK OLEH YAB MENTERI BESAR PERAK BERSAMA PELAJAR-PELAJAR NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Disediakan oleh: Murni Binti Samsuddin
Seksyen Silvikultur & Kepelbagaian
Biologi Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Gambar 1



Gambar 2

Gambar 1 & 2 : Program Penghijauan Malaysia: Penanaman Pokok oleh YAB Menteri Besar Perak Darl Ridzuan bersama Pelajar Negeri Perak pada 26 Ogos 2022

Pada 26 Ogos 2022 (Jumaat) yang lalu Program Penghijauan Malaysia: Penanaman Pokok Oleh YAB Menteri Besar Perak Bersama Pelajar-Pelajar Negeri Perak Darul Ridzuan telah diadakan di Maktab Rendah Sain Mara (MRSM) Sultan Azlan Shah, Daerah Kuala Kangsar, Perak. Program ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan. Majlis ini turut diserikan lagi dengan kehadiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Ketua-ketua Jabatan Negeri Perak, Pengamal Media, syarikat-syarikat swasta yang pegawai-pegawai Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran kepentingan hutan dan alam sekitar kepada para pelajar di seluruh Negeri Perak dan MRSM Sultan Azlan Shah secara khususnya. Sepanjang program ini berlangsung, para pelajar berpeluang untuk menanam sejumlah 200 pokok yang terdiri daripada spesies Rhu pantai, Kelat paya dan pokok doa. YAB Menteri Besar telah menanam anak pokok Penaga lilin (Mesua ferrea) yang boleh dijadikan sebagai tanaman landskap di persekitaran MRSM tersebut. Menerusi Pencapaian program ini ia sekaligus menunjukkan bahawa Jabatan Perhutanan Negeri Perak sangat komited dalam mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi Program Penghijauan Malaysia yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 5 Januari 2021 yang lalu iaitu 10 juta pokok berjaya ditanam di seluruh Negeri Perak untuk tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2021 hingga 2025.

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) sangat berbesar hati dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Institut Pendidikan Awam dan swasta atas kesudian memberikan kerjasama dengan memberikan maklumat tanaman dan mengadakan program *Communication, Education, Participation and Awareness* (CEPA) bersama JPNP untuk bersama-sama mencapai sasaran tanaman yang telah ditetapkan.

Logo Program Penghijauan Malaysia



MAJLIS SAMBUTAN

HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Disediakan oleh: Murni Binti Samsuddin
Seksyen Silvikultur & Kepelbagai Biologi Jabatan Perhutanan Negeri Perak

GOPENG 25 OKTOBER 2022

Satu Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak telah diadakan pada 25 Oktober 2022 bertempat di The Treasure@Taman Herba Gopeng. Majlis ini telah mendapat perkenan oleh Sultan Negeri Perak Darul Ridzuan iaitu Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Al-Maghfur-Lah dan Duli Yang Maha Mulia Raja Pemaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim untuk mencemar duli merasmikan Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak yang telah diadakan. Majlis ini turut dihadiri oleh YAB Dato' Seri Saarani Bin Mohamad, Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan, barisan Exco dan Pegawai-pejawai kanan Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan.

Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak ini diadakan adalah bertujuan meningkatkan kesedaran dikalangan masyarakat untuk memelihara dan memulihara hutan di Negeri ini bagi memastikan kelangsungan peranan serta sumbangannya kepada kesejahteraan masyarakat sejagat.

Seramai 1,300 jemputan telah menghadiri majlis sambutan ini dan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dan DYMM Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan turut berkenan untuk menanam Pokok Damar Minyak (*Agathis borneensis*) atau lebih dikenali sebagai pokok 'Raja kayu' di sekitar The Treasure@Taman Herba Gopeng. Semasa majlis sambutan ini diadakan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak turut memperkenalkan lagu tema Taman Eko Rimba yang terdapat di Negeri Perak bertajuk 'Sandiwara Alam'. Lirik lagu ini telah digubah dan dijadikan sebagai tanda kenangan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan iaitu YBhg. Dato' Mohamed Zin Bin Yusop sebelum beliau bersara wajib pada 1 Mac 2023 dan telah dinyanyikan oleh artis Lan Solo, Amie Tinie dan Ekhay Ekhuan yang juga merupakan Pegawai Hutan Daerah Hulu Perak.



Gambar 1 : Perasmian Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak Tahun 2022 oleh Sultan Negeri Perak Darul Ridzuan iaitu Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Al-Maghfur-Lah



Gambar 2 : Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Al-Maghfur-Lah berkenan menanam anak pokok Damar Minyak



Gambar 3: Duli Yang Maha Mulia Raja Pemaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim turut mencemar duli dan berkenan menanam anak pokok Damar Minyak (*Agathis borneensis*) sebagai simbolik perasmian Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak Tahun 2022



Gambar 4: Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Al-Maghfur-Lah dan Duli Yang Maha Mulia Raja Pemaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim turut berkenan mencemar duli melalui pameran yang disediakan



Gambar 5: Duli-duli Tuanku berkenan mencemar duli bergambar bersama Pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Negeri Perak sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak Tahun 2022

PROGRAM BERSAMA

KOMUNITI SETEMPAT DI KORIDOR BELUM-TEMENGOR ANJURAN PROJEK *UNDP/GEF-GoM: IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL FOREST SPINE LANDSCAPE (IC-CFS)*

**Disediakan oleh: Dr. Agkillah Maniam
State Project Coordinator IC-CFS**

Satu sesi penglibatan komuniti ini telah dianjurkan di bawah UNDP/GEF-GoM: *Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape (IC-CFS)* secara bersama oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). Program tersebut telah diadakan dari 5 hingga 8 November 2022 dan telah melibatkan tiga (3) buah kampung atau penempatan di Daerah Hulu Perak iaitu RPS Air Banun, Kampung Sungai Tiang di Taman Negeri Royal Belum, serta Kampung Chuweh di Hutan Simpan Temengor. Program tersebut telah melibatkan seramai 173 orang yang terdiri daripada 101 lelaki dan 72 wanita, yang berumur di antara 17 hingga 75 tahun.

Beberapa pegawai kanan daripada kedua-dua agensi telah dilantik sebagai fasilitator dan moderator bagi sesi-sesi yang telah diadakan mengikut kampung atau lokasi. Selain daripada penglibatan pegawai-pegawai kanan tersebut juga, konsultan daripada organisasi Kemban Kolektif yang diketuai oleh Cik Suri Kempe dan ahli pasukannya Cik Alexandria Suseela Mc Carthy dan Cik Adila Ali telah dilantik untuk membantu dengan konsultasi bersama kaum Wanita sepanjang program tersebut. Program tersebut juga telah diselaraskan oleh kakitangan Perbadanan Taman Negeri Perak bagi Kampung Sungai Tiang dan Malayan Nature Society bagi Kampung Chuweh.



Komuniti di Kampung Chuweh



Perbincangan bersama kaum lelaki di Kampung Chuweh

Objektif sesi penglibatan komuniti ini adalah untuk mendapatkan maklum balas daripada komuniti tempatan mengenai aktiviti yang disokong dan dibiayai oleh projek IC-CFS dan mengenal pasti kemahiran insaniah dan latihan yang diperlukan untuk meneruskan lagi program komuniti yang telah dimulakan dan dijalankan di bawah projek IC-CFS. Sesi penglibatan komuniti tersebut bertujuan untuk memupuk hubungan positif antara agensi-agensi kerajaan dan masyarakat tempatan, serta meningkatkan penglibatan wanita dan belia dari kampung-kampung yang terlibat.

Secara amnya, peserta-peserta yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang disokong dan dibiayai oleh projek IC-CFS dan telah mengemukakan beberapa cadangan untuk meneruskan atau mengembangkan lagi aktiviti dan pencapaian yang sedia ada. Antara cadangan yang telah diberikan adalah untuk memanjangkan lagi tempoh masa serta meningkatkan lagi frekuensi kursus-kursus latihan yang telah dianjurkan, meningkatkan bilangan produk dan infrastruktur bagi aktiviti ekopelancongan di lanskap tersebut serta mewujudkan lebih banyak peluang untuk kaum wanita tanpa membebankan mereka.



Perbincangan bersama kaum lelaki di Kampung Chuweh



Perbincangan bersama kaum wanita di Kampung Sungai Tiang



Perbincangan bersama kaum lelaki di RPS Air Banun

Pengagihan kemeja-T kepada peserta yang hadir

PROGRAM

MALAYSIA MOUNTAIN TRAIL FESTIVAL (MMTF) EDISI KE-5 ANJURAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DENGAN KERJASAMA MMTF CONSULTANT

Disediakan oleh: Penolong Pengarah Hutan Lipur dan Eko Pelancongan,
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

TAIPEING, 26-27 NOVEMBER 2022



Gambar 3 : Pelepasan peserta larian pada jam 3.00 pagi

Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah berjaya menganjurkan Program *Malaysia Mountain Trail Festival* (MMTF) Edisi ke-5 pada 26 November 2022 – 27 November 2022 di dalam Hutan Simpan Bukit Larut, Daerah Larut dan Matang dengan kerjasama MMTF Consultant. MMTF ini merupakan Festival Larian yang diiktiraf di peringkat Antarabangsa yang mempertandingkan pelbagai kategori larian pada setiap tahun dan terbuka kepada penyertaan peserta dari dalam dan luar negara. Pengajuran program ini adalah bertujuan untuk memanfaatkan fungsi serta peranan hutan dengan memperkenalkan tarikan sukan larian denai hutan yang bertaraf Antarabangsa sebagai produk baharu di Daerah Taiping yang mana secara tidak langsung dapat mencetus gelombang pelancongan berasaskan alam sekitar. Pada tahun 2022, sebanyak empat (4) kategori larian telah dipertandingkan yang mana terdiri daripada kategori 13km, 25km, 50km dan 100km.

Pengajuran MMTF Edisi ke-5 ini telah berjaya dilaksanakan dengan komitmen tinggi dan kerjasama di antara Jabatan Perhutanan Negeri Perak, MMTF Consultant dan Agensi / Jabatan Daerah dan Negeri. Program MMTF tahun 2022 ini melibatkan penyertaan seramai 2450 orang peserta dari 31 buah negara dengan 20% peserta terdiri daripada peserta luar negara. Ini mengangkat Program MMTF menjadi Event Ultra Trail yang terbesar di Malaysia buat masa kini. Program MMTF ini telah dirasmikan oleh YABhg. Orang Kaya Menteri Paduka Tuan. Dato' Haji Wan Mohd. Isa bin Dato' Haji Wan Mohd. Razalli, Orang Besar Jajahan Larut Matang Dan Selama.

Senarai pemenang-pemenang mengikut kategori adalah seperti di **Lampiran 1**.



ACARA	PESERTA	
	LELAKI	PEREMPUAN
13 KM OPEN	1. John Ray Onifa 2. Law Lip Hou 3. Mohamad Amir Hassan	1. Esther Hoe 2. Xin Li Wong 3. Tiew Jing Jing
13 KM VETERN	1. Azali Idris 2. Turizan Sulaiman 3. Poh Meng Choo	1. Melinda Wang 2. Chi Wun Chew 3. Noriko Kitamura
25 KM OPEN	1. Hisashi Kitamura 2. Daaraneshwaran Siva Kumar 3. Daniel Yap	1. Hanna Rashid 2. Margilyn Medina 3. Siti Salmah Zainal Abidin
25 KM VETERN	1. Hideyuki Kawada 2. Andrew Jf.Chinalpan 3. Masri Akob	1. Maryani Ismail 2. Chan Wai Khuan 3. Rahseni Senin

ACARA	PESERTA	
	LELAKI	PEREMPUAN
50 KM OPEN	1. John Ray Onifa 2. Arnie Macaneras 3. Mark Bryan Koi Grey	1. Eszter Csillag 2. Roan Biguasen Gumangan 3. Syarifah Balqia Syed Hamzah
50 KM VETERN	1. Daved Simpat 2. Sapirin Sumping 3. Herve Huguenot	1. Kona Liau 2. Soon Min Ching 3. Yeok Hun Boh
100 KM OPEN	1. Kristian Joergensen 2. Aqmal Adzmi 3. Wilsen Singgin	1. Angelie Cabalo 2. Maria Josephine Liao 3. Sally Ann Yu ing Yap
100 KM VETERN	1. Milton Amat 2. Chris Timms 3. Ahmad Tanjong	



Gambar 1 : Sesi penyampaian hadiah oleh YABhg. Orang Kaya Menteri Paduka Tuan. Dato' Haji Wan Mohd. Isa bin Dato' Haji Wan Mohd. Razalli, Orang Besar Jajahan Larut Matang Dan Selama.



Gambar 2 : Ucapan Perasmian oleh YABhg. Orang Kaya Menteri Paduka Tuan. Dato' Haji Wan Mohd. Isa bin Dato' Haji Wan Mohd. Razalli, Orang Besar Jajahan Larut Matang Dan Selama.



Gambar 4 : Sesi bergambar bersama pemenang kategori Veteran 50 km



Gambar 5 : Pesilat daripada Taiping yang membuat persembahan pada Majlis Penutup

PROGRAM PENHIJAUAN MALAYSIA :

MAJLIS PENANAMAN POKOK KE - 2 JUTA OLEH YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

**Disediakan oleh: Murni Binti Samsuddin
Seksyen Silvikultur & Kepelbagai Biologi Jabatan Perhutanan Negeri Perak**

IPOH, 12 DISEMBER 2022



Gambar 1



Gambar 2

Gambar 1 & 2: Program Penghijauan Malaysia: Penanaman Pokok ke 2 Juta oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 12 Disember 2022

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim telah merasmikan Program Penghijauan Malaysia: Majlis Penanaman Pokok Ke 2 Juta oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak di Bangunan Perak Darul Ridzuan, pagi ini.

Program tersebut membuktikan bahawa kerajaan negeri sekali lagi telah berjaya komited dalam menyahut cabaran penanaman 10 juta pokok bagi tempoh 5 tahun atau 2 juta pokok setahun sehingga 2025

Tambahnya, kerajaan negeri turut memperuntukkan RM48.8 juta pada tahun ini bagi menjayakan inisiatif GreenPrint Perak

“Inisiatif Greenprint dirangka khusus untuk membangunkan pelan induk bagi memastikan pembangunan yang seimbang di negeri ini selari dengan Rancangan Struktur Negeri (RSN) iaitu menangani isu perubahan iklim melalui inisiatif penanaman pokok di seluruh negeri Perak.

“Agenda ‘Perak Bumi Lestari’ juga mampu menggerakkan pembangunan negeri secara lestari yang merangkumi tiga komponen 3E iaitu Environment (Alam Sekitar), Economic (Ekonomi) dan Equities (Ekuiti),” jelasnya.

Pada masa yang sama, beliau bersama tetamu yang lain turut menanam beberapa spesies pokok yang terdiri daripada Pokok Merbau (*Intsia palembanica*), Pokok Ipoh (*Antiaris toxicaria*) dan Pokok Pulai (*Alstonia angustiloba*) di hadapan Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Para tetamu juga berpeluang membawa pulang Pokok Manggis (*Garcinia mangosteen*) seiring dengan Inisiatif ‘Seorang Rakyat, Sepohon Pokok’ yang boleh disesuaikan

dengan konsep ‘Pokok Kita, Kehidupan Kita’ untuk memberi kesedaran kepada rakyat supaya lebih menyayangi hutan.

Hadir sama, YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Tuan Mohd Zaki Mahyudin; Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza Bin Awang dan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Perak, YBhg. Dato' Mohamed Zin Yusop.

Sehingga kini, Perak telah berjaya menanam sebanyak 4,211,936 pokok bagi menyokong Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dalam Program Penghijauan Malaysia, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

BENGKEL PEWARTAAN

TANAH KERAJAAN (TK) KE HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) ANJURAN PROJEK UNDP/GEF-GoM: IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL FOREST SPINE LANDSCAPE (IC-CFS)

Disediakan oleh: Dr. Agkillah Maniam
State Project Coordinator IC-CFS



Peserta-peserta bengkel yang telah menghadiri Bengkel Pewartaan TK ke HSK pada 17 Ogos 2022

Sebanyak dua siri Bengkel Pewartaan Tanah Kerajaan (TK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) telah dianjurkan di bawah Projek UNDP/GEF-GoM: *Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape (IC-CFS)*.

Objektif bengkel ini adalah untuk mengenal pasti kawasan TK dalam kawasan koridor ekologi Central Forest Spine (CFS), terutamanya tanah berhutan, yang berpotensi untuk dicadangkan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk dijadikan HSK. Dengan peningkatan keluasan kawasan HSK dalam koridor ekologi CFS, fungsi sesuatu koridor sebagai laluan hidupan liar serta pengurusannya boleh ditambah baik. Bagi menjalankan aktiviti ini, dua orang perunding juga telah dilantik iaitu Dr Christine Fletcher dan Dr Ismail Harun. Objektif bengkel ini juga adalah selari dengan strategi dan tindakan yang telah dikenal pasti dalam Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS 2022 (PIRECFS 2022) yang telah diterimapakai oleh Jawatankuasa Perancang Fizikal Negara pada 20 Julai 2022.



Peserta bengkel mendengar pembentangan daripada kumpulan lain

Bengkel Pewartaan TK ke HSK Siri 1/2022 telah diadakan pada 17 Ogos 2022 dan telah dihadiri oleh 27 pegawai daripada 21 agensi dan entiti yang terdiri daripada 2 agensi persekutuan, 15 agensi negeri, 2 badan bukan kerajaan dan 2 agensi perhutanan negeri lain iaitu Kedah dan Selangor (bagi tujuan pembinaan kapasiti untuk menjalankan bengkel sedemikian). Manakala, Bengkel Pewartaan TK ke HSK Siri 2/2022 pula telah diadakan dari 11 hingga 13 Oktober 2022, dihadiri oleh 35 pegawai daripada 26 agensi atau entiti yang terdiri daripada 2 agensi persekutuan, 20 agensi negeri, serta 2 agensi perhutanan negeri lain iaitu Kedah dan Selangor.

Semasa bengkel yang pertama, semua peserta bengkel telah diminta membincangkan kawasan-kawasan yang berpotensi untuk diwartakan yang telah dikenalpasti oleh pihak perunding. Maklumat yang telah dibentangkan oleh pihak perunding adalah hasil daripada perbincangan awalan bersama 9 agensi-agensi utama dan berkepentingan bagi tempoh dua hari pada 15 hingga 16 Ogos 2022. Bengkel susulan yang telah diadakan pada Oktober 2022 pula telah membincangkan dengan lebih lanjut dan memutuskan secara kolektif kawasan TK yang berpotensi yang boleh diangkat menjadi HSK. Berikut hasil bengkel tersebut, satu kertas kerja MMK juga telah disediakan dan diberikan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Perak untuk diangkat bagi mendapatkan keputusan rasmi Pihak Berkuasa Negeri.

BENGKEL PEWARTAAN TK KE HSK SIRI 1/2022


Perunding mendapatkan penjelasan daripada peserta bengkel terhadap guna tanah sesuatu kawasan



Pembentang semula daripada pihak perunding pada akhir bengkel tersebut



Perjumpaan dan perbincangan awalan perunding dengan agensi



Perbincangan awalan bersama agensi

BENGKEL PEWARTAAN TK KE HSK SIRI 2/2022


Gambar berkumpulan semua peserta Bengkel Pewartaan TK ke HSK Siri 2/2022



Gambar berkumpulan semua peserta Bengkel Pewartaan TK ke HSK Siri 2/2022



Perundingan dan perbincangan lanjut yang dijalankan oleh perunding



Perundingan dan perbincangan lanjut yang dijalankan oleh perunding

OPERASI SMART PATROL

TAHUN 2022 DIBIAYAI OLEH PROJEK UNDP/GEF-GoM: IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL FOREST SPINE LANDSCAPE (IC-CFS)

Disediakan oleh: Dr. Agkillah Maniam
State Project Coordinator IC-CFS

Sepanjang tahun 2022, sebanyak tiga operasi berdasarkan SMART Patrol telah dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK). Operasi Rondaan Bersepadu SMART Negeri Perak 1/2022 telah diadakan dari 14 hingga 19 Mac 2022, diikuti oleh Operasi Rondaan Bersepadu SMART Negeri Perak dari 8 hingga 12 Ogos 2022, dan Operasi Rondaan Bersepadu SMART Negeri Perak 3/2022 dari 21 hingga 25 November 2022.

Kesemua operasi tersebut serupa dengan operasi penguatkuasaan masa nyata di mana pasukan dilancarkan ke landskap untuk menjalankan rondaan. Akan tetapi, dalam menjalankan operasi Rondaan SMART ini, pegawai dan kakitangan penguatkuasaan perlu memasukkan data ke dalam sistem tersebut dimana latihan penggunaan sistem telah pun dijalankan pada tahun 2021. Untuk mengukuhkan lagi skop kerja, satu sesi taklimat diadakan sebelum setiap operasi penguatkuasaan dijalankan untuk menekankan semula model dan kriteria data yang akan digunakan.

Pelaksanaan ketiga-tiga operasi ini juga adalah selaras dengan sasaran projek *UNDP/GEF-GoM: Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape (IC-CFS)* iaitu satu sistem *Spatial Monitoring and Reporting Tool (SMART)* berdasarkan sistem rondaan dibangunkan, diguna pakai, dilaksanakan dan dikongsi oleh antara agensi-agensi penguatkuasaan dalam sektor perhutanan dan hidupan liar terutamanya Jabatan-jabatan Perhutanan, Jabatan PERHILITAN, agensi-agensi taman negeri dan pihak berkepentingan lain. Anjuran operasi-operasi penguatkuasaan ini juga memenuhi salah satu pencapaian penting yang telah ditetapkan bagi projek tersebut bagi tahun 2022.

Walaupun ketiga-tiga operasi ini berlandaskan sistem dan cara kerja yang sama, objektif setiap operasi adalah berbeza sedikit. Objektif Operasi Rondaan Bersepadu SMART Negeri Perak 1/2022 bermatlamat untuk mengoperasikan sistem SMART selepas beberapa siri latihan yang telah dijalankan pada tahun 2021.

Objektif Operasi Rondaan Bersepadu SMART Negeri Perak 2/2022 adalah berlandaskan objektif serampang dua mata. Dari perspektif projek, operasi tertumpu kepada mempertingkatkan lagi pengoperasian sistem SMART oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Dari perspektif teknikal pula, operasi bersepadu ini bertujuan untuk mewujudkan, menambah baik dan membangunkan hubungan kerja yang berkesan di kalangan agensi penguatkuasaan yang utama dan penting dalam meningkatkan usaha untuk menangani isu laluan haram dan jalan-jalan tikus yang digunakan oleh penceroboh dan pemburu haram di Kompleks Hutan Belum-Temengor.

Bagi Operasi Rondaan Bersepadu SMART Negeri Perak 3/2022 pula, objektifnya sama seperti operasi yang kedua, namun kawasan tumpuan diluaskan kepada dua lagi daerah hutan iaitu Larut & Matang dan Kuala Kangsar. Jadual 1.1 merumuskan butiran dan pencapaian operasi-operasi Rondaan berdasarkan SMART Patrol di Negeri Perak.



Jadual 1.1: Maklumat dan Pencapaian Operasi-Operasi Rondaan Berasaskan SMART Patrol di Negeri Perak bagi tahun 2022.

OPERASI	BIL 1/2022	BIL 2/2022	BIL 3/2022
TARIKH & TEMPOH	14-18 Mac (5 hari)	8-12 Ogos (5 hari)	21-25 Nov (5 hari)
DAERAH HUTAN YANG TERLIBAT	Hulu Perak	Hulu Perak	Hulu Perak, Kuala Kangsar, Larut & Matang
BILANGAN DAERAH HUTAN YANG TERLIBAT	1	1	3
HSK YANG TERLIBAT	1 (HS Amanjaya)	4 (HS Amanjaya, Banding, Gerik dan Temengor)	11 (HS Kledang Saiong, HS Piah, HS Korbu, HS Bukit Larut Matang, HS Trong, HS Temerlok, HS Bintang Hijau, HS Kenderong, HS Amanjaya, HS Pondok Tanjung, HS Bubu)
AGENSI TERLIBAT	2	2	7
BILANGAN ANGGOTA	21	63	91
JENIS OPERASI	Latihan	Sebenar di lapangan	Sebenar di lapangan
PENERAPAN KONSEP	-	Visible Enforcement	Risikan dan Visible Enforcement
BILANGAN PEMANTAUAN HOTSPOT	5	13	14
BILANGAN PEMERHATIAN	104	179	202
BILANGAN PENANGKAPAN	0	1	0
JENIS-JENIS KESALAHAN	<ul style="list-style-type: none"> • Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) • Kegiatan penangkapan atau pemburuan hidupan liar tanpa kebenaran • Larangan menjalankan aktiviti di dalam Hutan Simpanan Kekal Rondaan dan pemantauan aktiviti transit hasil hutan di atas jalan raya / 		

OPERASI RONDAAN BERSEPADU SMART NEGERI PERAK 1/2022, 14 - 19 MAC 2022



Pasukan peronda bagi Operasi Rondaan Bersepadu SMART Negeri Perak 1/2022 disertai oleh pegawai dan kakitangan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan Jabatan PERHILITAN Negeri Perak



Bergerak ke bes operasi di Pulau Tali Kail menggunakan bot



Perbincangan antara pegawai dan kakitangan yang akan membantu dalam penggunaan sistem SMART ini



Penyelarasan pengangkutan bagi operasi tersebut.



Pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Perak sedang merekodkan maklumat di lapangan.



Pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Perak memasukkan data yang telah direkodkan ke dalam sistem SMART

OPERASI RONDAAN BERSEPADU SMART NEGERI PERAK
2/2022, 8 - 12 OGOS 2022



Ketua dan wakil agensi yang terlibat dalam Operasi Rondaan Bersepadu SMART Negeri Perak 2/2022



Majlis Flag-Off Operasi Bersepadu SMART Negeri Perak 2/2022



Gambar berkumpulan semua peserta Operasi Rondaan Bersepadu SMART Negeri Perak 2/2022



Penolong Ketua Operasi dan ketua-ketua kumpulan membentangkan perancangan bagi kumpulan masing-masing



Pemantauan di kongsi dan kawasan matau pembalakan



Salah satu kumpulan bersepadu yang terdiri daripada pegawai-pegawai daripada Pasukan Gerakan Am, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Jabatan PERHILITAN, serta badan-badan bukan kerajaan.

**OPERASI RONDAAN BERSEPADU SMART NEGERI PERAK
1/2022, 14 - 19 MAC 2022**



Tapak hidupan liar



Penggunaan dron untuk pemantauan kawasan



Talklimat malam sebelum pasukan operasi bergerak



Semakan terhadap kayu balak di matau

**OPERASI RONDAAN BERSEPADU SMART NEGERI PERAK
1/2022, 14 - 19 MAC 2022**



Semakan kawasan tapak haiwan untuk direkodkan



Taklimat malam



Kawasan khemah penceroboh haram yang sedang diteliti



Kawasan khemah penceroboh haram yang telah disita

AKTIVITI PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN 2022

Majlis "Penghargaan Sekalung Budi dan Selamat Maju Jaya" bagi Setiausaha PUPSPANITA JPNPK,
Puan Siti Syafiqah

Anjuran : JPNPK



Tarikh : 9 Disember 2022



Tempat : Royal Perak Golf Club, RPCC

Program Gotong Royong Ihya Ramadan 1443H
"Memasak Bubur Lambuk"

Anjuran : Biro Agama Dan Kebajikan ,
PERKSPER & PUSPANITA JPNPK





Tarikh : 26 April 2022

Tempat : Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Program "Syawal Mega Fest"



Tarikh : 26 April 2022

Tempat : Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Majlis "Penghargaan Sekalung Budi dan Selamat Maju Jaya" bagi Penolong SU, Puan Safiah Aimi Bt Md Isa

Anjuran : JPNPK



Tarikh : 13 April 2022

Tempat : MU Hotel

Majlis "Penghargaan Sekalung Budi dan Selamat Maju Jaya" bagi Timbalan Pengerusi, Puan Rosnah bt Othman


Anjuran : JPNPK



Tarikh : 12 Mei 2022

Tempat : MU Hotel

Program "Moh ke MAHA"**Anjuran : PUSPANITA, JPNPK****Tarikh : 12 Ogos 2022****Tempat : MAEPS Serdang**



126 PERISTIWA 2022





TAMAN EKO RIMBA LATA ISKANDAR

PROGRAM LAWATAN KERJA DELEGASI DUTA EROPAH ANJURAN KERAJAAN NEGERI PERAK

2 MAC 2023
CASUARIANA CONVENTION CENTRE, MERU IPOH



25 MAC 2022
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021
DAN APRESIASI PESARA TAHUN 2022
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK



13 APRIL 2022

MAJLIS PEMBERIANKUASA AKTA PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR (AKTA 716) KEPADA PEGAWAI/KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN DAN TAMAN NEGERI ANJURAN PROJEK IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL FOREST SPINE LANDSCAPE (IC-CFS)



HOTEL DOUBLE TREE HILTON, PUTRAJAYA

17 MEI 2023

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK



23 – 24 MEI 2022
KURSUS PENGURUSAN SISA BUANGAN TERJADUAL



DEWAN RIMBAWAN, JPNPK

1 JUN 2022
PROGRAM PERHUTANAN SOSIAL DI RPS AIR BANUN, HULU PERAK,
PERAK ANJURAN PROJEK IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL
FOREST SPINE LANDSCAPE (IC-CFS)



RPS AIR BANUN, HULU PERAK, PERAK

15 Jun 2022**PROGRAM TRADE FAIR, BUSINESS AND INVESTORS SUMMIT
SEMPENA LAWATAN KERJA DUTA NEGARA AMERIKA LATIN DAN
CARRIBEAN (GRULAC) ANJURAN INVESTPERAK****13-16 JUN 2022****KURSUS PENGENDALIAN HAIWAN BERBISA DAN BERBAHAYA**

23 – 27 JUN 2022
KURSUS ASAS MALIM GUNUNG PERHUTANAN
NEGERI PERAK SIRI 1, 2 DAN 3 TAHUN 2022



THE GRAND KAMPAR HOTEL, KAMPAR, PERAK

2 – 3 OGOS 2022
KURSUS ASAS BERENANG & MENYELAMAT DI DALAM AIR



PUSAT AKUATIK TUNKU ZARA

18 Ogos 2022

**PROGRAM CENTRAL FOREST SPINE SHOWCASE BERSAMA PEMEGANG-PEMEGANG
TARUH PERINGKAT NEGERI PERAK ANJURAN PROJEK UNDP/GEF-GoM: IMPROVING
CONNECTIVITY IN THE CENTRAL FOREST SPINE LANDSCAPE (IC-CFS)**



29 – 30 OGOS 2022

**KURSUS ASAS PENGENDALIAN BOT & TAKLIMAT KESELAMATAN
BAGI JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**



19 - 23 SEPTEMBER 2022
PROGRAM KHEMAH KERJA MEMPERKASAKAN PENGECAMAN
FLORA DAN TUMBUHAN HUTAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI
PERAK FASA 3



TER KUALA WOH, DAERAH PERAK SELATAN

5 - 8 NOVEMBER 2022
PROGRAM BERSAMA KOMUNITI SETEMPAT DI KORIDOR BELUM-TEMENGOR ANJURAN
PROJEK UNDP/GEF-GoM: IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL FOREST SPINE
LANDSCAPE (IC-CFS)



26-27 NOVEMBER 2022
PROGRAM MALAYSIA MOUNTAIN TRAIL FESTIVAL (MMTF) EDISI KE-5
ANJURAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DENGAN KERJASAMA
MMTF CONSULTANT



RENTETAN PERISTIWA PENTING JABATAN BAGI BULAN OGOS – OKTOBER 2022

18/8/2022

CFS Showcase Bersama Pemegang Taruh Peringkat Negeri Perak Di Bawah Projek IC-CFS



26/8/2022

Program Penghijauan Malaysia : YAB Menteri Besar Bersama Pelajar Negeri Perak Darul Ridzuan



31/8/2022
**Perarakan Hari Kemerdekaan Sempena Sambutan Hari
Kebangsaan Ke-65**



5/9/2022
**Bengkel Penyediaan Kerangka SOP Pendakian Di
Negeri Perak**





13/9/2022

**Lawatan Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Nota
Kerjasama Antara JPSM-MYSA Ke TER Kledang Saiong**



19/9/2022

**Sesi Dialog Bersama YBhg. Dato' Mohamed Zin Bin Yusop,
PPN Perak Dan Ahli Persatuan Perniagaan Kayu-Kayan
Perak**



19-23/9/2022
Program Khemah Kerja Memperkasakan Pengecaman
Flora Dan Tumbuhan Hutan JPNPK 2022 (Fasa iii) Di
TER Kuala Woh



27/9/2022
*Exit Conference Bagi Pengauditan Terhadap Pengurusan
Hutan & Impak Kepada Alam Sekitar Oleh Jabatan Audit
Negara (JAN) Negeri Perak*



12/10/2022

**Bengkel Cadangan Pewartaan Hutan Tanah Kerajaan
Sebagai HSK Dalam Kawasan Koridor**



15/10/2022

**Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 Di Sahom Valley
Resort. Dengan Aktiviti Kutipan Sampah & Riadah
(KUDAH) Dan Penanaman Pokok**



25/10/2022
Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2022
Peringkat Negeri Perak Di The Treasure@Taman Herba



26/10/2022
Perasmian Program Santai Rimba Oleh YBhg. Dato' Mohamed Zin Bin Yusop, PPN Perak Di TER Ulu Kenas



27/10/2022

Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Bersama Pelajar IPTA "1 Pelajar, 1 Pokok" Di UPSI



6/8/2022

Program CEPA Bersama Penduduk Kg Periang, Karai Kuala Kangsar



18/8/2022

**Program CEPA Peringkat Daerah Pejabat Hutan Daerah
Kuala Kangsar Bersama Komuniti Felda Perlop 1**



19/8/2022

**Bengkel Kerja Berpasukan “Team Building” Seluruh Warga
Kerja Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar**



30/8/2022

**Program CEPA Bersama YB ADUN Lintang Bersama
Komuniti Orang Asli Pos Kuala Mu, Sungai Siput
Daerah Kuala Kangsar**



11/9/2022

**Program CEPA Bersama YB Dato' Haji Mohd Zulkafly bin Hassan,
(Pengerusi J/kuasa Infrastruktur, Tenaga, Air & Pengangkutan
Awam Negeri Perak) Dan Penduduk Kg. Perlop, Lasah**



18/10/2022
Semakan Audit Bebas MC&I 2022



26/10/2022
Majlis Perasmian Program Santai Rimba Anjuran LESTARI, Universiti Kebangsaan Malaysia Di TER Ulu Kenas Oleh YBhg. Dato' Mohamed Zin Bin Yusop, PPN Perak



2/8/2022

Program CEPA Peringkat Pejabat HUTAN Daerah Hulu Perak 2022, Dengan Kerjasama UPM Bertempat di Hutan Simpan Amanjaya



3/8/2022

Program Semarak Merdeka Kibar Jalur Gemilang Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak



5/8/2022

Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2022 Negeri Perak Oleh YAB Dato' Seri Haji Saarani Bin Mohamad (Menteri Besar Perak)



8/8/2022

Upacara Flag-Off Operasi Rondaan Dan Penguatkuasaan Bersepadu Smart Patrol Negeri Perak Bil. 2 Tahun 2022



23/9/2022

Aktiviti Sukarelawan Penanaman Semula Pokok Sempena Program UNESCO World Heritage Volunteers 2022 (WHV 2022) Malaysia Bertempat Di Hutan Simpan Amanjaya



25/9/2022

Program CSR/CEPA : Penanaman Pokok Sempena Pesta LomaTahun 2022 Di Dataran Loma Kg. Bandariang, Gerik Bersama YB ADUN Pengkalan Hulu, YB ADUN Temenggor, Komuniti Parlimen Gerik Dan Pelajar MRSM Gerik



10/8/2022

Penguatkuasaan Smart Negeri Perak Ke Kawasan Titik Panas (Hotspot) Di Hutan Simpan Amanjaya Sepanjang Jalan Raya Timur Barat (Gerik-Jeli)



20/8/2022

Program Kayuhan Merdeka Tahun 2022



26/9/2022

Majlis Perasmian Hari Sungai Sedunia Dan Jelajah Denai Sungai Tahun 2022 Di Dataran Tasik Raban, Lenggong



16/10/2022

Program Pendakian 121 Puncak Sempena Sambutan Ulang Tahun JPSM Ke-121 Tahun. Anjuran PHD Hulu Perak Dengan Slogan "Moh Kome, Kita Terojoh Puncak Gunung Pulut"



31/10/2022**Program CEPA Bersempena Program Penanaman Pokok
Dan Naik Taraf Laluhan Pendakian Ke Puncak Gunung Pulut
Bersama Komuniti Kampung Tawai, Gerik****4/8/2022****Majlis Penyerahan Bendera Malaysia Sempena Bulan Kemerdekaan Peringkat
Pejabat Hutan Daerah Larut Matang**

19-20/8/2022

**Kursus Pemantapan Organisasi Pejabat Hutan Daerah Larut
Matang Bertempat Di Sahom Valley Resort Agro & Eco Park**

1/10/2022

**Program Penanaman Pokok Bakau Bersama KPJ Taiping Di
Kompt. 30 HS Pulau Sangga Besar**

24/8/2022

**Program CEPA Bersama Sekolah Menengah Kebangsaan
Lahat, Ipoh Perak**



1/10/2022

**Program CEPA Dengan Kerjasama Puteri UMNO Bahagian Ipoh Barat Bagi Perasmian
"Kampung Teman Hijo" Oleh YB Senator Dato' Shamsuddin Abdul Ghaffar, Ahli Dewan
Negara Di Dewan Dato' Azumu Tak, Kg Kepayang Ipoh**



6/10/2022

Lawatan Ybhg. Dato' PPN Ke Tanah Milik Syarikat Agroto Business (M) Sdn Bhd Dan Semakan Kawasan Pencerobohan Zon Penampang Sempadan Negeri Perak-Pahang



26/10/2022

Lawatan Tapak Ke Projek Pembinaan Menara Tinjau Di TER Kledang Saiong Oleh DYAM Raja Dihilir Perak



12/9/2022
Membantu Pasukan Mencari dan Menyelamat (SAR)
Dalam Nahas Helikopter Terhempas di Kompartmen 62,
Hutan Simpan Chikus



14/10/2022
Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100
Juta Pokok Bersama Pelajar UPSI - "One Student One Tree"



16/10/2022

**Program Pendakian 121 Puncak Sempena Sambutan Ulangtahun
121 Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia**



20/10/2022

**Audit Pensijilan Pengurusan Hutan MC&I (SFM) FMU Perak
Bagi Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan**



RENTETAN PERISTIWA PENTING JABATAN BAGI BULAN DISEMBER 2022

07/12/2022

Lawatan Dan Kunjungan Hormat Dari Angkatan Tentera Malaysia Ke
Jabatan Perhutanan Negeri Perak



07/12/2022

Pemantauan Udara Menggunakan Helikopter. Kawasan Pemantauan
Meliputi Daerah Perak Selatan, Kinta Manjung, Kuala Kangsar Dan
Larut Matang





12/12/2022

Lawatan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Ke TER Kledang Saiong Bagi Taklimat Sistem Amaran Awal Risiko Kepala Air (Early Headwater Risk System)



12/12/2022

Program Penghijauan Malaysia : Majlis Penanaman Pokok Ke 2 Juta Oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak



19/12/2022

Program Pembangunan Kapasiti Kerangka Kewangan REDD Plus: Halatuju Pembangunan Projek REDD Plus & Perkembangan Di Peringkat Antarabangsa



1/12/2022

Latihan Amali Penilaian Karbon Hutan Bersama Rakan Strategik Sempena Program Pembangunan Kapasiti Kerangka Kewangan REDD Plus



16/12/2022

**Majlis Perasmian Dan Program Sambutan Festival Lenggong Geopark
Sempena Pengiktirafan Geopark Kebangsaan. Dirasmikan Oleh YB DS
Shamsul Anuar Nasarah Timbalan Menteri KDN**



07/12/2022

Semakan Pemantauan Udara Kawasan Daerah Larut Dan Matang



20/12/2022

**Lawatan Kerja Pegawai Daerah Muar Dan Delegasi Ke
Pusat Eko Pelajaran Hutan Paya Laut Kuala Sepetang**



21/12/2022

**Lawatan Dan Bancian Hutan Di Tapak HCVF Berus Mata Buaya
Oleh Delegasi Malaysia Forest Fund (MFF)**



05/12/2022

**Operasi Bersepadu Pemasangan Notis Di Premis Perniagaan,
Bengkel Dan rumah Ibadat Jalan Kilometer 41 Jalan Simpang
Pulai-Cameron Highland (FT 185)**



07/12/2022

Pemantauan Udara Menggunakan Helikopter



12/12/2022

Sesi Pembentangan EWS Bagi TER Kledang Saiong Kepada YBhg. Dato Indera KPPSM Dan YBhg . Dato' Pengarah JPNPK Di TER Kledang Saiong



17/12/2022

Operasi Bersepadu Kilang Haram Di Sg Perah, Parit Yang Melibatkan YB Teh Kok Lim Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau Negeri Perak, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Tanah Perak Tengah, Majlis Daerah Perak Tengah, Polis Diraja Malaysia



31/12/2022

**Program CEPA PHDKM Di Kompt. 64 Hutan Simpan Kledang Saiong,
Dengan Sahabat Alam Malaysia Dan Penduduk Setempat**




165

**KERATAN AKHBAR
2022**



18 JANUARI 2022

TULAR ISU HUTAN SIMPAN DITARAH, ISU LAMA DIKITAR SEMULA - JPNPK



TULAR di media sosial dakwaan hutan simpan di tarah.
FOTO Ihsan PEMBACA



IPOH

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) menegaskan kenyataan 'hutan simpan pun boleh dapat lesen untuk ditaraf' yang tular di media sosial adalah isu lama pada 2019 dan kini ditularkan semula. Pengarah Perhutanan Perak Datuk Mohamed Zin Yusop berkata, berdasarkan rekod pihaknya, kawasan berkenaan merujuk Hutan Simpan Kledang Saiong yang diklasifikasikan sebagai hutan pengeluaran.

"Satu kelulusan membalaik seluas 80 hektar sudah diberi oleh pihak Berkusa Negeri pada 2018. Aktiviti pembalakan dijalankan melalui pengeluaran satu lesen pada 2019 dan tamat pada 2020. "Ia dijalankan mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak jabatan," katanya dalam kenyataan, hari ini. Mohamed Zin berkata, pihak yang menularkan isu itu semula juga keliru dengan istilah Hutan Simpan Kekal yang pada anggapan mereka aktiviti pembalakan tidak boleh dijalankan. "Anggapan itu tidak tepat kerana hutan simpan kekal klasifikasi pengeluaran boleh dijalankan pembalakan mengikut prosedur dan syarat-syarat yang ditetapkan," katanya. Beliau berkata, di Perak terdapat seluas kira-kira 987,000 hektar kawasan yang diwartakan sebagai hutan simpanan kekal mengikut Akta Perhutanan Negara 1984. Katanya, hutan simpanan kekal ini diurus berdasarkan kepada prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan.

"Bagi tujuan itu, hutan simpan kekal ini diklasifikasikan kepada Hutan Pengeluaran (51%) dan Hutan Perlindungan (49%). "Hutan pengeluaran adalah bagi tujuan pengeluaran hasil hutan termasuk pengeluaran kayu secara berkekalan melalui aktiviti pembalakan, manakala Hutan Perlindungan bagi tujuan pemeliharaan alam sekitar, bekalan air mentah, perlindungan hidupan liar dan lain-lain lagi," katanya. Semalam, media melaporkan, kerajaan negeri mengarahkan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) menyiasat dakwaan aktiviti pembalakan di Kompartiment 17 Hutan Simpan Kledang Saiong di Kuala Kangsar, seperti yang tular baru-baru ini. Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad dilaporkan berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang laporan mahupun aduan mengenai aktiviti pembalakan yang dimaksudkan serta tidak menolak kemungkinan ia adalah gambar lama yang dikitar semula.

• Disiarkan pada: Januari 18, 2022 @ 4:15pm




18 JANUARI 2022

-Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
-bhnews@bh.com.my

SIASAT DAKWAAN PEMBALAKAN HUTAN SIMPAN KLEDANG SAIONG

IPOH: Kerajaan negeri mengarahkan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) menyiasat dakwaan aktiviti pembalakan di Kompartiment 17 Hutan Simpan Kledang Saiong di Kuala Kangsar, seperti yang tular baru-baru ini Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang laporan mahupun aduan mengenai aktiviti pembalakan yang dimaksudkan serta tidak menolak kemungkinan ia adalah gambar lama yang dikitar semula.



"Ini macam gambar 'recycle' (kitar semula). (Apapun) kita akan periksa mengenai isu ini kepada Jabatan Hutan (Jabatan Perhutanan Negeri Perak- JPNPK) sebelum siasatan dijalankan. "Kalau benar memang berlaku sekarang, kita siasat. Pelakunya boleh didakwa dan dihukum dengan berat kerana mencuri kayu balak dan tiada lesen (sekarang)," katanya pada Majlis Penyerahan Kit Kebun Kita (Jabatan Pertanian) menerusi Program MESRA 2.0 di Dewan Azumu, Halaman Meru Impian, di sini, semalam. Beliau ditanya hantaran tular baru-baru ini yang disertakan beberapa keping gambar di Facebook mengenai pembalakan berlesen yang dikatakan kembali berlaku di Hutan Simpan Kledang Saiong, Kuala Kangsar. Bagaimanapun, berdasarkan satu daripada gambar terbabit yang memaparkan papan tanda pemakluman berkenaan aktiviti pembalakan kawasan itu, tempoh lesen yang dikeluarkan adalah daripada 1 Mei 2019 sehingga 31 Oktober tahun yang sama membabitkan penerokaan seluas 80 hektar di Kompartmen 17 hutan simpan itu.

Sementara, dalam perkembangan lain, Saarani berkata, hasil rundingan yang gagal mencapai penyelesaian mengenai isu notis pengusiran kepada kira-kira 200 petani di Kanthan dan Tanah Hitam, Chemor di sini oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) membuatkan pihaknya kini hanya menunggu perintah mahkamah. "Ia sudah kes mahkamah. Jadi kita tunggu 'court order' (perintah mahkamah) sebab perundungan yang dibuat tidak menampakkannya jalan penyelesaian," katanya. Sebelum ini, media melaporkan lebih 130 petani generasi ketiga di Kanthan, diarahkan oleh PKNP supaya mengosongkan lebih 1,000 ekar tanah diusahakan sejak lebih enam dekad lalu. Pengurus Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Negeri Perak, Razman Zakaria kemudiannya dilaporkan berkata, kerajaan negeri memberi komitmen bagi menyediakan kawasan gantian yang dilengkapi infrastruktur kepada petani terbabit. Saarani berkata, kerajaan negeri perlu membuat persiapan bagi menyediakan prasarana di kawasan pertanian terbabit termasuk untuk membangunkan Silver Valley Technology Perak (SVTP) berikutnya permintaan tinggi yang diterima daripada pelabur luar. Beliau berkata, pembangunan fasiliti dan prasarana ke arah kawasan perindustrian di kawasan itu akan bermula sesudah selesai isu pemutihan tanah di kawasan terbabit.

"Jadi SVTP ini adalah satu daripada kawasan perindustrian yang kita cadangkan untuk digunakan pelabur yang mana pembangunannya akan disegerakan seperti dijadualkan bagi menggamit kedatangan mereka. "Selesai sahaja (pemutihan tanah), kita akan buat kerana sudah terima permintaan pelabur, dan kita faham keperluan mereka datang ke Perak. "Ini memandangkan kawasan perindustrian di Selangor dan Pulau Pinang sudah sesak, maka pelabur minat datang ke sini," katanya.

• Disiarkan pada : Januari 18, 2022 @ 10:27am

-liyana Ramli
-Utusan.com.my

PERAK TIDAK SEWENANGNYA LULUS AKTIVITI LOMBONG DI HUTAN SIMPAN

IPOH: Perak tidak sewenang-wenangnya meluluskan sebarang aktiviti pembalakan dan perlombongan di kawasan Hutan Simpan (HS) di negeri ini jika ia memberi kesan negatif kepada rakyat. Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad yang mengulas bantahan Sahabat Alam Malaysia (SAM) terhadap cadangan projek pembalakan dan perlombongan bijih timah di Hutan Simpan Kenderong, mukim Kerunai, Gerik, berkata, aktiviti pembalakan dan perlombongan juga perlu mendapatkan kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS).



SAARANI Mohamad (kiri) beramah mesra bersama sahabat AIM di Laman Seri Ridzuan, Ipoh hari ini. - FOTO/ZULFACHRI ZULKIFI

Menurutnya, JAS akan menilai laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (EIA) sebelum sesuatu projek diteruskan. "Kerajaan negeri mengambil maklum semua pandangan berkaitan isu tersebut termasuk SAM. Kita menghormati pandangan SAM. Saya juga akan mendapatkan maklumat khusus mengenai perkara ini daripada Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc). Bukan senang untuk melaksanakan operasi perlombongan. Jika lesen dikeluarkan, mereka perlu mendapatkan EIA," katanya. Beliau ditemui pemberita selepas Program Bersama Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di Laman Seri Ridzuan, di sini hari ini. Saarani berkata, kelulusan tidak diberikan jika kawasan itu merupakan sensitif alam sekitar. Beliau berkata, ketika ini juga sedang dilaksanakan sesi pendengaran awam mengenai prosedur operasi standard (SOP) Perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

"Perbincangan juga akan dilakukan bersama Jabatan Perhutanan Perak bagi mengetahui status HS berkenaan sama ada HS pengeluaran atau hutan simpan kekal," katanya. Mengenai dakwaan SAM bahawa aktiviti tersebut akan mencemarkan air seperti yang berlaku pada tahun 2019 di loji air Ganda, Saarani berkata, kerajaan negeri mengambil serius perkara tersebut. Semalam, dalam satu kenyataan, SAM membantah cadangan projek pembalakan dan perlombongan bijih timah di Hutan Simpan Kenderong Gerik kerana dibimbangi mencemarkan sumber air Sungai Perak. Presiden SAM, Meenakshi Raman berkata, kawasan hutan seluas 245 hektar telah dinyahwartakan dari Hutan Simpan Kenderong untuk tujuan pelaksanaan projek tersebut yang dicadangkan oleh sebuah syarikat perlombongan. Menurutnya, berdasarkan laporan oleh JAS, tapak cadangan projek merupakan kawasan berbukit berketinggian 320 hingga 450 meter melebihi paras laut yang juga merupakan kawasan tahanan air dengan terdapat beberapa anak sungai berdekatan dengan tapak projek mengalir ke dalam Sungai Perak. Sementara itu, Saarani berkata, Perak akan menubahkan satu jawatankuasa khas bagi membantu menyelesaikan sebarang masalah berkaitan peserta Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) terutamanya yang terjejas akibat Covid-19. – UTUSAN

• Disiarkan pada: Februari 5, 2022 @ 7:18 pm

-Saifullah Ahmad
-sinarharian.com.my

TIADA LAGI KELULUSAN PERLOMBONGAN DALAM HUTAN SIMPAN KEKAL DI PERAK



Dewan Negeri Perak pada Khamis dimaklumkan bahawa tiada lagi kelulusan baharu bagi sebarang aktiviti perlombongan dan pengkuarian di dalam HSK di negeri ini.

IPOH - Kerajaan Perak tidak akan memberikan kelulusan baharu bagi sebarang aktiviti perlombongan dan pengkuarian di dalam hutan simpan kekal (HSK) di negeri ini. Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, aktiviti pengkuarian sedia ada di dalam HSK ketika ini dikawal oleh Jabatan Perhutanan Negeri dengan mengenal pasti kawasan-kawasan yang sesuai untuk aktiviti berkenaan.

Menurutnya, Jabatan Perhutanan negeri juga sentiasa bekerjasama dengan agensi teknikal dalam usaha pemantauan aktiviti kuari di Perak. "Bermula November 2021, pihak berkuasa negeri telah memutuskan agar semua permohonan kuari dalam HSK perlu melalui Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) untuk diangkat bagi pertimbangan Jawatankuasa Mineral. "Bagaimanapun, pihak berkuasa negeri telah memutuskan tiada lagi kelulusan baharu bagi aktiviti perlombongan dan pengkuarian di dalam HSK," katanya ketika sesi penggulungan Usul Menyembah Ucapan Tahniah Serta Menjunjung Kasih Atas Penzahiran Titah Diraja Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan di Dewan Negeri pada Rabu. Beliau berkata, segala permohonan kuari perlu mendapatkan laporan kesesuaian daripada agensi teknikal seperti Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), PTG dan Jabatan Perhutanan negeri.

Sementara itu, dalam usaha membendung isu pencerobohan tanah-tanah di tepi sungai, Saarani berkata, pihak PTG bersama-sama semua pentadbir tanah serta agensi dan jabatan yang berkaitan telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepada mengikut Seksyen 425 dan 426A Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 828) melibatkan pencerobohan tanah kerajaan dan juga tanah rizab. Jelasnya, sebanyak 110 operasi penguatkuasaan iaitu masing-masing 30 operasi pada tahun 2020 dan 80 operasi pada 2021 telah dilaksanakan ke atas pencerobohan tanah-tanah kerajaan dan juga tanah-tanah rizab. Beliau berkata, pemantauan secara berterusan oleh pihak PTG, Pejabat Daerah dan Tanah serta agensi dan jabatan yang terlibat juga sentiasa dilaksanakan selain laporan yang diterima daripada orang awam. "Kerajaan negeri bersama kerajaan persekutuan akan melaksanakan proses pewartaan rizab-rizab sungai seperti yang diputuskan dalam Majlis Sumber Air Negara (MSAN). "Proses pewartaan rizab sungai akan memudahkan penguatkuasaan terhadap pencerobohan tanah dan merancang projek-projek tebatan banjir," katanya. Saarani berkata, pentadbiran tanah akan mengekalkan rizab sungai seperti mana syor pihak JPS jika terdapat sesuatu permohonan pemberimilikan yang melibatkan kawasan sungai. Katanya, jika didapati tanah diusahakan tanpa kelulusan, tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (Akta 828) boleh diambil bagi memastikan ia tidak mengganggu kerja-kerja penyelenggaraan tebing sungai oleh pihak JPS.

• Disiarkan pada: Mac 30, 2022 @ 06:04pm



16 MEI 2022

-Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
 -bhnews@bh.com.my

AKTIVITI MENDAKI GUNUNG SUKU DIHENTI SEMENTARA

IPOH: Jabatan Perhutanan Negeri Perak akan menutup sementara kebenaran mendaki Gunung Suku dekat Hutan Simpan Bukit Kinta di Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands dekat sini. Pengarahannya Datuk Mohamed Zin Yusop berkata, ia berikutan keadaan agak berbahaya pada masa ini susulan hujan lebat sehingga menyebabkan kejadian kepala air berlaku di kawasan berkenaan semalam.



Anggota bomba mengusung anggota tubuh badan dipercayai milik wanita yang hilang dihanyutkan kepala air ketika mendaki Gunung Suku di Simpang Pulai di sini. - NSTP/ MUHAMMAD ZULSYAMINI SUFIAN SURI. Foto Ihsan Pembaca

"Hasil semakan juga mendapati tiada sebarang lesen pembalakan dikeluarkan di sekitar kawasan gunung berkenaan," katanya dalam kenyataan hari ini. Dalam kejadian kira-kira jam 5 pagi semalam, dua wanita dikenali See Su Yen, 32 dan Ng Yee Chew, 46, dihanyutkan kepala air semasa mendaki gunung berkenaan.

Dalam kejadian itu, sekumpulan 29 pendaki gunung mendengar bunyi air dan tanah runtuh dari atas gunung, lalu mengambil keputusan berpatah balik. Namun, semasa dalam perjalanan turun kepala air menimpa kumpulan pendaki terbabit dan dua pendaki wanita itu yang berasal dari Cheras dan Klang, Selangor dihanyutkan arus deras.

Dalam pada itu, Mohamed Zin berkata, semua 29 pendaki itu mempunyai permit memasuki hutan simpan kekal yang sah. Pasukan mencari dan menyelamat (SAR) hari ini menemukan anggota tubuh manusia dipercayai milik seorang daripada dua pendaki wanita yang dihanyutkan kepala air semasa mendaki gunung terbabit. Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak, Muhammad Shahrizal Aris berkata, anggota badan mangsa ditemukan di bawah timbunan kayu jam 10.20 pagi.

Beliau berkata, anggota badan itu ditemukan di lokasi berbeza daripada lokasi penemuan sebelah kaki mangsa yang dijumpai petang semalam. "Anggota badan itu ditemukan di kawasan bawah, manakala kaki dijumpai di kawasan air terjun iaitu di kawasan atas," katanya. – BERNAMA

• Disiarkan pada : Mei 16, 2022 @ 6:57pm



16 MEI 2022

-Asliza Musa
 -Utusan.com.my

TIADA PEMBALAKAN DI GUNUNG SUKU, HUJAN LEBAT PUNCA KEPALA AIR

IPOH: Fenomena kepala air yang menghanyutkan dua pendaki wanita di Gunung Suku dekat Hutan Simpan Bukit Kinta, Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands dipercayai berpunca daripada hujan lebat memandangkan tidak ada aktiviti pembalakan di kawasan berkenaan. Jabatan Perhutanan Negeri Perak dalam kenyataannya berkata, tidak ada aktiviti pembalakan di kawasan berkenaan, malah kepala air itu berlaku berikutan hujan lebat pada awal pagi.



JABATAN Perhutanan Perak mengesahkan tiada aktiviti pembalakan di sekitar kawasan Gunung Suku

"Berdasarkan semakan, tiada sebarang lesen pembalakan di sekitar lokasi kejadian. "Pihak jabatan akan menutup sementara kebenaran mendaki Gunung Suku ekoran keadaan yang agak bahaya ketika ini," katanya. Menurut kenyataan itu, semakan oleh Pejabat Hutan Daerah Kinta/Manjung mendapati kehilangan dua pendaki itu berlaku di sebahagian kompartmen 115 Hutan Simpan Bukit Kinta, daerah Hutan Kinta/Manjung.

Katanya, Gunung Suku terletak lebih kurang 30 kilometer dari Balai Polis Simpang Pulai iaitu di Jalan Simpang Pulai menghala ke Cameron Highlands. "Dua pendaki wanita itu adalah daripada kumpulan 29 individu yang mempunyai permit yang sah untuk memasuki hutan simpan kekal berkenaan. "Operasi mencari dan menyelamat kedua-dua mangsa sedang dijalankan dengan Jabatan Perhutanan negeri turut membantu pasukan polis dan bomba dalam operasi tersebut," katanya.

Semalam, pasukan penyelamat yang melakukan operasi pencarian telah menemukan anggota tubuh manusia dipercayai milik pendaki yang dilaporkan hilang selepas dihanyutkan kepala air di Hutan Simpan Gunung Suku. Kaki bahagian kiri itu dijumpai anggota Pasukan Khas Taktikal Operasi Penyelamat Malaysia (STORM) sekitar pukul 5.05 petang pada jarak 300 meter dari lokasi terakhir mangsa dihanyutkan arus deras kepala air.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan, dua pendaki wanita dikhuatiri hilang selepas dihanyutkan kepala air ketika melakukan aktiviti pendakian bersama 27 individu lain di Hutan Simpan Kekal Gunung Suku. Mangsa dikenali sebagai See Su Yen, 30, dan Ng Yee Chew, 46. – UTUSAN

• Disiarkan pada : Mei 16, 2022 @ 12:56 pm

Kosmo!

16 MEI 2022

-zaki Salleh
-Kosmo.com.my

TIADA AKTIVITI PEMBALAKAN DI GUNUNG SUKU

IPOH – Tiada aktiviti pembalakan di kawasan Hutan Simpan Bukit Kinta (Gunung Suku) dekat Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands di sini iaitu lokasi dua pendaki wanita hilang.

Kejadian disebabkan fenomena kepala air hingga menyebabkan dua pendaki wanita dihanyutkan arus deras semalam.

Jabatan Perhutanan Negeri Perak dalam kenyataannya memaklumkan, kejadian kepala air itu dipercayai berpunca hujan lebat pada awal pagi semalam di kawasan berkenaan.

"Berdasarkan semakan, tiada sebarang lesen pembalakan di sekitar lokasi kejadian. "Pihak jabatan akan menutup sementara kebenaran mendaki Gunung Suku ekoran keadaan yang agak bahaya ketika ini," kata kenyataan itu.

Semakan Pejabat Hutan Daerah Kinta/Manjung mendapati, kehilangan dua pendaki itu berlaku pada sebahagian kompartmen 115 Hutan Simpan Bukit Kinta, daerah Hutan Kinta/Manjung. Gunung Suku terletak lebih kurang 30 kilometer dari Balai Polis Simpang Pulai iaitu di Jalan Simpang Pulai menghala ke Cameron Highlands. – KOSMO! ONLINE



PASUKAN penyelamat menyeluruh lautan air bagi mencari dua pendaki wanita yang dilaporkan hilang di Gunung Suku, Simpang Pulai, Ipoh hari ini. –Foto JBPM PERAK

• Disiarkan pada : Mei 16, 2022 @ 11:39 am

Utusan Malaysia

18 MEI 2022

-sayed Hesham Idris
-Utusan.com.my

SATU LAGI KEMATIAN LIBATKAN PENDAKI DI PERAK

IPOH: Seorang lelaki berusia 66 tahun meninggal dunia dipercayai akibat keletihan ketika mendaki Gunung Yong Belar yang terletak di sempadan Perak-Kelantan, malam semalam. Ia adalah kejadian terbaru melibatkan kematian pendaki di negeri ini selepas dua pendaki wanita dihanyutkan kepala air di Hutan Simpan Gunung Suku, Simpang Pulai di sini, empat hari lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, kejadian terbaru di Gunung Yong Belar itu melibatkan pendaki dari Selangor yang memulakan pendakian semalam dari Hulu Kinta dalam kumpulan 14 pendaki. Beliau berkata, mangsa dipercayai keletihan dan meninggal dunia di puncak gunung pada kira-kira pukul 830 malam semalam.

"Seramai 11 rakan mangsa turun dengan selamat manakala dua lagi masih berada di puncak gunung bersama mayat mangsa. Laporan polis kejadian itu dibuat di Lojing, Kelantan dan operasi membawa turun mayat mungkin menggunakan helikopter kerana untuk sampai di lokasi mangsa mengambil masa," katanya. Beliau ditemui pemberita selepas menghadiri majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Perhutanan Perak di Taman Eko Rimba, Kledang Saiong, Meru di sini hari ini.

Saarani berkata, berikutnya satu lagi kes kemalangan jiwa melibatkan pendaki di negeri ini, kawasan rekreasi hutan simpan di bawah Jabatan Perhutanan negeri ditutup berkuasa kuasa serta sehingga keadaan cuaca sesuai untuk aktiviti mendaki. "Saya telah berbincang dengan Jabatan Perhutanan negeri supaya kawasan rekreasi di kawasan hutan simpan ditutup buat sementara waktu berikutnya kejadian yang bertimpap-timpap, peristiwa yang sama berlaku melibatkan pendaki.

"Kawasan rekreasi di negeri ini ditutup sementara supaya orang ramai tidak sewenang-wenangnya memasuki kawasan berkenaan," katanya. Menurut Saarani, pendaki perlu memohon permit khas untuk aktiviti pendakian di negeri ini dan memberikan maklumat mengenai jadual keluar dan masuk di satu-satu kawasan pendakian. Bagaimanapun, katanya, terdapat pendaki yang masuk ke kawasan rekreasi tidak mengikut jadual, menyebabkan pihak berkenaan tidak tahu apa berlaku terhadap pendaki. "Kita akan tengok balik prosedur operasi standard (SOP) ini untuk mengawal kejadian ini daripada berulang. Mungkin juga kita kena kuatkuasakan malim gunung seperti di Gunung Kinabalu kerana mereka pakar laluan mendaki," katanya. – UTUSAN



SAARANI Mohamad (depan) menghadiri majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Perhutanan Perak di Taman Eko Rimba, Kledang Saiong, Meru di ipoh hari ini. –UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

• Disiarkan pada: Mei 18, 2022, 6:16 pm

BH
Berita Harian

18 MEI 2022

-Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
-bhnews@bh.com.my

WARGA EMAS MAUT AKIBAT KEPENATAN KETIKA MENDAKI GUNUNG YONG BELAR

IPOH: Seorang lelaki warga emas maut dipercayai akibat kepenatan ketika mendaki Gunung Yong Belar, dekat sini malam tadi. Mangsa, 66, berasal dari Selangor dikatakan memulakan pendakian dari Hulu Kita, dekat sini bersama 13 pendaki lain, namun hanya tiga daripada mereka meneruskan perjalanan ke puncak dan selebihnya berpatah balik. Berdasarkan maklumat, mangsa yang turut meneruskan pendakian dikatakan meninggal dunia di kawasan puncak gunung.



GAMBAR hisan

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, mengesahkan kejadian itu yang menyebabkan seorang pendaki maut kira-kira jam 8.30 malam tadi. "Dua daripada tiga pendaki yang meneruskan pendakian ke puncak bersama mangsa akhirnya turun melalui Lojing di Kelantan, sebelum membuat laporan polis di Balai Polis Tanjung Rambutan, di sini.

"Dua pendaki itu memilih untuk turun melalui Lojing memandangkan laluan itu lebih dekat kerana tempoh masa hingga 10 jam diperlukan untuk pulang ke kaki gunung di Hulu Kinta dari lokasi puncak di mana warga emas terbabit meninggal dunia," katanya. Saarani berkata, walaupun secara teknikal lokasi warga emas itu meninggal dunia sudah memasuki sempadan Kelantan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) bertanggungjawab mengendalikan kes itu susulan pendaki berkenaan memperoleh permit dari pihak terbabit dan masuk melalui Perak.

Beliau berkata, pihaknya dimaklumkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bahawa kemungkinan besar mayat mangsa akan dibawa turun menggunakan helikopter memandangkan tempoh untuk mendaki gunung berketinggian 2,181 meter dari paras laut itu memakan masa agak lama. Terdahulu, Saarani menghadiri Majlis Sambutan Aidilfitri 2022 anjuran JPNP di Taman Eko Rimba Kledang Saiong, di sini. Yang turut hadir ialah Pengarah Perhutanan Perak, Datuk Mohamed Zin Yusop.

• Disiarkan pada: Mei 18, 2022 @ 8:10pm

BH
Berita Harian

6 JUN 2022

-Jun 6, 2022 @ 5:40pm
-bhnews@bh.com.my

PERAK BINCANG PERMIT MASUK HUTAN SIMPAN KLEDANG SAIONG

TAPAH: Penguatkuasaan permit memasuki hutan simpanan kekal (HSK) bagi menjalankan aktiviti rekreasi harian, melalui pas bermusim di kawasan Bukit Kledang, Hutan Simpan Kledang Saiong, bulan depan, akan dibincangkan dalam mesyuarat EXCO kerajaan negeri. Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, berkata justeru pelaksanaan permit itu ditangguhkan hingga dimaklumkan kelak.



Saarani menyantuni penduduk setempat pada Program Moh Mengopi di Tapah, hari ini. - FOTO BERNAMA

"Saya telah memaklumkan kepada Pengarah Perhutanan Perak, Datuk Mohamed Zin Yusop untuk ambil maklum dan menyediakan kertas makluman, sekali gus mengambil tindakan sewajarnya. "Saya juga hendak tahu apa asas serta rasionalnya dan siapa yang terkesan, seterusnya membincangkan perkara itu dalam mesyuarat EXCO kerajaan negeri," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program Moh Mengopi, di sini, hari ini.

Sebelum ini, Jabatan Perhutanan Perak menerusi satu hebahan memaklumkan akan menguatkuasakan permit memasuki HSK bagi menjalankan aktiviti rekreasi harian, melalui pas bermusim di lokasi itu, berkuat kuasa bulan depan, selaras Seksyen 47(l) Akta Perhutanan Negara 1984. Menurut hebahan itu, bayaran dikenakan bermula dari harga RM10 hingga RM200 bagi warganegara, manakala untuk warga asing pula bermula dari RM400 hingga RM800, dengan yuran proses sebanyak RM20. – BERNAMA

• Disiarkan pada: Jun 6, 2022 @ 5:40pm



15 JUN 2022

-saifullah Ahmad
-sinarharian.com.my

KAWASAN LOMBONG LANTANID BUKAN DI HUTAN SIMPAN, CFS

IPOH - Kerajaan negeri Perak menegaskan kawasan cadangan bagi perlombongan nadir bumi, lantanid di daerah Hulu Perak bukan berada di dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) sebaliknya merupakan tanah milik Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC).

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, berdasarkan semakan yang dibuat, dakwaan Sahabat Alam Malaysia (SAM) bahawa kawasan tersebut merupakan Central Forest Spine (CFS) juga didapati tidak benar. Menurutnya, perkara tersebut disahkan Jabatan Perhutanan Negeri Perak serta pejabat tanah dan galian (PTG). "Saya minta tolong. Saya hormati kecenderungan mereka (SAM) untuk menjaga keselamatan tetapi tolong semak dengan jabatan yang berkaitan, betulkah ia di dalam HSK? Tanah itu adalah milik SADC, andaian yang mengatakan dilakukan dalam kawasan HSK tak betul.

"Saya dah semak memang ia bukan di dalam HSK dan bukan kawasan CFS, jadi isu itu tak berbangkit. Kita minta rujuk dan percayaalah dengan pihak autoriti," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pelan Perak Sejahtera 2030 di Hotel Kinta Riverfront, di sini pada Rabu. Saarani berkata, kerja-kerja perlombongan berkenaan masih belum dilaksanakan kerana tidak mendapat kebenaran merancang daripada Majlis Daerah Gerik disebabkan terdapat dokumen serta keperluan lain yang belum diserahkan Menurutnya, walaupun diluluskan nanti, projek rintis tersebut perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Kementerian Tanah dan Sumber Asli. Malah katanya, pemantauan juga akan dibuat oleh jawatankuasa yang dibentuk sepanjang tempoh kerja-kerja melombong dibuat bagi memastikan SOP dipatuhi.



Saarani (dua dari kanan) menyempurnakan pelancaran Pelan Perak Sejahtera 2030 di Hotel Kinta Riverfront, di sini pada Rabu.

• Disiarkan pada : Jun 15, 2022 @ 07:20pm



15 JUN 2022

-Balqis Jazimah Zahari
-bhnews@bh.com.my

LOKASI PROJEK RINTIS 'LANTANID' DI HULU PERAK BUKAN KAWASAN HSK – SAARANI

IPOH: Kerajaan Perak menegaskan lokasi penemuan mineral baru dan projek rintis perlombongan 'lantanid' di Gerik, daerah Hulu Perak, bukan berada di bawah kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) seperti didakwa beberapa pihak. Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, berkata sebaliknya lokasi penemuan nadir bumi itu disahkan berada bawah kawasan tanah milik Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC).

"Peraturan memang mengatakan tidak boleh mengadakan perlombongan dalam kawasan Hutan Simpan Kekal. "Kawasan yang hendak kita buat (projek rintis lantanid) ini bukan HSK, ini adalah tanah milik SADC," katanya pada sidang media selepas melancarkan Pelan Perak Sejahtera 2030, di sini hari ini. Saarani berkata, justeru beberapa pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memeriksa fakta sebelum membuat dakwaan.]

"Jadi, mereka yang membuat dakwaan ini saya minta tolong, kita menghormati kecenderungan mereka untuk menjaga keselamatan, tetapi tolong semak dengan jabatan berkaitan," katanya. Beliau juga menafikan dakwaan mengatakan lokasi projek itu dilakukan di dalam kawasan Central Forest Spine (CFS). "Ia terbuka, boleh semak dan rujuk dengan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta Jabatan Perhutanan dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), namun kita sudah mengesahkan bahawa ia di luar kawasan CFS."

"Saya sendiri sudah semak, memang sah ia bukan dalam HSK dan CFS. Jadi, mana-mana pihak termasuk NGO diminta agar tidak berdebat perkara di luar pengetahuan yang hanya akan menimbulkan huru-hara," katanya. Semalam, media melaporkan Sahabat Alam Malaysia (SAM) menggesa kerajaan negeri mengkaji semula pelaksanaan projek melombong nadir bumi lantanid di Hulu Perak. Pegawai Lapangannya, Meor Razak Meor Abdul Rahman dilaporkan berkata, jika diteruskan, ia dikhuatiri akan menjelaskan alam sekitar termasuk mengganggu hidup liar di kawasan berkenaan. Mei lalu, kerajaan Perak mengesahkan penemuan mineral baru iaitu lantanid di kawasan Hulu Perak, selain bijih timah.



Menyanyi (tiga dari kanan) melancarkan Pelan Perak Sejahtera 2030 di Hotel Kinta Riverfront, di sini pada Rabu.

• Disiarkan pada : Jun 15, 2022 @ 7:26pm

27 JUN 2022

-saifullah Ahmad
-sinarharian.com.my

TUBUH BRIGED MALIM GUNUNG PERHUTANAN BANTERAS PENCEROBOHAN

KAMPAR - Malim Gunung Perhutanan (MGP) akan memainkan peranan untuk membantu membanteras kegiatan pencerobohan hutan dan aktiviti pemburuan haram.



Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, bagi tujuan itu, kementeriannya bercadang untuk menubuhkan Briged Malim Gunung. Menurutnya, kementerian sedang berusaha memperkasa golongan MGP menerusi beberapa pelan tindakan yang akan dilaksanakan.

"MGP ini akan jadi antara mata dan telinga kepada Jabatan Perhutanan khususnya dari segi penguatkuasaan pencerobohan hutan dan juga membantu Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) bagi aktiviti pemburuan haram."

"Ketika ini kita melihat kepupusan haiwan-haiwan yang menjadi ikonik, Harimau Malaya pun dah tak ada, gajah pun dah diburu dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Penutup Kursus Malim Gunung Perhutanan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia di sini, pada Isnin.

Sementara itu, Takiyuddin berkata, pihaknya menyasarkan seramai 1,000 MGP di seluruh negara diberikan latihan pada tahun ini. Menurutnya, sehingga kini terdapat seramai 590 MGP di seluruh negara yang sudah menjalani latihan yang dikendalikan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Beliau dalam pada itu turut mengumumkan pembayaran RM600 secara sekali bayar kepada pelatih MGP yang berjaya menamatkan 60 jam latihan, sebagai salah satu insentif galakan.

• *Disiarkan pada: Jun 27, 2022 @ 07:31pm*

15 OGOS 2022

-Wat Kamal Abas
-Utusan.com.my

HUTAN BELUM-TEMENGOR 'DIHUNI' PEMBURU HARAM

GERIK: Kelongsong peluru, tapak khemah dan pondok yang dibina atas pokok antara kesan aktiviti pemburu haram yang sedang mengancam khazanah di kawasan Hutan Belum-Temengor Hulu Perak.



Jika kegiatan itu tidak dibendung, Hutan Belum-Temengor Hulu Perak yang kini popular dengan hidupan hutan semula jadi dan spesies haiwan dilindungi akan pupus. Bercakap kepada Utusan Malaysia, Timbalan Pengarah Operasi Perhutanan Perak, Azni Rahman A. Wahid berkata, bagi melindungi khazanah hutan itu, pihaknya dengan kerjasama tujuh agensi lain melancarkan operasi bersepadu di kawasan Hutan Belum-Temengor Hulu Perak dari 8 hingga 12 Ogos lalu.

Menurut beliau, menerusi operasi tersebut pasukannya menemukan pelbagai kesan aktiviti pemburuan haram yang aktif seperti tapak khemah, senjata memburu seorang pendatang tanpa izin (PATI) dan jenut. "Pasukan operasi kita juga menemui tempat binatang berkumpul menjilat tanah atau rumput yang bergaram yang masih segar," kata beliau ketika ditemui baru-baru ini. Kata Azni, pihaknya turut mengenal pasti 13 lokasi panas yang aktif dengan aktiviti-aktiviti jenayah di Hutan Belum-Temengor.

"Berdasarkan penemuan sebelum ini, ia menunjukkan pemburu haram sanggup bermalam sehingga tiga bulan di hutan demi mengaut keuntungan ratusan ribu ringgit dengan memburu haiwan yang dilindungi selain mengambil pokok bernilai tinggi seperti gaharu dan sebagainya. "Kompleks Hutan Belum-Temengor di Hulu Perak ini bukan hanya menjadi tumpuan warga tempatan malahan turut menjadi tumpuan warga asing seperti Kemboja, Thailand dan Vietnam untuk mencuri hasil hutan," katanya ketika ditemui Utusan Malaysia pada penutup Operasi Bersepadu SMART di Pulau Tali Kail Tasik, Banding dekat sini baru-baru ini.

Katanya, pihaknya mengenal pasti terdapat banyak laluan tikus yang kebanyakannya aksesnya adalah melalui Jalan Raya Gerik-Jeli yang terletak di tengah-tengah Hutan Simpan Amanjaya di sini. Azni memberitahu, kawasan itu menjadi tumpuan jenayah hutan kerana kawasan Kompleks Hutan Belum-Temengor di sini juga kaya dengan mineral dan menjadi tumpuan peneroka hasil mineral terutamanya bijih timah.

"Mengambil kira penemuan-penemuan ini, jabatan mengambil inisiatif proaktif untuk terus melakukan operasi bagi membendung aktiviti jenayah perhutanan dan jenayah hidupan liar."Jabatan akan memastikan rangkaian dan rantaian aktiviti -aktiviti ini terputus dan seterusnya jenayah penerokaan hutan dan pemburuan hidupan liar dapat dibanteras," katanya.

Sementara itu, Azni Rahman berkata, operasi bersepodu empat hari baru-baru ini di kawasan hutan di Hulu Perak melibatkan tujuh agensi lain iaitu Pasukan Gerakan Am (PGA), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Perak, Perbadanan Taman Negeri Perak dan dua badan bukan kerajaan (NGO), iaitu WWF-Malaysia dan RIMAU.

Menurutnya, operasi bersepodu yang dikenali SMART itu dijalankan di Kompleks Hutan Belum-Temengor yang melibatkan Hutan Simpan Amanjaya, Hutan Simpan Gerik, Hutan Simpan Banding dan Hutan Simpan Temengor. "Operasi tersebut menumpukan kepada dua matlamat iaitu membanteras jenayah penerokaan hutan dan pemburuan hidupan liar.

"Ini selaras dengan aspirasi kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan dalam memastikan khazanah kita yang bernilai ini dilindungi dan dijaga," katanya. Kata beliau, sepanjang operasi yang melibatkan 62 orang pegawai dan kakitangan itu menjalankan kerja-kerja pemantauan dan pemerhatian di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti berpandukan sistem e- Goespatial Perhutanan dan Forest Monitoring Using Remote Sensing (FMRS).

"Pemantauan dan penguatkuasaan dilakukan dengan menggunakan bot di kawasan air dan penggunaan kenderaan pacuan empat roda (4WD) di kawasan darat. "Selain itu operasi juga melibatkan tracking termasuk penggunaan peralatan dron, telefon satelit serta alat GPS," katanya. -UTUSAN



A.Dr Rahman A. Marli (ketiga dari kiri) bersama sekutu agensi yang terlibat dalam operasi bersama di Hutan Belum-Temengor semalam. Operasi bersama ini bertujuan untuk membanteras jenayah penerokaan hutan dan pemburuan hidupan liar di kawasan SMART di Pulau Teluk Mati Banding, Genting Baru, Perak. -UTUSAN

Belum-Temengor hutan terancam

Oleh WAT KAMAL ABAS

ruah agensi berlati merintaukan operasi bersama di Kawasan Simpanan Hutan Belum-Temengor di Hulu Perak di sini & Sungai Teluk Mati pada malam semalam. Operasi tersebut puncautan akibat adangan meningkatnya aktiviti jenayah penerokaan hutan yang berterusan di kawasan tersebut. Ia turut bertujuan untuk membanteras jenayah penerokaan hutan dan pemburuan hidupan liar di kawasan tersebut. Harian Utusan/Tengku

"Pada operasi kita juga mengambil langkah-langkah untuk membanteras jenayah penerokaan hutan dan pemburuan hidupan liar di kawasan tersebut. Operasi ini merupakan operasi pertama kali dalam tempoh yang lama. Kita berharap ia akan membantu mencegah aktiviti jenayah hutan di kawasan tersebut," kata Ahmad Faridah.

Menurutnya, operasi ini bertujuan untuk membanteras jenayah penerokaan hutan dan pemburuan hidupan liar di kawasan tersebut.

• Diniarkan pada : Ogos 15, 2022, @ 7:20 am



1 OKTOBER 2022

-Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
-bhnews@bh.com.my

AKTIVITI REKREASI DI HSK PERAK DIHENTIKAN MULAI 1 NOVEMBER

IPOH: Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) akan menutup laluan pendakian dan tidak membenarkan aktiviti rekreatif dalam hutan simpan kekal (HSK) mulai 1 November hingga 31 Januari depan.

Menerusi notis di Facebook rasmi jabatan itu, selain aktiviti pendakian, aktiviti rekreatif seperti redah hutan, pikap, berbasikal, dan sebagainya turut tidak dibenarkan di dalam HSK.

"Penutupan adalah sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan kejadian tidak diingini atau kemalangan berlaku berikut musim tengkujuh," kata notis terbabit. Sebelum ini Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) meramalkan negara akan mengalami hujan lebat berterusan mulai pertengahan November yang membawa kepada banjir besar pada penghujung bulan berkenaan.

Cuaca yang dialami dijangka memberi impak lebih signifikan kerana Monsun Timur Laut (MTL) yang aktif pada tempoh itu, di mana risiko berlaku hujan lebat berterusan dan banjir berskala besar adalah tinggi.



• Diniarkan pada : Oktober 1, 2022 @ 11:17am

Kosmo!

25 OKTOBER 2022


-Liyana Ramli
-Kosmo.com.my

1.37 JUTA POKOK DITANAM DI PERAK SEHINGGA SEPTEMBER LALU

GOPENG – Sebanyak 1.37 juta pokok berjaya ditanam di kawasan seluas 5,026 hektar di seluruh Perak sehingga Sepetember tahun ini. Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, kejayaan ini dicapai hasil pelbagai program penanaman pokok yang dilaksanakan seperti Communication, Education, Participating and Awareness (CEPA) oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Menurutnya, pada masa sama, Jabatan Perhutanan negeri telah mengklasifikasi sejumlah 485,613 hektar daripada kawasan hutan simpanan kekal sebagai hutan perlindungan. "Sebanyak 295,400 hektar daripadanya pula adalah sebagai hutan tадahan air. "Dengan adanya fungsi kelas hutan perlindungan, maka ia mengukuhkan lagi jumlah kawasan berhutan di Perak yang terus dipelihara dan dilindungi," katanya ketika berucap di majlis sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak di The Treasure@Taman Herba di sini hari ini.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat merasmikan sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak tersebut. Dalam majlis itu, baginda berkenan menyerahkan anak pokok kepada Pegawai Daerah dan Tanah Kinta, Meor Hezbullah Meor Abd Malik dan Pengurus The Treasure@Taman Herba Gopeng, Eidia Erriany Abdul Rahim. Baginda turut berkenan menyampaikan sijil penghargaan sumbangan penanaman pokok kepada Pengurus Kumpulan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC), Yahaniis Yahya dan Pengurus Lembaga Air Perak (LAP), Datuk Ishak Abdul Rahman. – KOSMO! ONLINE



Sultan Nazrin (kanan) melawat pameran pokok di majlis sambutan Hari Hutan Antarabangsa peringkat Negeri Perak di The Treasure@Taman Herba Gopeng hari ini - Foto MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

• Disiarkan pada : Oktober 25, 2022 @ 5:20 pm

Utusan Malaysia

25 OKTOBER 2022

-Liyana Ramli
-Utusan.com.my

PROGRAM PENANAMAN SEMULA BAGI LINDUNGI HUTAN DI PERAK

GOPENG: Negeri Perak melihat hutan mempunyai banyak fungsi yang boleh dimanfaatkan antaranya termasuklah untuk tujuan pendidikan, penyertaan dan kesedaran serta komunikasi justeru program penanaman perlu diperhebatkan supaya khazanah tersebut tidak pupus.

Menteri Besar Datuk Saarani Muhammd berkata, hutan merupakan khazanah negara yang penting dalam menjamin kestabilan ekosistem dan berkait rapat dengan pembangunan sosioekonomi negara dan perlu diuruskan secara berkekalan. Katanya, hingga September lalu, sebanyak 1.37 juta pokok berjaya ditanam di seluruh negeri.

"Kejayaan ini dicapai hasil pelbagai program penanaman pokok termasuk komunikasi, pendidikan, penyertaan dan kesedaran (CEPA) oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak bersama pihak-pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi kerajaan, badan-badan berkanun, syarikat berkaitan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, pelajar dan orang awam," katanya.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan merasmikan sambutan tersebut Keberangkatan baginda yang ditemani Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim. Turut berangkat Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa; Raja Puan Besar Perak, Raja Nazhatul Shima Sultan Idris Shah; Raja DiHilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris Shah dan Raja Puan Muda Perak, Tunku Soraya Sultan Abdul Halim.



SULTAN Nazrin Muizzuddin Shah menanam pokok pada sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak di The Treasure@Taman Herba di Gopeng hari ini - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

Beliau berkenan sambutan yang bertemakan 'Hutan untuk Kesejahteraan Masyarakat' bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pelbagai jenis hutan serta pemeliharaan dan pemuliharaan hutan.

Menurutnya, pada masa sama, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mengklasifikasi sejumlah 485,613 hektar daripada kawasan Hutan Simpanan Kekal sebagai Hutan Perlindungan dan 295,400 hektar daripadanya adalah Hutan Tадahan Air.

"Fungsi kelas hutan sebagai perlindungan, ini mengukuhkan lagi jumlah kawasan berhutan di Negeri Perak yang terus dipelihara dan dilindungi," katanya Pada program itu, Sultan Nazrin berkenan menyerahkan anak pokok kepada Pegawai Daerah dan Tanah Kinta, Meor Hezbullah Meor Abd Malik dan Pengurus The Treasure@ Taman Herba Gopeng, Eidia Erriany Abdul Rahim.

Baginda turut berkenan menyampaikan sijil penghargaan sumbangan penanaman pokok kepada Pengurus Kumpulan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP), Yahaniis Yahya dan Pengurus Lembaga Air Perak (LAP), Datuk Ishak Abdul Rahman. Sultan Nazrin berkenan melakukan penanaman pokok dan lawatan ke pameran serta jamuan santapan. – UTUSAN

• Disiarkan pada : Oktober 25, 2022 @ 3:14 pm



26 OKTOBER 2022

-Disiarkan pada : Oktober 26, 2022
-am@hmetro.com.my

SULTAN NAZRIN KURNIAKAN ANAK POKOK

Sultan Nazrin kurniakan anak pokok

Gopeng: Sultan Perak Sultan Nazrin Shah berkenan berangkat menyempurnakan perasmian sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak di The Treasure@Taman Herba di sini semalam.

Turut bersangkutan Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim, Raja Muda Perak Raja Jaafar Raja Muda Mesa, Raja Puan Besar Perak Raja Nazhatul Shima Idris Shah, Raja Duli Perak Raja Iskandar Dulokarnain Idris Shah dan Raja Puan Muda

Perak Tunku Soraya Abdul Halim.

Keberangkatan tiba baginda pada jam 10 pagi disambut Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad dan isteri Datin Seri Aneer Zubir.

Sultan Nazrin berkenan mengurniakan anak pokok kepada Pegawai Daerah dan Tanah Kinta Meor Hezullah Meor Abd Malik dan Pengurus The Treasure@Taman Herba Gopeng Eridia Erryam Abdul Rahim serta mengurniakan sijil penghargaan sumbangan

- Bernama



SULTAN Nazrin berkenan menyemai anak pokok di The Treasure@Taman Herba



25 NOVEMBER 2022

-Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
-am@hmetro.com.my

LORONG TIKUS AKTIVITI JENAYAH HUTAN DI SEKITAR GERIK [METROTV]

Sungai Siput: Kewujudan banyak laluan tikus sepanjang Jalan Raya Timur Barat (JRTB) dalam kawasan Hutan Simpan Amanjaya di Gerik menjadikan kawasan itu tumpuan aktiviti jenayah hutan termasuk perlombongan mineral galian secara haram.



Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP), Datuk Mohamed Zin Yusop, berkata kawasan hutan simpan kekal berkenaan kaya dengan mineral dan menjadi tumpuan peneroka haram hasil mineral terutamanya bijih timah. Beliau berkata, inisiatif diambil antaranya membuat halangan pada lorong tikus yang dikenal pasti menjadi jalan masuk ke kawasan terbabit namun peneroka haram terbabit dengan membuat laluan baru.

"Mereka tidak melombong secara besar-besaran, sebaliknya hanya secara mendulang di alur laluan air selain akses menceroboh hutan simpan berkenaan agak mudah kerana terletak di sepanjang laluan utama (JRTB). "Pemantauan kawasan ini adalah satu cabaran yang mengambil kira kawasan hutan yang luas dan sumber-sumber yang terhad khususnya (sumber) kerjasama antara JPNP dan agensi lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penutup Operasi Bersepadu SMART negeri Perak 2022 JPNP di Kompleks Latihan Perhutanan Sungai Siput di sini, hari ini. Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar dan Perancangan), Datuk Zahari Ibrahim. Mohamed Zin bagaimanapun manfaikan kegiatan melombong melalui penerokaan secara haram itu adalah perlombongan unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE).

Dalam operasi bersepadu membabitkan 91 keanggotaan dari lima agensi penguat kuasa serta dua badan bukan kerajaan (NGO) selama empat hari itu yang berakhir semalam, tiada tangkapan dan rampasan dihasilkan namun terdapat 19 insiden dikesan berkaitan jenayah hutan. Antara insiden itu adalah penemuan jenit/sira buatan masih aktif, jerat bidas, penemuan khemah, pondok usang, dan kelongsong peluru, kesan pembukaan laluan masuk, serta penemuan aktiviti penerokaan baharu.

Operasi membabitkan tiga daerah hutan iaitu Larut, Matang & Selama, Kuala Kangsar, serta Hulu Perak yang membabitkan mengenal pasti 120 titik kawasan panas yang menjadi tumpuan penjenayah hutan melalui hasil risikan dan maklumat awal. Selain JPNP, agensi yang turut terbabit dalam operasi bermula 21 November lalu itu adalah Pasukan Gerakan Am (PGA), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN); Jabatan Mineral dan Geosains (JMG); Perbadanan Taman Negeri Perak serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Sementara itu, Zahari berkata pada waktu ini hanya tiga negeri termasuk Perak menggunakan pakai sistem Spatial Monitoring and Reporting Tool (SMART) dan akan diperluaskan ke seluruh negeri di semenanjung Malaysia menjelang 2024.



Kosmo!

25 NOVEMBER 2022

-Asliza Musa
-Kosmo.com.my

120 HOTSPOT PENCEROBOHAN, PEMBURU HARAM DI HUTAN SIMPAN KEKAL DI PERAK



IPOH – Jabatan Perhutanan Perak mengenal pasti 120 kawasan hotspot pencerobohan dan pemburuan haram di kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) di daerah Kuala Kangsar, Hulu Perak serta Larut, Matang dan Selama.

Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar dan Perancangan), Datuk Zahari Ibrahim berkata, lokasi itu dikesan berdasarkan risikan dan maklumat awal oleh Seksyen Penguatkuasaan Hutan dan pasukan penguatkuasaan di Pejabat Hutan Daerah.

Katanya, lokasi berkenaan merupakan kawasan berisiko dalam aktiviti kesalahan hutan dan hidupan liar, pencerobohan hutan dan penerokaan hasil mineral terutama biji timah.

"Kawasan hotspot itu merupakan lokasi dalam Hutan Simpan Kekal yang diberi tumpuan menerusi operasi bersepada Spatial Monitoring and Reporting Tool (SMART) Negeri Perak.

"Kawasan-kawasan itu termasuk di Hutan Simpan Amanjaya, Hutan Simpan Temenggor dan Hutan Simpan Bintang Hijau.

Kebanyakannya adalah lokasi yang pernah kita periksa sebelum ini," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Penutup SMART Negeri Perak di Kompleks Latihan Perhutanan Sungai Siput di sini hari ini.

Menurut beliau, menerusi operasi itu, pihaknya mendapati kebanyakan lokasi hotspot berkenaan dilihat tidak aktif dan ini membuktikan keberkesanan operasi sama yang dijalankan Ogos lalu.

Dalam perkembangan sama beliau berkata, beberapa lorong tikus yang menjadi laluan bagi kegiatan penerokaan dan pemburuan haram di sepanjang jalan Gerik-Jeli turut dikenal pasti. - KOSMO! ONLINE

• Disiarkan pada : November 25, 2022, 4:34 pm

26 NOVEMBER 2022

-26 November 2022
-bhnews@bh.com.my

LORONG TIKUS DORONG PERLOMBONGAN MINERAL HARAM DI HUTAN GERIK

Lorong tikus dorong perlombongan mineral haram di hutan Gerik

Sungai Siput: Kewujudan laluan tikus sepanjang Jalan Raya Timur Barat (JRTB) antara Gerik-Jeli yang berada dalam Hutan Simpan Amanjaya di Gerik menjadikan kawasan itu tumpuan aktiviti jenayah hutan termasuk perlombongan mineral secara haram.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP), Datuk Mohamed Zin Yusop, berkata hutan berkenaan kaya dengan mineral terutama bijih timah, sekali gus menjadi tumpuan peneroka haram yang menjalankan kegiatan berskala kecil.

Beliau berkata, inisiatif diambil antaranya membuat halangan pada lorong tikus yang dikenal pasti menjadi jalan masuk ke kawasan terbabit tetapi kemudian perlu berdepan tindakan peneroka haram membuat laluan baharu.

"Mereka tidak melombong secara besar-besaran, sebaliknya hanya mendulang di alur laluan air, selain akses menceroboh hutan simpan berkenaan agak mudah kerana terletak di sepanjang laluan utama (JRTB).

"Pemantauan kawasan ini adalah satu cabaran yang mengambil kira kawasan hutan yang luas dan sumber yang terhad khususnya kerjasama di antara JPNP dan agensi lain yang turut terbabit," katanya selepas Majlis Penutup Operasi Berse-

padu SMART Perak Bil. 3/2022 JPNP di Kompleks Latihan Perhutanan Sungai Siput, di sini, semalam.

Dalam operasi bersepada membabitkan 91 keanggotaan daripada lima agensi penguasa serta dua badan bukan kerajaan (NGO) selama empat hari yang berakhir semalam, tiada tangkapan dan rampasan dibuat namun terdapat 19 insiden di kesan berkaitan jenayah hutan.

Antara insiden itu adalah penemuan jenit/sira buatan masih aktif, jerat bidas, penemuan khemah, pondok usang, dan kelongsong peluru, kesan pembukaan laluan masuk, serta penemuan aktiviti penerokaan baharu.

Operasi membabitkan tiga daerah hutan iaitu Larut, Matang & Selama, Kuala Kangsar, serta Hulu Perak yang membabitkan pengenapstian sebanyak 120 titik panas yang menjadi tumpuan penjenayah hutan melalui hasil risikan dan maklumat awal.

Selain JPNP, agensi yang turut terbabit dalam operasi bersempena 21 November lalu itu adalah Pasukan Gerakan Am, Polis Diraja Malaysia (PGA); Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN); Jabatan Mineral dan Geosains (JMG); Perbadanan Taman Negeri Perak; WWF-Malaysia dan RIMAU.



Mohamed Zin Yusop



29 NOVEMBER 2022

-Adibah Hani Hasnan
-bhnews@bh.com.my

PROJEK IC-CFS TANGANI ANCAMAN TERHADAP BIODIVERSITI NEGARA

KUALA LUMPUR: Projek Improving Connectivity of the Central Forest Spine (IC-CFS) yang dilaksanakan sejak 2014, berhasil menyokong usaha kerajaan dalam menangani dua ancaman kepada biodiversiti negara iaitu pengurangan kuantiti serta kualiti habitat dan pemburuan haram. Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Rosli Isa, berkata pelaksanaan projek menerusi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) itu, sangat penting dalam memelihara biodiversiti dan habitat hutan di landskap CFS.

Katanya, ia menyokong pelaksanaan Pelan Induk CFS yang meliputi habitat Harimau Malaya dalam aspek-aspek seperti pembangunan kapasiti kakitangan agensi persekutuan dan agensi negeri, meningkatkan penguatkuasaan, pengurusan hutan secara berkekalan, menyediakan Rancangan Pengurusan Koridor Ekologi, meningkatkan taraf hidup komuniti serta menyediakan Rancangan Kewangan Konservasi bagi Negeri. "Antara keberhasilan utama projek ini adalah pewartaan 32,783 hektar kawasan hutan tanah kerajaan kepada hutan simpanan kekal (HSK) dan meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan melalui Spatial Monitoring and Reporting Tool (SMART) dan program rondaan bersama komuniti setempat di negeri Perak, Pahang dan Johor.

"Selain itu, ia memberi kuasa kepada 21 orang pegawai JPSM dan Perbadanan Taman Negeri diberi kuasa untuk menguatkuasakan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716), dan menyediakan Pelan Pengurusan Koridor Ekologi untuk negeri Johor, Pahang dan Perak. "Projek ini meningkatkan taraf hidup komuniti hutan seperti Orang Asli melalui projek sara hidup seperti penghasilan madu tualang dan lilin lebah, santuari ikan, Program Pengawasan Burung Kenyalang dan Program Perhutanan Sosial," katanya. Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian Showcase Projek UNDP/GEF/GOM:IC-CFS di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Pengarah JPSM, Datuk Indera Mohd Ridza Awang. Yang turut hadir Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan) merangkap Pengarah Projek IC-CFS, JPSM, Datuk Zahari Ibrahim. Rosli berkata, projek itu membolehkan pelaksanaan aktiviti restorasi hutan terosot di dalam dan sekitar koridor ekologi CFS meliputi negeri Johor, Pahang dan Perak, yang menyaksikan setakat ini seluas 612.8 hektar hutan terosot berjaya dipulihkan. Katanya, projek itu membantu membentuk kaedah atau protokol khusus untuk menilai biodiversiti, serta menggunakan perisian Access untuk menilai perkhidmatan perhutanan dan stok karbon, selain membentuk Rancangan Kewangan Lestari di Pahang.

• Disiarkan pada : November 29, 2022 @ 5:55pm



Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Indera Mohd Ridza Awang (tengah), mewakil ke ruang pameran kerja Majlis Perasmian Program Showcase Projek IC-CFS Improving Connectivity In The Central Forest Spine di Kuala Lumpur Convention Center (KLCC), Kuala Lumpur.
NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

17 DISEMBER 2022

-Abd Razak Mohd Ali
-Disember 17, 2022 16:34 MYT

ARAHAN PEMBERHENTIAN SEMUA AKTIVITI HUTAN DI PERAK MUNGKIN DILANJUT

IPOH: Arahan pemberhentian aktiviti hutan di Perak, termasuk pembalakan dan rekreasi, yang berkuatkuasa sehingga 31 Disember ini, berkemungkinan besar dilanjutkan sekiranya keadaan hujan berterusan. Pengarah Perhutanan Perak, Datuk Mohamed Zin Yusop

